

**DOKUMEN LAPORAN INI BELUM DISEMAK**

**PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 25**

**Isnin**

**10 Disember 2007**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007 (Halaman 33)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
14. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
15. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
16. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
17. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
19. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
20. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis)
21. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
22. “ Tuan Khoo Soo Seng (Johor)
23. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
24. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
25. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
26. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
27. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
28. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
29. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
30. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
33. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)

34. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
35. Yang Berhormat Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
36. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
37. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
38. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
39. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
40. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
41. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
42. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
43. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
49. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
52. “ Dato’ Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
53. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
57. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
58. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
59. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
60. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
61. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
62. ” Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
63. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
64. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Roosme binti Hamzah

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**  
Mund. Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kamisah binti Sayuti  
Sarimah binti Amran  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri  
Nur Hidayah binti Janudin

Nurul Shahida binti Haji Ahmad  
Siti Khadijah binti Md Nor  
Nooruanizam binti Nasir  
Hafizah binti Abu Samah

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****ISNIN, 10 Disember 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Hajah binti Abd. Samad** minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan terakhir rakyat termiskin mengikut kaum dan negeri. Setakat manakah kejayaan strategi kerajaan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat termiskin dan apakah strategi kerajaan untuk mencapai matlamat miskin sifar.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]:**

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 2007 yang lalu terdapat seramai 66,989 ketua isi rumah termiskin yang dikenal pasti di kawasan luar bandar. Kejayaan strategi kerajaan membasmi kemiskinan boleh diukur melalui kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan daripada lebih 49% pada tahun 1970 kepada 5.7% pada tahun 2007.

Dalam usaha kerajaan untuk mencapai sasaran miskin tegar sifar menjelang tahun 2010, kerajaan telah meluluskan pelan strategi dan penambahbaikan program pembasmian kemiskinan. Pelan tersebut merangkumi penggunaan definisi pendapatan garis kemiskinan yang seragam, membangunkan bank data kemiskinan nasional atau e-Kasih, menggunakan *poverty mapping*, dengan izin sebagai alat teknikal untuk strategi perancangan, pelaksanaan dan pemantau program pembasmian kemiskinan dan penubuhan *focus group*, dengan izin di peringkat pusat, negeri dan daerah bagi memantapkan jentera dan mekanisme penyelarasan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan.

Kerajaan juga sentiasa meneliti bentuk dan jenis projek serta bantuan yang disalurkan memandangkan dimensi kemiskinan sentiasa berubah dengan perubahan masa, kumpulan miskin dan miskin tegar yang produktif akan diasingkan daripada kumpulan uzur, tua dan tidak produktif supaya bantuan khusus boleh diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, taburan mengikut negeri dan mengikut kategori produktif, tidak produktif dan orang kurang upaya adalah seperti berikut:

NEGERI	KELUARGA MISKIN (JUM/RIBU)
Perak (sehingga Jun 2007)	3,236
Selangor	697
Pahang	1,969
Kelantan	14,326
Johor	807
Kedah	3,821
Melaka	751
Negeri Sembilan	547
Pulau Pinang	196
Sarawak	10,165
Perlis	1,206
Sabah	21,566
Terengganu	9,898
<b>JUMLAH</b>	<b>66,989</b>

Kumpulan keluarga miskin yang produktif sehingga Jun jumlahnya ialah 43,405 orang, yang tidak produktif 14,541 ribu orang dan orang kurang upaya 9,043.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada angka yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih kurang 66,000 yang mengalami kemiskinan. Kalau saya tidak silap kaum Orang Asli bilangannya ialah 154 orang dan kemiskinan tegar bagi kaum Orang Asli adalah lebih kurang 70%. Adakah ini menunjukkan atau mencerminkan kelemahan institusi yang menjaga kaum Orang Asli sehingga kemajuan masih belum dicapai untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan Orang Asli.

**Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai kedudukan mutakhir, kedudukan mengikut Orang Asli ataupun bukan Orang Asli, tetapi maklumat yang kita kumpulkan adalah mengikut negeri. Dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dan pembasmian kemiskinan seperti yang saya sebutkan melalui pendekatan yang baru ini kita tidak mengambil satu-satu kaum.

#### ■1010

Semua kaum akan diambil kira dalam menangani pembasmian kemiskinan ini. Sebab itu dalam Yang Amat Berhormat ketika membentangkan Koridor-koridor Utara, Pantai Timur, Selatan dan begitu Sabah dan Sarawak, perkara membasmi kemiskinan ini adalah merupakan sebagai satu keutamaan akan diberikan ke dalam pelaksanaannya supaya jurang di antara yang berada dengan tidak berada akan berkurangan. Oleh sebab itulah dalam matlamat kita, 2010, insya-Allah kita hendak memastikan bahawa kita membasmi 100% miskin tegar dan kemiskinan yang lain turun kepada 2.7%.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerana kalau kita lihat dalam mana-mana negara pun, tidak mungkin kita hendak menghapuskan 100% kemiskinan ini. Kalau tidak pun, ada juga yang OKU dan sebagainya yang mana sentiasa kita beri keutamaan dalam memberi bantuan dan sebagainya. OKU dan mereka yang tidak produktif, kita juruskan keutamaannya kepada mereka, supaya mereka ini juga terkeluar daripada lingkaran kemiskinan yang kita sama-sama bincangkan hari ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Daripada fakta yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi tentang kumpulan miskin mengikut jumlahnya sekitar 66,989 ketua isi rumah dan majoritinya di luar bandar. Apakah pandangan Yang Berhormat Dato' berkaitan dengan dakwaan Hindraf yang mengatakan kumpulan India tertindas dan termiskin di negara kita dan dari segi fakta juga, terbukti terdapat hampir 847,900 kaum India terlibat dalam *workforce* tenaga kita. Di mana majoritinya adalah mempunyai pendapatan kedua tertinggi di negara kita dengan pendapatan purata sekitar RM3,200 sebulan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Abdul Raman bin Sulliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar seperti mana yang dikatakan oleh Datuk Yaakob sebentar tadi iaitu kalau kita lihat dari segi pendapatan purata mengikut kaum, bumiputera masih lagi jauh di bawah purata pendapatan ataupun KDNK ini dan sebab itu dalam isu yang ditimbulkan oleh Hindraf ini, kita menafikan sama sekali bahawa ia adalah satu pembohongan yang sangat besar yang dilakukan oleh pihak Hindraf.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bukti kita lihat bahawa di dalam dasar-dasar kerajaan sewaktu melaksanakan pembasmian kemiskinan ini kita dapati bahawa kita dapat menurunkan begitu besar sekali kemiskinan ini. Kalau kita lihat seperti jawapan saya tadi dalam tahun 1970, kita dapat turunkan daripada 49% hingga ke 50.7%. Ini menunjukkan bahawa kita sudah dapat mengurangkan 43.3% penurunan kemiskinan di dalam negara kita dan ini disasarkan kepada semua kaum, bukan kepada satu kaum sahaja.

Oleh kerana bumiputera adalah merupakan kaum yang tertinggal ke belakang dan kita pun percaya bahawa orang keturunan India pun masih ramai lagi yang tertinggal ke belakang, maka dalam fokus untuk membasmi kemiskinan kita pada masa yang akan datang, lebih menyeluruh. Itulah yang lebih penting kepada kita dan sasaran kita bukan kepada satu kaum sahaja, biarlah kepada semua kaum termasuk Sabah, Sarawak dan etnik-etnik lain di Sabah dan Sarawak.

2. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapakah jumlah projek perumahan yang terbengkalai, jumlah unit dan nilainya setakat ini, sila nyatakan pecahan mengikut negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah projek-projek perumahan yang terbengkalai setakat ini adalah sebanyak 155 projek yang melibatkan 63,294 unit rumah dan nilai jualan berjumlah RM5,935 juta. Pecahan mengikut negeri ialah:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Projek Perumahan Terbengkalai</b>
Selangor	42
Johor	32
Negeri Sembilan	20
Pahang	13
Kedah	8
Wilayah Persekutuan	7
Melaka	7
Perak	6
Kelantan	3
Terengganu	2
<b>Jumlah</b>	<b>155</b>

Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah yang menjadi punca utama yang menyebabkan projek-projek perumahan ini terbengkalai dan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh pihak kerajaan dan juga rakyat kita iaitu pembeli-pembelinya. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Kebanyakan daripada projek-projek perumahan yang terbengkalai ialah projek-projek lama yang telah dimulakan dan diteruskan sebelum 2002. Salah satu daripada punca utama ialah isu krisis ekonomi yang berlaku di negara kita pada masa itu di mana beberapa projek yang dimulakan tidak dapat diteruskan. Selain daripada itu, kita telah kenal pasti bahawa selepas beberapa pindaan yang telah dibuat kepada Akta Pemajuan Perumahan termasuk yang dibuat pada awal tahun ini telah menunjukkan kesan dan sekarang pemaju-pemaju perumahan lebih sedar dan berjaga-jaga di dalam menguruskan projek-projek mereka dan bilangan projek terbengkalai itu makin kurang.

Sebenarnya tahun dahulu jumlahnya adalah lebih daripada apa yang saya sebutkan tadi kerana daripada beberapa projek yang saya beritahu tadi itu telah dipulihkan balik. Daripada 150 projek yang saya telah sebutkan tadi, 54 projek telah diserahkan kepada SPNB untuk dipulihkan balik dan pada masa yang sama 76 projek lagi di dalam kajian kementerian untuk mengenal pasti cara mana yang paling baik untuk memulihkan projek-projek itu.



Tentang kerugian yang ditanggung oleh kerajaan atau rakyat Malaysia itu, butir-butir tentang itu saya tidak ada, kita boleh beri maklumat itu kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Ir. Hiang A Li dan selepas itu Tuan Munusamy.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat tidak jawab cara-cara untuk beberapa bilangan projek akan dipulihkan. Saya hendak tahu apakah cara-cara yang kerajaan ambil untuk memulihkan projek-projek serupa ini. Kedua, adakah Tribunal Perumahan atau tribunal yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membantu dalam perkara ini? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Biasanya bila sesuatu projek telah dikenal pasti sebagai satu projek perumahan terbengkalai, apa yang dilakukan oleh kementerian ialah pada mulanya mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang terbabit termasuk pemaju, pembeli dan institusi-institusi kewangan dan selepas itu kita ada beberapa pilihan, satu – kalau ada isu-isu berkenaan permohonan kelulusan dan sebagainya di peringkat kerajaan, kementerian akan bantu menyelesaikan masalah itu.

Nombor dua, kalau isu-isu adalah berkenaan dengan kemampuan pemaju itu untuk meneruskan projek itu, maka di dalam keadaan ini kita akan mencadangkan supaya projek ini boleh diambil balik dengan menggunakan kuasa yang ada di bawah menteri dan diserahkan kepada pemaju yang lain yang boleh meneruskan dan menjayakan projek itu.

Ada keadaan di mana tidak ada pemaju swasta yang mahu meneruskan projek kerana ini tidak akan mendatangkan keuntungan. Di dalam keadaan ini, kerajaan menggunakan kemudahan yang ada di bawah Syarikat Perumahan Negara untuk membantu di dalam memulihkan projek-projek ini terutamanya projek-projek rumah kos rendah yang sudah terbengkalai.

#### ■1020

Tentang apakah peranan Tribunal Perumahan dalam isu bantu menyelesaikan projek-projek terbengkalai pada masa sekarang, kebanyakan aduan yang pergi ke tribunal perumahan ialah tentang rumah-rumah yang sudah siap dan tidak memenuhi apa yang telah ditetapkan dalam perjanjian jual beli atau pembeli tidak puas hati dengan mutu kerja yang dibuat. Itu ialah kes-kes yang telah dihantarkan ke tribunal dan peranan tribunal untuk mengawal dan supaya projek terbengkalai itu kurang pada masa itu. Terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya ada dua soalan, tetapi satu soalan telah dikemukakan. Soalan tambahan saya, sebanyak 155 projek telah pun diambil tindakan untuk memulihkan daripada keadaan terbengkalai. Kadang-kala kita rasa tempoh masa yang lama diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan perkara-perkara seperti ini. Ini membebankan ramai rakyat atau pembeli yang terpaksa membayar ansuran setiap bulan kepada bank.

Apakah kerajaan tempatan mengambil tindakan untuk membantu mereka untuk membayar ansuran bank sementara mengambil tindakan-tindakan bagi memulihkan projek dan satu lagi adakah tempoh masa yang ditetapkan untuk menyelesaikan satu-satu kes? Terima kasih.

**Dr S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pembeli rumah di mana projek-projek telah terbengkalai menanggung satu beban yang tinggi kerana mereka dipaksa meneruskan pembayaran mereka kepada institusi kewangan. Dalam hal itu, apa yang cuma boleh dilakukan oleh kementerian untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Institusi Kewangan untuk bantu dengan mengaturkan balik bayaran ansuran supaya dia lebih sesuai dengan apa boleh ditanggung oleh pihak pembeli. Namun, tiada cadangan-cadangan untuk kerajaan mengambil balik bayaran ini pada masa sekarang kerana itu adalah satu hal yang susah.

Tentang soalan yang berterusan, mengapa mengambil jangka masa yang panjang? Semua projek-projek yang terbengkalai ini mempunyai isu-isu yang sangat kompleks. Ada isu daripada segi kewangan kerana diri mereka dan dari segi perundangan dan kadang-kadang kita boleh juga mengumpulkan semua pembeli untuk menerima satu pandangan yang bersama. So, kerana untuk menyelesaikan isu ini, segala perkara yang macam ini kena diambil perhatian dan diselesaikan satu persatu. So, kalau tidak isu yang banyak, penyelesaian cepat. Kalau isu itu lebih kompleks, penyelesaian lambat. Itulah sebabnya. Oleh itu, kita sudah tidak boleh menetapkan satu masalah yang tetap supaya projek ini dipulihkan balik di dalam satu masa. Terima kasih.

3. **Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah dasar 'pertumbuhan ekonomi' yang diguna pakai oleh kerajaan dalam usahanya untuk bersaing dengan negara-negara seperti India, China, Thailand dan Singapura. Bagaimanakah dasar itu menjamin kualiti hidup dan pembangunan yang seimbang untuk rakyat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menghadapi persaingan antarabangsa, kerajaan telah melaksanakan dasar pertumbuhan ekonomi yang menekankan kepada beberapa pendekatan pokok:

- (i) mengukuhkan daya tahan ekonomi dalam negeri, *internal resilient*;
- (ii) mempertingkatkan daya saing negara untuk terus kekal. Menjadi negara pedagang antarabangsa yang besar dan penerima pelaburan asing yang tinggi; dan
- (iii) memperkasakan modal insan untuk memastikan pembangunan seimbang dinikmati rakyat secara adil dan saksama seperti yang digariskan di bawah Misi Nasional 2006 - 2020.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah melonggarkan peraturan untuk penukaran wang asing, menambah baik persekitaran pelaburan asing dalam pasaran hartanah

serta meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam untuk mengurangkan kos kendalian perniagaan.

Usaha juga diambil untuk melonggarkan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), mengurangkan cukai pendapatan syarikat kepada 26% pada 2008 dan seterusnya kepada 25% pada 2009. Terbaru adalah usaha untuk menarik pelaburan serta memajukan Wilayah Pembangunan Ekonomi Baru seperti Wilayah Pembangunan Iskandar, Wilayah Pembangunan Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur serta wilayah-wilayah di Sabah dan Sarawak.

Untuk meningkatkan eksport dan menjana jenama Malaysia di peringkat antarabangsa. Malaysia juga mempergiatkan, memperluaskan pengeluaran dan pasaran bagi produk halal dan perkhidmatan kewangan Islam. Selain daripada pasaran sedia ada mahupun pasaran global yang lain. Bagi memperkasakan pembangunan modal insan pula, beberapa perancangan baru telah dilancarkan. Iaitu Pelan Induk Pendidikan dan Pelan Induk Pengajian Tinggi. Ini adalah bagi menyediakan asas bagi mewujudkan tenaga kerja berinovatif dan berkemahiran yang diperlukan untuk menjadikan ekonomi Malaysia ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Pada masa yang sama bidang latihan dipertingkatkan dan pembangunan ICT terus diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil ini adalah untuk memastikan kualiti hidup rakyat terus meningkat dan pembangunan adalah seimbang. Malah usaha memajukan Wilayah Pembangunan adalah selaras dengan usaha mencapai matlamat pembangunan seimbang. Mengurangkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar, antara kaum dan antara sektor ekonomi tradisional dan sektor ekonomi moden. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Haji Mohd. Puad selepas itu Lee Sing Chooi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam isu pertumbuhan ini, Perdana Menteri menekankan soal pertumbuhan dan pengagihan dengan izin, *approach with equity*. Ada pakar yang mengatakan bahawa kerajaan hanya perlu menumpukan dalam soal pertumbuhan sahaja sebab pengagihan akan berlaku secara automatik; dengan kata lain mereka mengatakan kerajaan tidak perlu terlibat dalam soal pengagihan.

Soalan tambahan saya ialah, apakah dasar pertumbuhan dengan pengagihan ini dianggap sebagai satu diskriminasi, keistimewaan hanya kepada sesuatu kaum yang menghalang kepada daya saing yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi dan boleh menghalang kemasukan pelabur asing ke negara kita. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Soal pengagihan dan pertumbuhan. Pendekatan sama ada pertumbuhan diutamakan ataupun dasar yang mengutamakan kedua-dua pertumbuhan dan pengagihan adalah merupakan satu soal yang begitu tua dalam pemikiran ekonomi. *Very old question*, dengan izin, yang membezakan ideologi awal sama ada ekonomi perlu digerakkan atas dasar kapitalisme, komunisme dan juga sosialisme.

Inilah dia sama ada penekanan yang harus kita berikan kepada pengeluaran, kepada keadaan pasaran, tanpa campur tangan kerajaan dalam usaha-usaha pengagihan. Kita tahu bahawa ekonomi yang berlandaskan kepada pasaran bebas semata-mata tidak begitu berjaya menghapuskan masalah masyarakat. Terutama sekali untuk menghapuskan masalah kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan.

Apa yang diambil oleh Malaysia sejak dasar ekonomi baru yang dahulu walaupun kelihatan pada awalnya agak kontroversi, walaupun kelihatan pada peringkat awalnya tidak selari dan selaras dengan aliran semasa pada masa itu. Akhirnya ianya telah mendapat pujian, telah mendapat pengiktirafan daripada badan dunia seperti Bank Dunia (*World Bank*).

Sehingga Malaysia dijadikan satu model contoh untuk dicontohi oleh negara-negara lain, negara-negara yang membangun yang lain. Terutama sekali dari segi kejayaan Malaysia menghapuskan kemiskinan ataupun mengurangkan pada kadar yang tinggi pada satu masa terdahulu. Hampir 50% rakyat Malaysia berada di bawah garis kemiskinan hanya pada tahun 1969.

#### ■1030

Dalam masa 30 tahun lebih sahaja telah mampu mengurangkan kadar kemiskinan kepada lebih kurang 5%. Insya-Allah, kadar kemiskinan tegar juga akan dihapuskan dalam jangka masa beberapa tahun lagi. Iaitu pada tahun 2010. Ini satu kejayaan yang tidak dapat ditidakkan, kerana kalau diberi keutamaan kepada pertumbuhan semata-mata jelas terbukti di mana jua kesan *trickle-down effects* ini yang diharapkan oleh sistem kapitalisme untuk membawa faedah-faedah ekonomi ini kepada golongan yang bawah yang menanti-nantikan faedah ini adalah terlalu lama dan mungkin boleh menimbulkan kesan negatif dan kesan sosial, akhirnya boleh menjejaskan kestabilan ekonomi dan politik negara.

Jadi dalam konteks kerajaan kita Malaysia adalah saya yakin pendiriannya masih tegas bahawa pertumbuhan tidak boleh dipisahkan dengan pengagihan. Tidak ada soal sama ada dasar-dasar pengagihan ini boleh dilihat sebagai satu dasar diskriminasi. Kalau kita bercakap tentang penghapusan kemiskinan tanpa mengira kaum yang menjadi asas kepada Dasar Ekonomi Baru kita adakah ada soal-soal diskriminasi? Inilah seharusnya yang kita harus teruskan dan kalau soal diskriminasi ini saya kira ianya tidak timbul hari ini. Ini kerana masih lagi terdapat banyak di dunia negara-negara yang tidak mengikuti dasar atau sistem ekonomi kapitalis secara langsung tetapi banyak bergantung kepada satu sistem campuran yang lebih menyerupai sistem yang kita lakukan dengan penuh kejayaan, terima kasih.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Melainkan strategik persaingan, macam mana kerajaan menggunakan strategi *smart partnership* dengan izin, dalam pertumbuhan ekonomi negara kita dengan negara-negara jiran dan juga negara-negara yang mana mempunyai peningkatan ekonomi pesat dan juga pasaran yang besar seperti negara India dan China supaya kita dapat satu senario menang - menang, terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Smart partnership* ini dapat kita lihat dalam hubungan negara kita dengan pelbagai negara di dunia ini. Kalau kita berhubung dengan negara-negara yang masih lagi kurang maju berbanding dengan kita seperti di negara Afrika ataupun dengan negara-negara yang lain. Maka *smart partnership* boleh dilihat sebagai hubungan untuk mereka melihat mengkaji dan barangkali mempelajari apa yang diadakan di Malaysia ini dari segi pengurusan ekonominya, dari segi peranan kerajaan yang semakin beransur kurang dalam ekonomi sejak daripada krisis ekonomi tahun 70-an dan 80-an yang pada masa dahulu ekonomi Malaysia ini didominasi sektor awam; peringkat demi peringkat sehingga hari ini yang menggerakkan enjin kepada pertumbuhan negara kita adalah swasta.

Ini kita lihat hubungan kita dengan negara-negara yang kurang membangun dan kurang maju berbanding dengan negara kita. Pada masa yang sama kita juga adalah *realistic* dengan izin. Kita melihat negara-negara yang semakin maju ke hadapan, yang semakin berpotensi barangkali disebabkan oleh sumber-sumber ekonomi mereka seperti negara China, negara India dan negara-negara lain. Kita seharusnya menjalin hubungan perniagaan kita dan pelaburan kita sebab itulah kita menggalakkan pelabur-pelabur kita untuk pergi melabur di negara-negara ini.

Pelabur-pelabur kita sekarang ini sudah berada di banyak negara untuk mengambil kesempatan. Kalau peluang perniagaan di tempat kita semakin kompetitif, maka kita perlu keluar untuk mencari peluang-peluang lain. Saya rasa semua ini adalah semuanya sifat *smart partnership* yang kita adakan dan juga selaras dan selari dengan usaha kita memakmurkan jiran *prosper-thy-neighbor policy* bukannya *beggar-thy-neighbour*. Semua ini menunjukkan keupayaan dan kematangan negara kita dan kepimpinan negara kita dalam menangani keadaan ekonomi semasa, terima kasih.

4. **Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta Menteri Pelajaran menyatakan, statistik berapakah jumlah Orang Asli yang telah menjadi guru dan berapa ramai daripada mereka ini dihantar ke pos masing-masing untuk berkhidmat kepada masyarakat Orang Asli setempat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Datin Paduka Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Januari 2007 data Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan seramai 113 guru keturunan Orang Asli ditempatkan di sekolah murid Orang Asli di beberapa buah negeri iaitu:

Negeri	Bilangan Guru Keturunan Orang Asli
Selangor	5
Pahang	57
Negeri Sembilan	35

Perak	30
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	12
Johor	4

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan murid Orang Asli yang berjaya menamatkan pengajian di institut pendidikan guru atau IPG dari tahun 2001 hingga 2006 adalah seramai 196 orang.

Dalam rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan RM1.15 bilion bagi program pendidikan di kawasan luar bandar yang turut merangkumi pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman.

Selain daripada itu, bagi memastikan golongan di kawasan pedalaman termasuk masyarakat Orang Asli benar-benar terbela kerajaan telah menubuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara atau BBPN yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Badan ini telah menyusun strategik pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang efektif di kawasan luar bandar dan pedalaman yang turut dikenali sebagai projek-projek berimpak tinggi atau dengan izin, *high impact project* atau HIP.

Projek-projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan melalui pelbagai aspek seperti aspek infrastruktur peralatan, guru, kurikulum dan program bantuan serta khidmat sokongan. Terima kasih.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pihak kementerian berpuas hati dengan statistik ini dan apakah tindakan kementerian untuk penambahbaikan taraf pelajaran Orang Asli dan jangka daripada jangka pendek dan jangka panjang, terima kasih.

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah untuk menambahkan prestasi akademik di kalangan pelajar Orang Asli walaupun pokok soalan ini adalah berkaitan dengan guru Orang Asli. Di antara langkah yang telah diambil untuk menangani masalah keciciran pelajar-pelajar Orang Asli adalah seperti berikut; pertamanya penubuhan sekolah-sekolah modal khas komprehensif K9. Iaitu di mana kita juga termasuk pendidikan pra sekolah dan murid-murid Orang Asli menjalani persekolahan dari Tahun 1 hingga Tingkatan 3.

Sekolah komprehensif ini bermakna dia akan guna dari Tahun 1 hingga Tingkatan 3 iaitu selama 19 tahun di sekolah yang sama. Jadi mereka tidak akan diasingkan sekolah rendah dan sekolah menengah dan projek rintis sekolah modal khas ini telah dilaksanakan di SK Bandar Dua Paloh Inai Pekan Pahang pada bulan Jun tahun ini 2007 dan pada masa yang sama kerja-kerja

menaik taraf kepada asrama bilik warden, rumah persinggahan ibu bapa, dan dewan makan juga dijalankan.

Keduanya, kita juga menjalankan *cluster*, murid Orang Asli dan Penan. Ini bermakna, Kementerian Pelajaran dalam proses mengelompokkan sekolah-sekolah murid Orang Asli dan Penan untuk berkongsi sesi pelajaran dan pembelajaran secara interaktif melalui teknologi *video conferencing* dan tujuh buah sekolah Orang Asli di pekan telah dipilih untuk projek ini.

■ **1040**

Ketiga, kementerian juga hulurkan insentif dalam bentuk bantuan KWAPM ataupun Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan untuk murid-murid sekolah rendah, bantuan yang diberikan adalah pada kadar RM200 seorang setahun dan bantuan am pada kadar RM30 sebulan selama 10 bulan. Bagi sekolah menengah pula kadar bantuan adalah RM300 setahun dan bantuan am adalah RM40 sebulan selama 10 bulan.

Akhirnya, kementerian juga dalam proses menjalankan program yang dikenali sebagai *On Going Outreach Program* yang dijalankan sepanjang tahun. Program ini diadakan secara kerjasama dengan individu Orang Asli, masyarakat setempat, ahli antropologi daripada universiti tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Tujuan *On Going Outreach Program* adalah untuk mendekati murid, guru, ibu bapa dan masyarakat setempat dengan memberi penerangan secara langsung dan tidak langsung tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak serta pendidikan adalah saluran yang boleh membantu masyarakat Orang Asli keluar dari kemiskinan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen kerana menjawab soalan rakan saya tadi. Terima kasih saya rakamkan kepada Kementerian Pelajaran kerana telah membawa banyak inisiatif dan perubahan terhadap pendidikan di kalangan Orang Asli sejak 50 tahun yang lalu.

Soalan tambahan saya, kita difahamkan bahawa guru-guru telah diberi satu insentif yang lain daripada kumpulan kakitangan awam iaitu antara RM500 hingga RM1,000 setiap bulan. Jadi, apakah kejayaan yang telah dicapai terhadap pembangunan pendidikan di sekolah rendah Orang Asli umpamanya terhadap pencapaian UPSR baru-baru ini?

Yang kedua, apakah langkah-langkah pemantauan yang telah diatur untuk meningkatkan budaya kerja di kalangan guru-guru yang ditempatkan di kawasan pedalaman ini. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah soalan yang spesifik, tetapi baru-baru ini kementerian telah memperkenalkan insentif untuk guru-guru kita yang sedia berkhidmat di kawasan-kawasan pedalaman, bukan sahaja luar bandar tetapi juga pedalaman. Amaun insentif adalah tertakluk kepada jaraknya daripada bandar.

Kami dapati bahawa dengan langkah ini dan juga teras-teras dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan atau PIPP. Kami di Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil

langkah-langkah untuk memartabatkan profesion keguruan supaya tingkat profesionalisme di kalangan guru bersama-sama dengan program-program yang dilaksanakan oleh kementerian akan naik dari masa ke masa.

Walaupun saya tidak ada jawapan yang spesifik di antara kaitan dengan pemberian insentif dengan prestasi guru. Namun saya juga ada sedikit makluman tentang keciciran pelajar Orang Asli yang saya dapati telah menurun di sekolah rendah yang telah menurun daripada kadar 43% pada tahun 1997 kepada hanya 1.41% pada tahun 2006, ini adalah untuk UPSR.

Kemudian keciciran pelajar Orang Asli yang tamat darjah enam tetapi tidak menyambung ke Tingkatan 1, pada tahun 2006, adalah 34.31%. Kadar keciciran pelajar Orang Asli dari Tingkatan 6, tetapi tidak menamatkan Tingkatan 5, pada tahun 2006 adalah 39.89%. Jadi ini adalah satu kadar yang agak tinggi dan kementerian akan terus mengadakan dan bukan sahaja melaksanakan program-program yang sedia ada, tetapi kita akan merangka program-program yang baru untuk menggalakkan lebih ramai pelajar-pelajar Orang Asli kita untuk menamatkan pelajaran sehingga ke Tingkatan 5.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

5. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, pencapaian Program Pembangunan Industri Asas Tani Nasional sekarang. Sehingga kini, berapakah bilangan usahawan industri asas tani mencapai tahap pendapatan melebihi RM2,000 sebulan dapat dilahirkan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, Program pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Nasional telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 17 Ogos 2006 di Sik, Kedah.

Melalui program ini, seramai 10,000 orang usahawan industri asas tani akan dilahirkan menjelang tahun 2010. Sehingga kini seramai 4,514 orang usahawan telah berjaya dilahirkan, daripada jumlah ini seramai 836 orang usahawan adalah berada di dalam kategori usahawan mencapai pendapatan lebih RM2,000 sebulan. Terima kasih.

**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program ini dijangka akan melahirkan ramai usahawan industri asas tani di kalangan petani, penternak dan nelayan khususnya dalam bidang pemprosesan makanan. Kebiasaannya, masalah yang dihadapi ialah pemasaran produk makanan yang dihasilkan.

Soalan tambahan saya, adakah langkah kementerian dalam menyediakan program promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara dan sejauh manakah kejayaannya dan setakat manakah kejayaan Program Pembangunan Industri Asas Tani ini telah membantu membasmi kemiskinan kepada graduan-graduan kita yang telah menceburi diri di dalam program ini. Sekian, terima kasih.



**Datuk Mah Siew Keong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sasaran program sebenarnya ada tiga sasaran dan bukan sahaja meningkatkan usahawan, tetapi seperti yang disebutkan, kita hendak meningkatkan juga eksport industri asas tani.

Oleh itu, sasaran termasuk supaya dalam 10,000 pengusaha industri asas tani yang kita sasarkan, kita harap sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah usahawan ini akan menepati persijilan antarabangsa, tadi saya ada sebut 20%. Kerana ini adalah penting dan oleh itu dari segi FAMA, FAMA telah menganjurkan beberapa program untuk meningkatkan lebih sikap positif dan meningkatkan imej dan persembahan produk.

Oleh itu, dari segi pembungkusan adalah penting. FAMA telah meningkatkan lebih seminar pembungkusan untuk pengeksport dan juga untuk petani-petani kita. Kita harap bahawa dengan *exposure* petani-petani dan pemprosesan industri asas tani dalam seminar, dalam ekspo-ekspo kita dapat menolong mereka meningkatkan kualiti dan eksport produk mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sehingga kini berapakah bilangan usahawan industri asas tani daripada kaum wanita mencapai tahap pendapatan melebihi RM2,000 sebulan dapat dilahirkan?

**Datuk Mah Siew Keong:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana itu adalah satu angka yang spesifik, saya tidak ada, tetapi saya tahu banyak sebab. Di kawasan kebanyakan pengusaha tani adalah wanita dan saya dari kawasan Telok Intan. Yang pentingnya tadi saya beritahu bahawa kita hendak meningkatkan untuk semua golongan pengusaha asas tani.

Saya di sini hendak menegaskan sekali lagi bahawa berbanding dengan negara jiran, sekarang hampir 70% pengeksportan penanaman kita adalah secara segar. Di negara jiran di Thailand lebih 70% adalah dalam bentuk pemprosesan. Ini maknanya mereka akan dapat penambahan nilai. Oleh itu adalah penting supaya Kementerian Pertanian dan juga semua pengusaha meningkatkan usaha untuk menaikkan eksport pemprosesan.

■ 1050

Untuk menolong dari aspek ini pada tahun dulu dalam bulan November 2006 kementerian telah mewujudkan satu bahagian industri asas tani dan dengan adanya bahagian baru ini kita jangka dapat menolong lebih pengusaha. Terima kasih.

6. **Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam** minta Menteri Sumber Manusia Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapakah kawasan hutan rizab yang masih ada di Malaysia mengikut negeri dan apakah tindakan kerajaan untuk memelihara hutan rizab tersebut; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan-kerajaan negeri dalam usaha menyokong tindakan Kerajaan Pusat.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi memastikan hutan di Malaysia sentiasa terpelihara kerajaan mewartakan sejumlah kawasan hutan sebagai hutan simpan kekal di negeri-negeri.

Sehingga akhir tahun 2006 terdapat dalam anggaran 14.3 juta hektar kawasan hutan simpan kekal di Malaysia. Butirannya adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Kawasan Hutan Simpan Kekal (Hektar/Juta)</b>
Johor	391,449
Kedah	342,613
Kelantan	687
Melaka	5,170
Negeri Sembilan	158,128
Pahang	1,500,000
Perak	884,000
Perlis	10,718
Pulau Pinang	5,434
Selangor	245,000
Terengganu	546,000
Wilayah Persekutuan	61
Sabah	3,600,000
Sarawak	6,000,000
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>14, 342,279</b>

Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab soalan:

- (b) Kerajaan negeri sentiasa memberi kerjasama berhubung dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengekalkan keluasan hutan simpan kekal yang mencukupi. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi menyokong usaha tersebut adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan Dasar Perhutanan Negara serta Dasar Perhutanan Negeri bagi Sabah dan Sarawak bagi menjamin kawasan hutan simpan kekal sentiasa terlindung dan

- terpelihara serta mengadakan pengurusan hutan secara teratur, dinamik dan berkesan;
- (ii) melaksanakan *reduce impact logging* dalam semua aktiviti pembalakan selaras dengan konsep pembangunan hutan secara berkala ataupun *sustainable forest management*;
  - (iii) mematuhi catuan tebangkan tahunan bagi memastikan kawasan hutan simpan kekal diurus secara berkekalan;
  - (iv) melaksanakan persijilan pengurusan hutan bagi memastikan sumber hutan negara diuruskan, dibangunkan dan diguna secara berkesan; dan
  - (v) menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara 1984 secara berkesan.

Selain itu Kerajaan Negeri Sarawak telah mensasarkan penubuhan seluas 6 juta hutan simpan kekal dan 1 juta hektar kawasan terlindung sepenuhnya yang merangkumi Taman Negara, *sanctuary* hidupan liar dan rizab semula jadi. Manakala negeri Sabah telah menetapkan Hutan Simpan Ulu Segama dan Malua seluas 241,098 hektar dan Hutan Simpan Ulu Kelumpang seluas 51,118 hektar sebagai kawasan konservasi dan diurus secara berkekalan.

Terima kasih.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apa yang berlaku di negeri Kelantan hari ini rasanya kerajaan negeri menggunakan atau membuka kawasan rizab ataupun hutan simpan kekal untuk pembangunan seperti perlombongan dan untuk ladang hutan. Jadi seperti perlombongan, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengezonkan berpuluh-puluh ribu hektar untuk aktiviti perlombongan, itu kata aktiviti sahaja. Selepas habis di balak kawasan perlombongan yang saya sebut tadi tidak dimajukan ataupun tiada aktiviti perlombongan.

Kedua adalah tentang untuk dimajukan sebagai ladang hutan. Jadi kawasan-kawasan hutan rizab ataupun hutan simpan kekal yang diberi dan diluluskan oleh kerajaan negeri kepada syarikat-syarikat, kawasan-kawasan hutan rizab atau hutan simpan kekal yang kaya dengan kayu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Soalan tambahan saya adalah, adakah kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan tiada kuasa untuk menyekat ataupun campur tangan apa yang berlaku di negeri Kelantan? Sekian, terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita lihat kita ada dua jenis hutan iaitu hutan simpan kekal di mana segala pembalakan di situ harus menggunakan konsep *sustainable forest management* ataupun pembalakan secara lestari. Namun apa yang berlaku di negeri Kelantan adalah berkaitan dengan tanah kerajaan, di mana hutan di tanah kerajaan yang belum lagi digazet sebagai hutan simpan kekal, kerana hutan simpan kekal itu dikawal oleh pegawai-pegawai hutan untuk memastikan pengurusan adalah secara sempurna.

Namun hutan tanah-tanah kerajaan ini biasanya apa yang digunakan ialah membuat pembangunan dengan alasan bahawa mereka hendak buat perlombongan, maka tanah-tanah ini diberi konsesi untuk pembalakan, bila pembalakan sudah habis maka tidak ada aktiviti perlombongan lagi di sana. Jadi tujuannya ialah bukan untuk perlombongan tetapi untuk pembalakan, bila pokok ditebang dan tanah itu terbiar begitu sahaja. Jadi ini membawa kerugian kepada negeri dan ini adalah satu dasar yang dibuat keputusannya oleh kerajaan negeri.

Walaupun dikatakan kawasan hutan simpan kekal kalau ada pelanggaran, maka kita boleh ambil tindakan undang-undang tetapi kalau di kawasan tanah kerajaan maka ini adalah di bawah bidang kuasa negeri. Jadi cuma rakyat negeri Kelantan sahaja boleh menentukan apakah dasar hala tuju masa depan mereka. Terima kasih.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapa kerajaan, pihak kementerian tidak mengambil tindakan secara agresif menanam pokok-pokok akasia di hutan kosong, bekas dicerobohi atau kayu balak yang dicuri. Kawasan-kawasan ini banyak demi menampung keperluan bekalan kayu negara tidak terjejas di masa akan datang.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua. Penanaman pokok akasia ini dijalankan sebagai ladang aktiviti ladang hutan sahaja tetapi di kawasan-kawasan hutan simpan kekal sekiranya ada pencerobohan, maka di situ Jabatan Perhutanan akan cuba menanam semula spesies-spesies yang lebih bersesuaian di kawasan hutan simpan kekal. Pokok akasia ini satu tanaman yang sesuai untuk kawasan ladang hutan sahaja, kerana corak hidupnya berlainan sedikit memang tujuan penggunaannya pun berlainan daripada pokok-pokok yang terdapat di kawasan hutan yang biasa. Jadi memang di mana sahaja ada pencerobohan maka kita cuba menanam balik spesies-spesies tertentu mengikut kesesuaian tanah ataupun kawasan tersebut. Terima kasih.

7. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) bilangan rumah setiap negeri yang dapat dibina berdasarkan peruntukan RM50 juta di dalam Bajet 2008; dan
- (b) jumlah keperluan rumah bagi tahun 2009 dan 2010 yang masih diperlukan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya kepada Yang Berhormat Tuan Osman Bungsu kerana mengemukakan soalan ini kepada kementerian saya.

- (a) Pada tahun 2008 Program Bantuan Rumah di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat akan diperuntukkan sebanyak RM45 juta. Program ini adalah khas untuk golongan miskin tegar.

Berdasarkan peruntukan tersebut, bilangan rumah yang akan dilaksanakan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Rumah Baru</b>	<b>Rumah Dibaikpulih</b>
Johor	77	54
Kedah	108	75
Kelantan	301	210
Melaka	18	13
Negeri Sembilan	78	54
Pahang	161	112
Pulau Pinang	2	1
Perak	204	143
Perlis	32	23
Selangor	20	14
Terengganu	56	39
Sabah	190	133
Sarawak	223	157
Negeri-negeri lain	79	62

■ **1100**

Menjadikan keseluruhan untuk tahun 2008, sebanyak 1,551 rumah baru dan 1,090 rumah untuk dibaiki menjadikan angka keseluruhan 2,641 untuk manfaat 13,205 orang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2009 dan 2010, masih terdapat 33,963 keluarga miskin tegar yang berdaftar dalam sistem SPKR untuk memohon bantuan rumah. Daripada jumlah tersebut, 13,781 memohon rumah baru manakala 20,182 memohon rumah dibaiki. Kelulusan terhadap semua permohonan ini bergantung pada peruntukan tambahan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan sekiranya ada dan jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan tersebut untuk dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab soalan ini. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan kewangan yang begitu besar dalam membangunkan modal insan di kalangan Orang Asli. Soalan tambahan saya, adakah rumah mesra rakyat ini ditambah nilainya iaitu daripada dua bilik kepada tiga bilik dan kalau tiga bilik, apakah kos ini meningkat dan kurangnya pembinaan rumah. Yang kedua, adakah penempatan yang dibuat ini akan melibatkan kos-kos lain seperti jalan, air bersih dan juga elektrik jika ada?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat. Kerajaan telah memilih untuk membina rumah-rumah di bawah SPKR ini di bawah program bantuan rumah, daripada rumah asal dua bilik kepada rumah tiga bilik mengikut keperluan semasa yang begitu mendesak terhadap keluarga-keluarga yang lebih ramai. Tentu sekali apabila dipinda daripada dua bilik ke tiga bilik, kosnya bertambah dan saya tidak ada angka yang tetap di sini, tetapi kalau tidak silap saya RM18,000 daripada RM15,000 asalnya dan ia juga tidak termasuk kos-kos seperti jalan, api, elektrik dan lain-lain prasarana yang terpaksa dibina terhadap kawasan rumah tersebut. Kos-kos ini kita ambil dalam program-program penempatan semula yang kita adakan dalam skim-skim lain. Jadi kos rumah sahaja, tidak termasuk jalan, elektrik dan air. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, dan Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah peruntukan ke Jabatan Orang Asli begitu lumayan. Namun demikian, masih terdapat masalah dari kalangan Orang Asli. Soalan tambahan saya, apakah peruntukan ini betul-betul turun kepada kepentingan dan peningkatan kehidupan Orang-orang Asli ataupun lebih kepada membayar *overhead* Jabatan Orang Asli?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat. Soalan ini lebih kepada program Jabatan Orang Asli walaupun soalan asalnya kepada program bantuan rumah keseluruhan di bawah SPKR. Namun begitu ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa segala peruntukan daripada kementerian ini disalurkan secara keseluruhannya kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan kita akan pastikan daripada dahulu sehingga sekarang, peruntukan itu benar-benar turun ke bawah untuk manfaat Orang Asli secara keseluruhannya dan saya tidak nampak bagaimana peruntukan ini boleh hilang di tengah jalan. Kita akan terus memastikan bahawa setiap sen yang diperuntukkan akan memberi manfaat dan faedah secara keseluruhannya kepada orang asli yang masih memerlukan pembelaan secara menyeluruh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

8. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah kerajaan akan membeli pesawat Soyuz, dan berapakah harganya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan yang sama mengenai perkara ini pada hari ini iaitu Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah Omar dan Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu. Saya mohon untuk menjawab soalan ini secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menerima tawaran daripada pihak Rusia untuk membeli Soyuz baru-baru ini. Kementerian berpendapat pembelian Soyuz boleh dilihat sebagai pelaburan jangka panjang yang akan memberi faedah kepada negara:

- (i) Soyuz yang akan diletakkan di satu sudut pameran di Pusat Sains Negara. Dengan ini akan dapat mencetus kebangkitan dan minat orang ramai terutamanya pelajar-pelajar terhadap penerokaan angkasa lepas;
- (ii) para saintis dan jurutera kita akan dapat mengkaji Soyuz secara *reverse engineering* dengan izin, seperti yang diamalkan oleh negara-negara maju seperti Jepun dan Korea sebelum ini untuk mendapatkan teknologi maju yang berkaitan; dan
- (iii) Soyuz juga akan menjadi sebahagian daripada bahan sejarah negara kita dalam misi penerokaan angkasa lepas.

Perkara ini masih sebenarnya di peringkat perbincangan kementerian dengan pihak Kerajaan Rusia. Di samping itu, kerajaan juga akan mengambil pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan bagi pembelian Soyuz ini. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada cadangan pembelian Soyuz, apakah rancangan kerajaan untuk memajukan dan merealisasikan program angkasa termasuk pembangunan angkasawan dan pesawat angkasa. Mengapakah program angkasawan negara disebut sebagai "*National Angkasawan Programme*", pertama dari sudut bahasanya, mungkin *National Astronaut Program*. Jadi "*National Angkasawan Programme*" ini seolah-olah tumpuan kerajaan hanya tertumpu pada pembangunan angkasawan sahaja dan bukan penerokaan angkasa itu secara keseluruhannya? Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah pun menyediakan satu rangka kerja ataupun rancangan jangka panjang untuk membangunkan industri aeroangkasa. Jadi, Program Angkasawan Negara ini adalah merupakan salah satu daripada Program Aeroangkasa Negara yang mana berkaitan daripada

program angkasawan ini kita daripada peringkat awal akan menjadikan pendidikan dan kesedaran dalam keseluruhan negara untuk program aeroangkasa adalah sangat penting.

Jadi kedua-dua angkasawan kita akan menjadi sebagai boleh dikatakan sebagai *ambassador*, dengan izin, untuk memberikan ceramah-ceramah ke sekolah-sekolah dan juga ke institusi-institusi tertentu, untuk membangkitkan semangat cintakan sains dan teknologi dan untuk memaklumkan bahawa bidang sains dan teknologi bukanlah satu bidang yang sukar seperti yang difahami oleh sebahagian generasi orang-orang kita.

Yang kedua, kita juga akan membangunkan lagi lebih banyak program-program akademik di universiti-universiti dalam bidang aeroangkasa. Setakat ini seperti Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Putera Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia telah pun mengadakan dan menawarkan program aeroangkasa, yang mana kita akan mengeluarkan jurutera saintis yang boleh terus membangunkan program ini terutamanya di dalam reka bentuk ataupun *design satellite* ataupun roket-roket pelancar di masa akan datang. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada membeli kapsul Soyuz ini, apakah kerajaan berhasrat untuk membeli barang-barang lain juga seperti baju angkasawan, katil, tilam, selimut, sudu, pinggan mangkuk dan sebagainya sebagai bahan pameran untuk masa hadapan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya merasakan daripada maklumat, kita belum ada perancangan untuk membeli yang lain daripada Soyuz. Kalau ada, maksudnya pihak kerajaan akan tentulah memberi makluman kepada kita. Sekarang tidak ada makluman lagi berkaitan perkara-perkara tertentu.

9. **Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah dengan pembinaan Terowong SMART di Kuala Lumpur telah menyelesaikan masalah banjir kilat yang dihadapi.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek SMART adalah untuk menyelesaikan masalah banjir di pusat Bandar Raya Kuala Lumpur yang disebabkan oleh limpahan air di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak dan masa keamatan hujan yang tinggi.

■ 1110

Projek SMART ini akan mengawal dan menghadkan kadar aliran di Sungai Klang yang melalui pusat bandar raya. Projek SMART ini sebenarnya tidak boleh menyelesaikan masalah banjir kilat. Ini adalah kerana banjir kilat yang berlaku tertumpu di kawasan yang berpunca dari ketidaksempurnaan sistem perparitan bandar, pembuangan sampah ke sungai, perparitan yang



tidak di selenggara dengan baik dan keupayaan reka bentuk *design life* sistem perparitan yang tidak berkesan mengikut hujan semasa. Terima kasih.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu bahawa selepas satu tahun berapa kali sudah Projek SMART telah elakkan banjir kilat di Kuala Lumpur. Lagi pun saya difahamkan bahawa Projek SMART hanya fokus di kawasan selatan Kuala Lumpur. Tak semesti dia ada liputan kepada kawasan utara Kuala Lumpur misalnya Sungai Gombak. Minta Yang Berhormat buat penjelasan. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *SMART Tunnel* ini telah pun diuji keberkesannya baru-baru ini dan didapati bahawa ianya berkemampuan mengatasi banjir di Kuala Lumpur iaitu di kawasan sebelah atas pun termasuk juga sekali. Bukan sahaja *SMART Tunnel* tetapi kita juga ada dua lagi projek iaitu pembinaan *Batu Pond* dan *Jinjang Pond* yang dijangka siap pada bulan April tahun 2008. Jadi bila ianya disiapkan saya rasa masalah di kawasan utara Kuala Lumpur itu juga dapat diselesaikan bersama.

Jadi tidak ada perlu sebarang keraguan terhadap *SMART Tunnel* dengan keadaan banjir yang telah berlaku beberapa bulan lalu. Pada masa itu, *SMART Tunnel* tidak digunakan untuk mengalirkan air melalui *SMART Tunnel*. Masa itu kita membiarkan kenderaan sahaja untuk berjalan tetapi selepas itu baru kita menguji untuk pengaliran air yang berlebihan dan ianya sekarang berfungsi dan bila ada masalah banjir di Kuala Lumpur, maka ianya dapat kita tentukan tetapi buat masa ini kita telah lakukan ujian dan didapati ianya sungguh berkesan. Terima kasih.

10. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Kewangan menyatakan, tindakan yang akan diambil oleh kementerian bagi menangani kes penyelewengan perakaunan di sektor korporat dan juga mengawasi juruaudit syarikat awam daripada melakukan perkara di luar bidang kuasa mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk menangani kes penyelewengan perakaunan di sektor korporat dan pengawasan ke atas juruaudit syarikat awam adalah pertamanya dengan memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Keduanya, penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan lebih tegas, dan ketiganya penubuhan badan pemantauan audit bebas,

Mengenai pengenalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, kod ini telah dipinda seperti di umum dalam Belanjawan 2008 untuk mengukuhkan peranan dan tanggungjawab ahli lembaga pengarah dan jawatankuasa audit serta memastikan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Secara khusus kod ini menggariskan kriteria kelayakan bagi pelantikan pengarah, posisi ahli lembaga pengarah dan peranan ahli jawatankuasa pencalonan atau *nomination committee*. Pengarah bukan eksekutif bebas diharap dapat memberikan fungsi pemantauan yang lebih bererti

dan lebih bebas. Bagi memastikan supaya jawatankuasa audit bertindak sebagai pemeriksa yang berkesan terhadap pengurusan syarikat, kod ini memperincikan komposisi ahli jawatankuasa audit, kekerapan mesyuarat dan keperluan bagi ahli jawatankuasa audit menghadiri latihan berterusan supaya seiringan dengan pembangunan yang relevan dalam bidang kewangan dan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan.

Selain itu, pengarah eksekutif tidak lagi dibenarkan menjadi ahli jawatankuasa audit bagi memelihara kebebasan jawatankuasa tersebut. Dari segi penguatkuasaan undang-undang SC juga telah mendakwa pengarah-pengarah syarikat yang telah melakukan penyelewengan di dalam laporan perakaunan mereka. Ini memberi isyarat yang jelas bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana syarikat yang melakukan penyelewengan dalam laporan perakaunan mereka.

Ketiga, dari segi penubuhan badan pemantauan audit selaras dengan pengumuman yang dibuat dalam Belanjawan 2008 juga sebuah badan bebas akan ditubuhkan di bawah penyeliaan SC untuk mengawal selia juruaudit syarikat awam. Ini bertujuan untuk memastikan juruaudit syarikat awam mematuhi piawaian audit serta tidak melakukan penyelewengan. Badan ini juga bakal mempunyai kuasa untuk melakukan penguatkuasaan serta pemantauan terhadap juruaudit dan firma-firma audit serta mengambil tindakan disiplin terhadap juruaudit dan firma audit sekiranya perlu. Semua langkah yang telah diambil dan akan diambil ini adalah untuk memastikan pelabur-pelabur mempunyai keyakinan terhadap laporan perakaunan syarikat-syarikat awam.

Selain itu, langkah-langkah ini adalah penting untuk mengekalkan keyakinan pelabur terhadap pasaran modal kita. Terima kasih.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian mengawal serta mengemas kini *accounting standard* atau piawaian akaun untuk memastikan bahawa setiap masa *accounting standard* kita dapat menyelesaikan masalah penyelewengan perakaunan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat, memang kita ada mekanisme untuk memastikan bahawa standard perakaunan kita ini adalah selari dengan *best practices*, dengan izin, di peringkat antarabangsa. Ini tidak menjadi masalah. Yang menimbulkan masalah hari ini ialah bagaimana ada percubaan yang tidak mengikuti standard yang ditetapkan ini. Standard sudah ada, *framework* sudah ada, semuanya sudah ada tapi masih ada yang cuba melakukan sesuatu untuk mengaburi mata awam dan ini yang perlu ditangani dengan tegas supaya mereka ini dijadikan contoh supaya kejadian ini tidak akan berlaku lagi. Sekurang-kurangnya kita mahu mengambil tindakan tegas dan bagi ahli-ahli lembaga pengarah yang dihadapkan ke mahkamah ini sudah pun ada beberapa orang. Satu kes, sudah lima orang ahli lembaga pengarah dihadapkan ke mahkamah dan jika disabitkan kesalahan boleh masuk penjara sehingga 10 tahun dan denda sehingga RM1 juta. Terima kasih,

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan diadakan *forensic audit* setiap lima tahun kepada syarikat-syarikat senarai awam di bursa saham bagi memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur untuk melabur di Bursa Saham Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Forensic audit* ini memang sudah pun dilaksanakan dan ini dilaksanakan oleh pihak berkuasa apabila mendapat laporan-laporan dari audit ataupun maklumat yang disampaikan kepada mereka. Cuma melakukan *forensic audit* secara berkala ini perlu diteliti kerana kita juga perlu ingat bahawa *forensic audit* ini walaupun ada kebaikannya, lebih-lebih lagi ke atas syarikat yang tidak dikendalikan dengan baik. Kalau syarikat sudah dikendalikan dengan baik, perjalanan baik, kita tidak mahu juga membebankan mereka kerana ia melibatkan kos dan melibatkan masa kerana ini boleh menjadikan suasana pengawalseliaan syarikat-syarikat awam kita di Malaysia ini lebih membebankan. Kita perlu imbangi dari segi ingin mempunyai satu suasana pengawalseliaan yang baik, dan pada masa yang sama, tidak terlalu membebankan kerana kita tidak mahu syarikat-syarikat yang hendak disenaraikan umpamanya tidak memilih Malaysia dan pergi ke negara lain kalau suasana di sini dilihat terlalu menekan dan terlalu ketat.

Walau bagaimanapun, saya yakin pihak berkuasa akan meneliti dan melihat sekiranya ianya betul-betul perlu *forensic audit* ini bolehlah dipertimbangkan, tapi pada hari ini dibuat berdasarkan kes-kes tertentu. Terima kasih.

▪ 1120

11. **Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk membuat satu undang-undang yang pendatang asing lelaki tidak boleh berkahwin dengan warganegara Malaysia memandangkan telah timbul perkara-perkara yang tidak diingini apabila mereka membawa balik isteri ke negara asal mereka.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak bercadang untuk membuat atau meminda undang-undang perkahwinan bagi menghalang lelaki warganegara asing berkahwin dengan warganegara Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hanya bertanggungjawab di atas perkahwinan orang-orang bukan Islam sahaja, manakala undang-undang bagi penganut yang beragama Islam adalah di bawah bidang tugas Jabatan Agama Islam.

Tentang memperbaharui perkahwinan dan penceraian atau Akta 164 yang diguna pakai bagi orang-orang bukan Islam adalah berasaskan undang-undang antarabangsa yang membenarkan perkahwinan di antara warganegara dengan pendatang asing. Walau bagaimanapun bagi menjamin perkahwinan tersebut tidak berlaku berleluasa, antara syarat yang dikenakan ialah pendatang asing tersebut hendaklah mempunyai dokumen perjalanan serta

mempunyai pas menetap yang sah dan mereka bukanlah pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara.

Pendatang asing yang memegang pas lawatan kerja sementara adalah tidak dibenarkan berkahwin di negara ini. Jika mereka mengingkari arahan ini, pendatang asing tersebut boleh diambil tindakan dengan menamatkan pas lawatan kerja mereka dan seterusnya dihantar pulang ke negara asal mereka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Hajah Samsiah.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian sedar selain untuk berkahwin dan mendapat isteri, pendatang sama ada izin atau tanpa izin ini sebenarnya ada motif lain daripada perkahwinan ini. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang cuba menetap di negara ini dengan perkahwinan yang palsu atau boleh dikatakan *marriage of convenience* di mana mereka apabila sudah berkahwin dengan orang tempatan, jadi mereka boleh tinggal di negara kita. Jadi kita telah meningkatkan pemeriksaan sebelum mereka boleh mendaftar dengan JPN, mereka diminta supaya memberikan surat pengesahan taraf perkahwinan mereka. Kita kena cek, kena periksa secara teliti sebelum perkahwinan mereka didaftar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ya, Puan Siw Chun.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bak kata pepatah Melayu yang sering diperkatakan, cinta itu buta, dan hendak menghalang dua insan yang sedang dilamun cinta untuk berkahwin memang satu perkara yang susah dan nampaknya zalim sedikit. Maka saya hendak dapat penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah lelaki warga asing yang berkahwin dengan perempuan warganegara Malaysia diberi peluang bagi memohon taraf penduduk tetap seterusnya menjadi warganegara yang sah? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak menghalang sesiapa yang sudah jatuh cinta atau *love affairs* hendak kahwin. Jadi mereka boleh pohon tetapi tadi saya sebut kena periksa secara teliti. Mengenai warga asing lelaki yang kahwin dengan perempuan Malaysia, mereka boleh pohon permit masuk dahulu sebelum mereka boleh pohon penduduk tetap.

12. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sama ada kementerian sedar bahawa imej Malaysia di negara jiran Indonesia terjejas kerana media di sana memilih untuk membesar-besarkan tindakan kerajaan menangani masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan lain-lain isu berkaitan dan apakah inisiatif dan tindakan yang akan diambil kementerian untuk membetulkan berita-berita negatif ini agar hubungan dua hala yang baik sentiasa terpelihara.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan berkenaan persoalan hubungan Malaysia dan Indonesia. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara telah pun terjalin sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 lagi. Sebagaimana kita sedia maklum, tunggak kepada dasar luar Malaysia adalah kepada rantau ASEAN dan Indonesia sebagai sebuah negara jiran memainkan peranan oleh sebab kestabilan dan keselamatan rantau kita bergantung banyak kepada hubungan yang baik di antara negara-negara jiran di dalam rantau ASEAN.

Malaysia dari segi pengurusan dasar luar kita, kita memandang kepada hubungan jangka panjang. Kalau kita sentiasa terdorong dengan isu dan perkara-perkara *sensational* yang dibawa oleh akhbar maka mungkin dasar luar kita akan berhadapan dengan masalah yang besar. Walau bagaimanapun kita tidak menafikan bahawa media memainkan peranan yang penting. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita menentukan bahawa hubungan ini dapat kita jalin melalui hubungan formal dan juga hubungan tidak formal. Bermakna dari peringkat individu, daripada peringkat kerajaan dan bukan kerajaan untuk kita membetulkan apa juga salah faham dan perselisihan yang mungkin timbul dari masa ke semasa.

Di antara langkah yang telah kita ambil Tuan Yang di-Pertua adalah seperti berikut:

- (i) untuk memupuk hubungan baik yang melibatkan pemimpin negara, ahli-ahli politik, pegawai kerajaan, media masa dan juga pihak swasta dengan mengadakan lawatan dan pertemuan dari masa ke semasa;
- (ii) media Malaysia mengetengahkan perkara-perkara positif dan konstruktif dari segi hubungan kita yang sebenarnya amat mendalam sekali;
- (iii) menjalin hubungan dengan anggota media Indonesia supaya ada kefahaman bahawa sesuatu isu itu bukan diambil tindakan kerana mereka rakyat Indonesia tetapi di atas asas jika ada sesuatu perkara yang tidak tepat untuk diambil tindakan dan ianya tidak diskriminasi kepada rakyat Indonesia. Melalui program yang hendak kita adakan ialah media Indonesia menerusi program pertukaran lawatan dan sebagainya agar mereka terpanggil untuk menyiarkan berita yang lebih seimbang. Kita tidak minta untuk mana-mana media, mana-mana akhbar mengeluarkan berita yang berat sebelah tetapi seimbang yang memberikan gambaran sebenar terhadap hubungan di antara kedua-dua negara;
- (iv) agensi-agensi Kerajaan Malaysia yang berkaitan, memberikan maklumat mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak Indonesia khususnya media secepat mungkin agar kedutaan Malaysia dapat memberikan maklum balas yang terperinci dan tepat; dan

- (v) institusi kerajaan dan swasta perlu melakukan publisiti yang lebih meluas di Indonesia bagi setiap bantuan atau aktiviti pembangunan yang dilaksanakan. Banyak hubungan silaturahim yang telah kita jalin, bila Indonesia berhadapan dengan masalah bencana bumi, kita juga merasai seolah-olah ianya berlaku di dalam negara kita. Sebab itu kita fikir mungkin kadangkala kita kurang 'jual' atau kita kurang akrabkan tetapi hubungan Malaysia dengan Indonesia adalah satu hubungan yang amat penting dan akrab di antara kedua-dua negara.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Norraesah dan selepas itu Datuk Yaakob.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih di atas jawapan dan terima kasih atas kehadiran Menteri sendiri untuk menjawab dan kita lihat sepenuhnya, sepasukan daripada kementerian berada di dalam Dewan yang mulia ini....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri pun ada, Setiausaha Parlimen pun ada.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Semua, satu pasukan besar. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan tetapi saya ada sedikit kemusykilan. Adakah media itu yang memainkan peranan sahaja, atau adakah terdapat dalang-dalang di belakang media Indonesia, sepasukan ahli politik umpamanya yang menjadi batu ronson kepada ahli-ahli media yang memaparkan perkara-perkara yang tidak baik.

Di samping itu kita sendiri Malaysia tidak mempamerkan segala keindahan yang kita lakukan kepada rakyat Indonesia dan tidak pula menunjukkan kos yang pahit dan besar yang ditanggung oleh kita oleh sebab adanya PATI yang begitu besar jumlahnya di negara ini. Adakah ini atas dasar Malaysia untuk menjaga hubungan yang baik antara kita dan Indonesia. Kalau kita sahaja jaga orang lain tidak jaga, tidak berjalan juga hubungan yang baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

▪ 1130

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang amat mantap sekali. Mempunyai kefahaman terhadap peri pentingnya kita mengadakan sikap *reciprocity* iaitu ada timbal balasnya hubungan tetapi di masa yang sama, kita mengerti Indonesia ini adalah sebuah negara yang besar, yang terbesar di dalam negara ASEAN dan mempunyai sejarah dan latar belakangnya yang tersendiri. Saya fikir daripada segi pemimpin, dari segi orang-orang tertentu dan hubungan politik yang kita jalin ada baiknya tapi mesti dikerapkan lagi untuk kita dapat memberikan kefahaman yang lebih baik tapi memang ada ahli-ahli politik daripada Malaysia yang menggunakan akhbar Indonesia seluas-luasnya dan menceritakan perkara-perkara yang buruk terhadap negaranya sendiri.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Baru-baru ini kita melihat bahawa Penasihat kepada Parti Keadilan, satu parti pembangkang di Malaysia yang tidak pun mempunyai pengaruh di dalam negara kita telah menggunakan forum antarabangsa untuk memburukkan negara sendiri. Indonesia adalah salah satu medan yang mereka gunakan. Sebab itu saya mengatakan kita kena mengambil langkah yang pelbagai untuk mendekatkan dan mengurangkan jurang di antara kedua-dua negara bukan sahaja di peringkat pemerintah tapi juga di peringkat *people to people* atau rakyat bersama rakyat. Insya-Allah, dengan tindakan yang bersepadu, kita akan dapat mengatasi masalah ini kerana kita menganggap Indonesia dan Malaysia terlampau bernilai dan berharga hubungan kita untuk kita pisahkan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Menteri dan delegasi yang besar daripada kementerian khususnya di dalam menangani isu-isu antarabangsa begitu cemerlang pada peringkat pada hari ini. Menyentuh soalan tambahan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua iaitu berkaitan dengan maruah dan juga imej negara yang tercalar. Apakah strategi dan perancangan kementerian yang begitu kita rasai maruah negara sudah pun tercalar dalam waktu yang terdekat dengan isu-isu demonstrasi liar jalanan yang mana nilai yang telah musnah begitu besar dan kita memerlukan satu tindakan yang segera dari pihak kementerian dan bagaimanakah perancangan dan strategi ataupun saranan bagi mengatasi masalah yang berbangkit hari ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tak mahu kaitkan kah dengan hubungan dengan Indonesia supaya soalan pertanyaan itu jadi lebih relevan?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, jawapan tadi telah pun diberi oleh Yang Berhormat Datuk Seri Menteri tadi dan saya cuba sentuh soal maruah dan imej negara yang ada hubung kait juga bukan saja Indonesia tapi juga serantau. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, maruah dan imej negara adalah tanggungjawab secara *collective* dengan izin, ataupun bersama oleh semua peringkat rakyat. Oleh itu penting sekali kita tidak perlu *apologetic* terhadap amalan demokrasi kita dan kita tidak perlu *apologetic* untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang cuba mencemarkan nama baik negara melalui proses yang bertentangan dengan undang-undang. Bukan kita menentang kebebasan, kita tidak menentang kebebasan. Yang kita menentang ialah keadaan yang boleh membawa huru-hara, menjejaskan ketenteraman awam dan boleh mendatangkan ketidakstabilan kepada negara. Sebab itu kita mengambil peranan untuk bertemu dengan semua Kementerian-kementerian Luar di mana ada perwakilan kita untuk menerangkan keadaan yang sebenar. Putarbelit dan pembohongan akan menjadi asas untuk mereka membuat

persepsi kepada Malaysia dan persepsi ini adalah penting untuk kita betulkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun turut menyatakan penghargaan kepada Yang Berhormat kerana sudi hadir dalam Mesyuarat Dewan Negara....  
[Tepuk]

Sekali lagi untuk peringatan Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang menteri, walaupun berhak tapi bukan Ahli Dewan Negara, namun berhak hadir. Masih boleh pilih nak hadir atau tak hadir. Jadi bila seorang menteri hadir, maka Dewan Negara amat menghargainya...[Tepuk]

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

13. **Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah strategi-strategi pihak kementerian yang telah atau akan dijalankan untuk membangunkan modal insan minda kelas pertama yang mempunyai jati diri yang kukuh, berperibadi mulia dan berpengetahuan seperti mana yang tertera dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan Pelan Induk Pembangunan Pelajaran, fokus dan strategi yang dirancang melalui enam teras serentak dalam PIPP di mana Pembangunan Modal Insan yang merupakan teras kedua telah dilaksanakan. Sehingga kini, dapat dilaksanakan dengan jayanya dan telah menunjukkan hasil yang amat positif. Ini dapat dibuktikan melalui Kad Laporan Pertama PIPP yang telah diumumkan berhubung pelaksanaan PIPP dari Januari hingga Jun 2007.

Pembangunan Modal Insan bertujuan untuk memastikan anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan kepakaran serta kemahiran yang tinggi sebagai penyediaan untuk memasuki pasaran kerja tempatan dan luar negara. Murid di sekolah dilengkapi dengan pelbagai jenis kemahiran *soft skills* dan *hard skills* seperti kemahiran berkomunikasi dengan berkesan, kebolehan menggunakan ICT, berupaya berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak dengan rasional, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai nilai moral yang tinggi serta berupaya menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat. Bagi mencapai matlamat Pembangunan Modal Insan, PIPP menggariskan empat fokus utama iaitu;

- (i) mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan murid;
- (ii) meningkatkan keupayaan dan minat murid untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran;
- (iii) membentuk keterampilan dan keperibadian murid melalui pemantapan kurikulum, program ko-kurikulum, program sukan, pembangunan adab



dan budi bahasa, pengukuhan Program 3K iaitu Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan, pengukuhan disiplin murid; dan

- (iv) memantapkan dan memperbaharui sistem penaksiran dan penilaian murid.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Haji Tajul Urus dan Tuan, Dato'? Tuan Lee Sing Choi dan Puan Mumtaz.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan program Latihan Khidmat Negara tidak dapat menampung semua pelajar lepasan SPM, apakah rancangan pihak kementerian untuk memperkembangkan program khidmat masyarakat yang bertujuan untuk membina individu yang bersedia untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Dengan ini, murid dapat membina martabat diri yang positif dan berbangga kerana telah memberi sumbangan kepada sekolah dan masyarakat serta dapat merasakan dirinya sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Tajul. Untuk kita memastikan bahawa pelajar-pelajar kita boleh menyesuaikan diri di dalam masyarakat, Kementerian Pelajaran tidak hanya memberikan tumpuan kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi kita juga memberikan penumpuan kepada perkembangan kokurikulum dan sahsiah pelajar-pelajar untuk kita pastikan bahawa pelajar-pelajar kita akan terlibat secara aktif di dalam kokurikulum, maka beberapa langkah telah pun diambil. Di antaranya, peruntukkan per kapita kepada pelajar-pelajar di tiap-tiap sekolah telah dinaikkan.

Di mana kalau sebelum ini peruntukan per kapita untuk kokurikulum hanya RM2.56 tapi mulai tahun 2007, seorang pelajar diperuntukkan, peruntukkan untuk kegiatan kokurikulum, untuk sekolah rendah sebanyak RM10 dan untuk sekolah menengah sebanyak RM12 dan di dalam belanjawan baru-baru ini juga telah diumumkan bahawa pelajar-pelajar yang para ibu bapanya berpendapatan RM1,000 ke bawah, maka pakaian-pakaian unit beruniform akan disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Dalam masa yang sama, kita juga telah mempertingkatkan kursus-kursus di pusat-pusat kokurikulum dan kita juga di dalam perancangan untuk kita mewujudkan pusat-pusat latihan untuk kita melatih pelajar-pelajar yang bermasalah supaya pelajar-pelajar ini dapat kita tingkatkan daripada segi disiplin mereka. Dengan perancangan meningkatkan kegiatan kokurikulum dan juga dengan meningkatkan disiplin pelajar-pelajar, insya-Allah kita akan dapat melahirkan modal insan seperti yang kita harapkan. Terima kasih.

▪ 1140

**Dato' Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, strategi untuk membangunkan modal insan, minda kelas pertama. Satu kumpulan yang mustahak iaitu guru-guru

dan pengetua-pengetua, macam manakah untuk mewujudkan yang guru-guru kita ini yang bilangannya begitu besar dan juga pengetua-pengetua ini juga mempunyai minda kelas pertama dahulu sebelum mereka mendidik adik-adik kita. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat, kita sedar masalah ini kerana kejayaan sesebuah sekolah ataupun institusi ini memang banyaknya bergantung kepada kewibawaan dan juga kebolehan serta minda pengetua itu sendiri. Sebab itulah kerajaan telah membuat beberapa program selain daripada kita menekan secara keseluruhan supaya seluruh guru, seluruh warga pendidik mesti memainkan peranan untuk mencapai matlamat PIPP, kita juga telah memberikan beberapa ganjaran supaya guru-guru berlumba-lumba untuk mendapat ganjaran yang kita sediakan.

Di antara yang kita sediakan ialah mengenai kenaikan pangkat kepada pengetua cemerlang, kepada JUSA 'C', guru besar cemerlang kepada DJA38 itu satu jawatan yang baru. Diwujudkan sebanyak 1,700 jawatan. Kita juga telah mewujudkan jawatan guru cemerlang, lebih kurang 8,000 jawatan guru cemerlang telah kita wujudkan tetapi hari baru dipenuhi lebih kurang tidak sampai 3,000 orang. Banyak lagi kosong jawatan guru cemerlang. Begitu juga kita mewujudkan pula di peringkat sekolah, kita mengadakan pula sekolah-sekolah kluster yang mana *target* kita ialah untuk mewujudkan 300 buah sekolah-sekolah kluster. Hari ini kita baru dapat wujudkan, kita baru dapat pilih 30 sekolah-sekolah kluster. Di mana sekolah yang terpilih untuk sekolah kluster ini mereka akan dapat peruntukkan sebanyak RM500 ribu, diberi autonomi kepada pihak sekolah untuk menguruskan sekolah mereka mengikut gaya kepimpinan mereka. Di samping itu pengetua-pengetua yang cemerlang yang akan menjadi pengetua-pengetua sekolah kluster hari ini, sekarang ini sedang di hantar di London, hantar di Australia untuk mereka meningkatkan ilmu mereka.

Baru-baru ini pula kita telah mendapat peruntukkan RM40 juta untuk kita memberikan anugerah kepada sekolah-sekolah cemerlang di mana dengan adanya anugerah sekolah cemerlang ini bukan sahaja pengetuanya sahaja akan dapat anugerah tetapi seluruh warga sekolah tersebut sehinggalah ke budak pejabat juga akan diberi peluang untuk melawat ke luar negeri dapat imbuhan tambahan. Jadi ini semuanya ganjaran-ganjaran yang diberi yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran dengan harapan kita semua warga pendidik ada lebih kurang 350 ribu berlumba-lumba untuk mendapat ganjaran-ganjaran yang kita sediakan. Mudah-mudahan dengan perlumbaan di antara mereka kita akan dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara kita, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz Md. Nawī.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawī:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bolehkan Yang Berhormat nyatakan apakah kaedah-kaedah spesifik yang dimaksudkan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan berhubung khas dengan Pelan Integriti Nasional

yang perlu dimasukkan secara sistematik demi mewujudkan insan minda kelas pertama. Kedua, bilakah IPPI akan ditubuhkan dan siapakah yang akan menganggotai IPPI ini iaitu berkaitan dengan Institut Pembangunan Pendidikan Islam dan setakat manakah ia akan diguna pakai dalam merangka pelajaran agama Islam di Kementerian Pelajaran, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Dalam pelan induk kita iaitu pelan yang pertama integrasi ini ialah di bawah teras yang pertama iaitu membina negara bangsa. Di dalam membina negara bangsa kita telah pun merangka beberapa program di antaranya ialah untuk merapatkan hubungan di antara pelajar-pelajar berbilang bangsa dengan mengadakan aktiviti kokurikulum. Kedua kita telah mempertingkatkan RIMUP, Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan di mana sebelum ini RIMUP tidak ada peruntukkan khas tetapi tahun ini kita akan dapat peruntukkan khas kalau saya tidak silap RM17 juta daripada pihak kerajaan. Begitu juga kita akan mengadakan program-program integrasi di antara pelajar-pelajar.

Apabila membina negara bangsa ini dijadikan teras yang pertama dan utama di dalam PIPP maka kita harap bahawa pelajar-pelajar generasi akan datang akan dapat hidup lebih harmoni dalam satu dan dalam keadaan yang lebih bersatu padu demi untuk kemajuan negara di masa hadapan. Mengenai soalan IPPI memang ini satu langkah yang dibuat secara proaktif oleh pihak Kementerian Pelajaran dengan adanya Institut Pembangunan Pendidikan Islam ini yang matlamatnya untuk kita mengkaji balik segala pendidikan agama Islam dan J-QAF dan sebagainya dan juga pendidikan-pendidikan agama yang untuk meninggikan modal insan kita. IPPI telah kita luluskan tetapi sekarang ini kita sedang kalau saya tidak silap akan dilaksanakan di negeri Perak dan peruntukkan telah pun disediakan. Saya percaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan IPPI ini akan menjadi kenyataan, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong dan ingin saya maklum bahawa saya akan selesaikan pertanyaan nombor 15.

14. **Tuan Lee Chee Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada kerajaan akan meningkatkan cukai jalan bagi kereta-kereta mewah dan nyatakan jenis-jenis kereta mewah yang akan dikenakan kenaikan cukai jalan itu.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini kerajaan belum bercadang untuk meningkatkan cukai jalan bagi kereta-kereta mewah di negara kita. Kita tidak ada perancangan setakat ini, terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Kalau belum ada cadangan untuk meningkatkan cukai jalan kereta-kereta mewah, adakah perancangan untuk meningkat cukai jalan untuk semua kereta kerana saya nampak pada

awal tahun depan harga petrol akan naik . Jadi kenaikan minyak petrol diserap masuk ke dalam kenaikan cukai jalan. Adakah kementerian buat cadangan macam ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengenakan kenaikan cukai jalan kepada mana-mana kereta hari ini... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Saya tidak nampak logik di mana kenaikan harga petrol jika dikena pun akan menyebabkan kenaikan cukai jalan kerana dua ini adalah perkara yang berasingan. Bahkan barang kali adalah lebih munasabah, lebih logik lagi jika harga petrol naik, cukai jalan tidak payahlah naik. Buat apa hendak naik dua-dua? Ataupun kalau dinaikkan cukai jalan barang kali cukai petrol tidak payah naik. Ini logiknyalah, bukan saya katakan bahawa ianya akan dilakukan kerana kerajaan sehingga hari belum bercadang apa-apa. Sememangnya tentang harga minyak, harga petrol, diesel dan sebagainya ini betul-betul dalam peringkat kajian.

Untuk melihat bagaimanakah masalah subsidi ini yang ditanggung oleh kerajaan hari ini dapat ditangani dengan cara yang lebih baik kerana jumlah subsidi yang ditanggung yang menghampiri RM35 bilion atau RM40 bilion setahun ini adalah terlalu besar dan tidak *sustainable*, tapi logik untuk menggabungkan cukai jalan dengan harga minyak ini saya rasa tidak timbul, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Datuk Latif bin Datuk Thamby Chik.

15. **Datuk Latif bin Datuk Haji Thamby Chik** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan menyatakan, apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk memansuhkan atau pun memberhentikan penggunaan Jalur Gemilang (untuk dilekatkan di kereta) atau pun sebagai bendera kecil pada setiap sambutan hari Kemerdekaan memandangkan selepas tamat suatu sambutan tersebut Jalur Gemilang ini dibiarkan bertaburan di jalan-jalan raya dan secara tidak langsung boleh menjatuhkan martabat serta kedaulatan negara.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan saya peluang untuk menjawab soalan ini. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKWa) tidak berhasrat untuk memansuhkan penggunaan Jalur Gemilang sama ada untuk dilekatkan pada kereta atau sebagai bendera kecil pada setiap sambutan hari kemerdekaan kerana aktiviti ini bertujuan untuk menyemarakkan serta membangkitkan semangat patriotisme dan kecintaan kepada negara. Adalah sukar bagi kementerian untuk mengawal ramai yang tidak menghormati bendera negara selepas sesuatu perayaan selesai dan alasan ini tidak boleh dijadikan sebab untuk memberhentikan kempen Jalur Gemilang terutama yang dilekatkan pada kereta dan pengibaran bendera kecil dalam sambutan kemerdekaan kerana pengibaran Jalur Gemilang adalah inti pati di dalam semua acara sambutan kemerdekaan. Asuhan cintakan negara adalah proses sepanjang hayat. Sekian, terima kasih.

▪ 1150

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Siw Chun.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju sekali dengan pihak kementerian sekiranya penggunaan Jalur Gemilang pada setiap sambutan hari kemerdekaan dimansuhkan. Dan soalan tambahan saya, bolehkah pihak kerajaan wujudkan satu unit khas penguatkuasaan bagi mengambil tindakan terhadap sesiapa sahaja yang membiarkan Jalur Gemilang bertaburan di mana-mana sahaja dan mengenakan hukuman yang sewajarnya. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Siw Chun. Seperti mana saya katakan asuhan cintakan negara adalah proses sepanjang hayat. Dan sebagai rakyat jelata negara kita, di mana kita dilindungi dan membela kepentingan masyarakat masing-masing tentulah kita sentiasa menyemarakkan dan menunjukkan kecintaan kepada Jalur Gemilang negara kita sebab Jalur Gemilang adalah satu lambang fizikal pemartabatan negara yang paling tinggi. Jadi ikut akta, bendera kebangsaan negara kita, kita tidak selalu memperkecilkan atau memperlekehkan lambang itu. Maka saya haraplah kita buatlah daripada sukarela hati dan jangan mengikut cara paksaan. Bak kata pepatah Melayu, janganlah kita sekali-kali, habis padi, burung terbang, ulat tidak kenangkan daun. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. kata-kata yang sesuai untuk menutup masa pertanyaan.

***Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN 2007(2007)**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[6 Disember 2007]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Tuan Chua Kim Chuan untuk menyambung ucapan. Dan saya mohon maklumkan bahawa saya bercadang menjemput pihak Menteri atau Timbalan Menteri menjawab dan menggulung perbahasan di antara pukul 3.00 ke 3.30 petang ini. Jadi Yang Berhormat masih berpeluang.

**11.54 pagi.**

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbahasan saya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan perancangan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor

Utara yang sedang giat dilaksanakan. Pelaksanaan projek-projek pembangunan di koridor utara akan melibatkan usaha sama kerajaan dan swasta. Langkah ini bukan sahaja dapat mempercepatkan pelaksanaan projek malah akan dapat merapatkan jurang di antara kawasan yang maju dengan kurang maju. Kerajaan Negeri Kedah telah menyusun projek-projek keutamaan yang terperinci mengikut komponen pertanian, pembuatan dan pelancongan. Pada masa ini rancangan rapi sedang disusun oleh pasukan koridor utara. Projek yang berkaitan adalah menyusun semula sistem tali air MADA dan tebatan banjir. Sistem perparitan MADA disusun semula untuk membolehkan kawasan MADA dapat meningkatkan hasil tanamannya dan memberi pulangan baik kepada petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana telah menyediakan empat projek lebih kurang RM930 juta bagi mempertingkatkan sistem perairan MADA iaitu:

- (i) pemodenan sistem perairan padi;
- (ii) rancangan pembangunan sistem saliran pertanian;
- (iii) program menaik taraf sistem saliran pertanian; dan
- (iv) program kawalan banjir kawasan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan negeri Kedah untuk meningkatkan pengeluaran padi di kawasan MADA melalui projek 10 tan sehektar yang dimulakan sejak tahun 2001 telah menunjukkan hasil yang baik. Kini para pesawah telah mula merasai nikmat hasil daripada pengeluaran padi yang melibatkan kawasan sawah lebih 20,000 hektar dan seramai 18,410 orang pesawah di Kedah telah menyertai projek tanaman ini dan telah berjaya meningkatkan hasil padi kepada 6.04 tan sehektar. Kerajaan Negeri Kedah juga sedang berusaha meningkatkan pendapatan purata pesawah negeri Kedah kepada RM24,000 setahun pada tahun 2010. Saya berharap, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dapat berganding bahu dengan kerajaan negeri Kedah untuk mencapai matlamat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya menyokong usaha pasukan koridor utara untuk menguruskan masalah banjir yang sering melanda daerah-daerah di negeri Kedah. Peristiwa banjir yang kerap berlaku di daerah-daerah negeri Kedah seperti daerah Yan dan daerah Pendang telah mendatangkan kerugian, kerosakan harta benda serta tanaman. Langkah kerajaan negeri Kedah yang sedang berusaha mengatasi masalah ini melalui pelaksanaan projek tebatan banjir dan perancangan penempatan semua penduduk terlibat ke kawasan yang lebih sesuai haruslah disokong oleh Kerajaan Persekutuan. Kedua-dua projek ini dianggarkan bernilai hampir RM1 bilion. Saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat menghulurkan peruntukan demi kesejahteraan rakyat negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu Jabatan Pengairan Saliran (JPS). Saya suka menyarankan agar kerja-kerja

penambahbaikan dan pembersihan sungai yang dipertanggungjawabkan kepada JPS ini dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih sistematik dan teratur. Apa yang sering kita lihat, JPS atau kontraktor JPS banyak menjalankan kerja-kerja pembersihan sungai secara dataran sahaja. Kita lihat hanya permukaan sungai yang selalu dibersihkan, sedangkan pembersihan sungai memerlukan kerja-kerja yang lebih intensif dan sudah semestinya melibatkan dasar dalam sungai, tebing sungai dan persekitarannya. Hanya dengan pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan dan pembersihan yang lebih sistematik dan bersepadu akan menghasilkan kebersihan yang benar-benar membantu meningkatkan imej sungai itu sendiri dan juga mengurangkan masalah banjir.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Pendidikan. Pendidikan amatlah penting dalam kemajuan dan pembangunan negara kita. Namun pendidikan bukan dilahirkan dengan semula jadi tetapi hasil daripada ketekunan pengajaran dan pembelajaran yang berterusan dan *constant*. Dari peringkat kanak-kanak hinggalah ke institusi pengajian tinggi dan seterusnya. Asas pendidikan anak-anak kita bermula dari peringkat sekolah rendah dan menengah. Masalah ialah kini pembelajaran anak-anak kita sekarang telah terjejas kebelakangan ini. Saban hari guru-guru sekarang senantiasa terpaksa menghadiri taklimat, mesyuarat, ceramah dan pelbagai aktiviti rasmi pada waktu persekolahan. Guru-guru ini terpaksa meninggalkan anak murid mereka bukan sahaja untuk satu atau dua jam malah untuk beberapa hari dan minggu. Ketiadaan guru mengakibatkan pembelajaran murid terjejas dan masalah disiplin pelajar pun timbul. Kejadian kes membuli, *gangsterisme*, merokok, bertengkar, ponteng dan pelbagai angkara telah berlaku terutama di sekolah menengah.

Kes-kes ini bukan sahaja melibatkan pelajar lelaki bahkan juga pelajar perempuan. Yang membimbangkan ialah kes-kes ini semakin meningkat dan semakin dahsyat sehingga pihak pentadbir sekolah pun berasa gentar untuk mengambil tindakan terhadap remaja-remaja ini. Tambahan lagi, setiap kali menghadiri mesyuarat atau taklimat mestilah ada penambahan kertas kerja yang membabitkan mesyuarat, pengisian borang maklumat dan data-data serta fail-fail baru yang sebegitu banyak dan rumit. Selain daripada kertas yang baru itu, kertas-kertas kerja yang lama dan tidak membawa apa-apa manfaat masih dikekalkan lagi. Oleh sebab kertas kerja dan perjumpaan yang banyak dan kerap itu, tumpuan menyediakan, penyeliaan dan pengajaran seseorang guru itu untuk anak-anak muridnya mestilah terjejas. Ini pula akan mengakibatkan kemerosotan pembelajaran dan akademik anak-anak sekolah. Di sini saya menyeru agar kerajaan mengambil akan tindakan yang sewajarnya demi kebaikan kemajuan pembangunan masa depan anak-anak dan negara kita....

■1200

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat berkaitan dengan isu yang dibangkitkan iaitu masalah remaja, masalah murid sekolah pada hari ini yang mana Yang Berhormat menyatakan dari segi tingkah laku dan perilaku menunjukkan satu imej yang begitu terdesak pada ketika ini dan ianya agak serius. Sering kali kita dengar permasalahan buli di sekolah dan ketidaktentuan perilaku murid-murid diajukan kepada guru. Kadang-kadang apabila berlaku ponteng sekolah dan penyalahgunaan dadah ia dipersalahkan kepada pihak-pihak lain umpamanya pihak polis yang dikatakan tidak begitu tegas di dalam menangani murid-murid sekolah. Apakah saranan dan pandangan Yang Berhormat terhadap tanggungjawab yang sebenarnya? Adakah membentuk remaja, anak-anak sekolah paling utama *percentage* nya adalah terletak di bawah keluarga itu sendiri, ibu bapa itu sendiri atau tanggungjawab dari segi kasih sayang ibu bapa kepada anak-anaklah yang merupakan satu fakta penting yang menjuruskan anak-anak ini ke satu hala tuju yang negatif kepada masyarakat. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Yang penting ialah kasih sayang keluarga tetapi masalah yang kita selalu dengar ialah banyak sekolah terutama sekolah menengah ramai gurunya tidak masuk kelas yang mengakibatkan murid-murid merayau di dalam kelas, membuat bising dan niat hendak belajar sudah tidak ada. Jadi, saya harap kementerian dapat mengambil pandangan serius atas perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun berminat hendak tahu dengan jelas, adakah masalah ini, kalau saya diizinkan menggunakan bahasa Inggeris, *problem of parenting are problem for the government because specifically, a problems for those who are in charge of education.*

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pandangan Tuan Yang di-Pertua memang betul, semua pun bertanggungjawab bukan hanya kementerian, ibu bapa atau pihak sekolah. Semua bertanggungjawab bagi menyelesaikan masalah ini. Boleh saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sengaja cunghkil sebab saya tahu di antara 26 juta kita rakyat Malaysia agak banyak yang suka melihat sesuatu tanpa menghiraukan perkara lain. Pada suatu ketika tertarik kepada sesuatu isu semua pihak bising mengenai perkara itu, hakikat sebenarnya kehilangan.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali ialah Kementerian Pelancongan. Saya juga ingin mencadangkan agar Kementerian Pelancongan lebih proaktif dengan melebarkan tugas dan perancangan promosi pelancongan negara ini kepada jabatan, agensi dan institusi lain di negara ini. Langkah dan usaha promosi pelancongan haruslah juga dilibatkan secara tidak langsung agensi dan jabatan lain yang kerap kali keluar negara atas urusan sendiri. Maksud saya lawatan keluar negara haruslah tidak disia-siakan dengan hanya urusan kementerian atau agensi tertentu sahaja. Ia juga harus melibatkan secara rasmi atau tidak



rasmi mempromosikan negara kita dan Kementerian Pelancongan pula haruslah proaktif dengan membekalkan peserta lawatan dari kementerian dan agensi lain dengan bahan-bahan promosi pelancongan untuk menarik minat pelancong ke negara kita. Usaha ini sudah tentu mampu membuahkan hasil tarikan pelancongan yang lebih berkembang dan memberangsangkan....

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Sila.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat di atas keizinan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pun Ahli yang calonkan oleh Kerajaan Negeri Kedah?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ini Kedah sama Kedahlah, ya?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Kedah sama Kedah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil kerana isu pelancongan tersebut yang mana pada pandangan saya Kementerian Pelancongan telah pun begitu berjaya untuk membawa masuk dengan sasarannya pada tahun ini 21 juta pelancong. Dengan impaknya kita dapat menikmati hampir RM45 bilion *revenue* untuk negara. Persoalannya, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, bagaimana kita lihat rakyat tempatan yang boleh menyumbang, yang mana boleh menarik lebih ramai lagi para pelancong untuk datang ke negara kita di samping usaha-usaha kementerian yang begitu baik membuat kempen promosi di luar negara.

Di sini saya ingin mendapat suara hati Yang Berhormat sendiri tentang peranan rakyat negara kita ada kaitan dengan demonstrasi jalanan liar ini. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang tindakan ataupun kegiatan seumpama ini rakyat kita yang secara tidak langsung telah menjejaskan imej negara untuk pelancong luar negara untuk datang ke negara kita. Apa saranan dan pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih, Yang Berhormat. Isu ini sudah bangkit banyak kali. Saya setuju dengan pandangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tetapi tadi dia bawa dari sudut adakah sambutan rakyat setimpal dengan komitmen kerajaan terhadap sektor pelancongan ini memandangkan beberapa perkara tadi.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Perkara yang pertama, kalau ikut kementerian kita nampak kementerian telah berjaya menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia ini. Yang kedua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Komitmen kerajaan melalui kementerian terserlah. Adakah sambutan rakyat setimpal?

**Tuan Chua Kim Chuan:** Kalau mengikut sambutan rakyat Malaysia ini saya nampak rakyat Malaysia ini tidak sama dengan rakyat di Thailand. Di Thailand rakyatnya tidak boleh hidup kalau tidak ada pelancongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang Yang Berhormat cari itu?

**Tuan Chua Kim Chuan:** Jadi, mereka bekerjasama dengan pihak yang tertentu menggalakkan pelancong luar masuk ke negara mereka. Di Malaysia ini rakyat kita lain sikit. Saya tidak tahulah sama ada disebabkan hidup mewah atau ada banyak bantuan dari kerajaan maka mereka tidak payah cari makan sendiri. Contohnya di Langkawi, sambutan rakyat tempatan tidak seperti rakyat di Thailand. Mereka tidak bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk menggalakkan pelancongan. Ini kelemahan kita.

Ketiga, Yang Berhormat menceritakan mengenai demonstrasi. Kita pun mendengar Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan menyatakan bahawa ia telah menjejaskan bilangan pelancong yang masuk ke Malaysia. Ia merosakkan imej negara kita. Ramai pelancong yang hendak masuk ke negara kita sudah patah semangat. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Ya, sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa kerajaan telah berjaya mempromosikan kemasukan pelancong asing ke negara kita tetapi saya rasa seperti tidak ada keseimbangan dari segi galakan pelancongan ini. Saya mengambil contoh, semalam saya melancong ke Bukit Melawati di Kuala Selangor bawa anak-anak saya untuk melihat bahan sejarah tetapi saya tidak nampak seorang pun pelancong asing yang naik *train* sampai ke atas itu. Dua, tiga kali trip pun saya tidak nampak pelancong asing sedangkan di atas itu pun ada muzium rupanya dan ada bahan sejarah yang cukup hebat dan menarik.

#### ■1210

Termasuklah bahan-bahan seperti pokok yang sebenarnya ada daya tarikan. Minggu lalu saya bawa juga keluarga saya pergi Istana Besar Johor dan mereka melihat sejarah di Istana Besar tersebut yang memang menarik dan saya dapati ramai pelancong asing yang melawat di situ berbanding dengan orang tempatan pula kerana mungkin kerana adanya promosi tetapi Bukit Melawati ini, saya tidak fikir mereka ini lebih hendak menghayati sejarah sebab itu ramai orang tempatan. Mungkin sebab seronok hendak naik tren sahaja, naik macam kereta api itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana itu sahaja. Kemudian hendak bergambar dengan monyet-monyet. Muzium mereka tidak masuk pun.

Jadi saya rasa di sini ada sedikit kelemahan sebenarnya dari segi penggalakan pelancongan yang tidak setara kepada pelancong asing dan yang kedua ialah dari segi promosi kepada rakyat tempatan untuk melancong dalam negara sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau ikut pelancong, dia ada minat masing-masing. Kalau Orang Putih ini, dia lebih suka pantai. Kalau ikut Arab ini, dia lebih suka *shopping*. Jadi saya tidak tahulah ada kelemahan di mana. Lagi satu yang saya hendak bangkitkan satu kelemahan pelancongan ialah PBT. Banyak peruntukan yang disalurkan dari Kementerian Pelancongan kepada PBT, depa lebih minat membina tempat baru. Yang lama itu depa tidak minat hendak *maintain*. Macam Langkawi, Pulau Singa Besar itu, bilik tandas sudah rosak, tempat yang lama-lama itu tidak di *maintain*, sudah rosak.

Dahulu bila saya pergi ke Pulau Singa Besar itu, nampak penuh dengan pelancong asing. Sekarang sudah tidak ada siapa ke sana. Tandas pun rosak, tidak diperbaiki, tempat rekreasi pun sudah tidak boleh pakai, Jadi saya tidak tahulah sama ada ini kelemahan sistem kita kah ataupun pegawai PBT yang bertanggungjawab ada benda-benda lain yang tersembunyi yang dia tidak minat untuk membaik pulih.... *[Ketawa]* Hanya minat buat yang baru sahaja. Jadi saya ingat hendak bagi jawapan kepada Yang Berhormat pun, paya sedikit. Saya ingat kita serah kepada kementerianlah, tengok cari jalan macam mana hendak selesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Azizah Samad. Yang Berhormat, nama Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah kah? Selepas ini, Senator Heng Seai Kie.... *[Disampuk]* Sudah berucap ya? 12.13 tgh.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2007. Setelah bercakap dengan beberapa sahabat, rakan seperjuangan, ramai yang hendak bercakap pada hari ini. So saya pendekkan, saya ringkaskan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh saya tahu siapa Yang Berhormat yang hendak bercakap lagi?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Chee Keong, Dato' Ikhwan, Puan Hajah Wan Hazani, Tuan Wan Nordin. Jadi, Yang Berhormat-Yang Berhormat mempunyai masa, bahagi-bahagilah. Saya bercadang untuk memanggil kementerian menggulung perbahasan pada pukul 3.30 petang.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya hendak menyampaikan rintihan-rintihan rakyat di bawah yang mana apabila kita ada perjumpaan ataupun meraikan keramaian, perkahwinan dan sebagainya, ada rintihan-rintihan yang mereka bawa. Jadi di sini saya hendak sentuh sedikit bab keselamatan polis. Di mana-mana mereka kata telah jatuhlah imej polis ini di mana mereka kata polis tidak menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya mereka kerja. Pada saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf. Mungkin saya tidak sebut Datuk Hajah Azizah. Saya pun...

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tidak, bukan itu. Saya lebih dikenali dengan “Kak Zah”, lebih mesra. Masalah “Datuk” itu tidak ada masalah, Tuan Yang di-Pertua.... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini masyarakat semakin takut untuk bergerak bersendirian. Peningkatan ini mungkin berlaku disebabkan kekurangan anggota Polis Diraja Malaysia untuk melaksanakan tugas rondaan, kawalan, siasatan dan tangkapan terhadap kes-kes yang dilaporkan. Oleh yang demikian, peruntukan RM430 juta ini dalam Perbekalan Tambahan 2007 kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri perlulah digunakan dengan sebaik mungkin untuk mengembalikan kredibiliti pasukan Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, saya mungkin saya salah, tetapi saya hendak tahu penjelasan daripada pihak yang berkenaan, berkenaan dengan satu mesin untuk semakan cap jari penjenayah yang dikenali sebagai MAFIS Malaysia. Kalau ikut ini, saya tidak berapa faham tulisan yang ada di sini, *auto man* atau automatik *fingerprint identity system*. Saya difahamkan mesin ini hanya ada satu sahaja di Bukit Aman.

Oleh kerana kekurangan mesin ini, jadi perakaman mesin *fingerprint* itu agak lambat diproses. Hanya jenayah-jenayah yang serius sahaja didahulukan. So saya harap pihak polis boleh dapat penjelasan sama ada mesin ini ada sebab-sebab tertentu yang tidak boleh diadakan lebih daripada satu.

Begitu juga mesin untuk mengambil fotofit. Saya difahamkan fotofit itu bila ada berlaku rompakan dan sebagainya, so orang yang jadi mangsa itu dia ingat lagi macam mana rupa orang itu kalau orang itu tidak bertopeng. Ada juga rumah yang disamun, punya beraninya penyamun-penyamun ini datang tidak bertopeng langsung tetapi oleh kerana mesin fotofit ini hanya satu dan terpaksa dihantar servis tiap-tiap bulan yang mengambil masa dua minggu, jadi mungkin orang itu akan sudah lupa macam mana rupa wajah penjenayah itu. Itulah saya mohon penerangan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang PBT. Sebelum saya sentuh, saya hendak ucap – oh, Yang Berhormat M. Munusamy tidak ada di sini – pagi ini saya datang agak pagi, Yang Berhormat M. Munusamy ada di sini, dia kata “/ baru balik dari Johor Bahru.” So saya kata, “Macam mana banjir di Johor Bahru?” Dia kata, “Berkurangan, tidak seperti tahun lalu.” Alhamdulillah, saya hendak ucapkan tahniahlah kepada pihak PBT dan pemimpin-pemimpin masyarakat di Johor Bahru kerana telah mengambil tindakan yang drastik untuk menentukan bahawa banjir itu yang pasti akan datang dikurangkan. Alhamdulillah.

Seterusnya, PBT juga. Ini permohonan rakyat. Dia kata, tiap-tiap ada pembangunan, PBT hendak membangunkan *flat* atau rumah, tentukan ada banyak *parking* kereta sebab sekarang kita kekurangan *parking* kereta. Saya juga mohon agar pihak PBT tidak lupakan orang-orang OKU ini supaya mereka juga selesa duduk di Malaysia ini.

Seterusnya, pendidikan. Saya ucapkan tahniah jugalah kepada Kementerian Pendidikan yang ditugaskan untuk menjaga disiplin kanak-kanak di sekolah ini kepada Yang Berhormat Dato’

Haji Noh bin Haji Omar yang baru-baru ini telah mengadakan kursus selama tiga hari di Kajang berkenaan disiplin murid-murid ini. Segala rumusan telah dibuat, so saya harap tindakannyalah diambil dengan segera. Pendidikan ini juga saya minta penjelasan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya berminat juga hendak tahu apakah rumusan itu berkaitan dengan apa?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Oh, ia panjang, Tuan Yang di-Pertua. Di antaranya ialah merotan anak-anak murid wanita yang mana separuh setuju, separuh tidak setuju dan banyak lagilah yang ada rumusan, saya boleh terang kepada Yang Berhormat, mungkin dalam bajet kalau Yang Berhormat hendak tahu, tetapi ini hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi ada berbangkit, adakah ia masalah keibubapaan?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Memang ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah ia masalah kerajaan?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** No, tidak. Ini adalah..

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah masalah kementerian?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya ingat ini bermulanya daripada rumah pasal ibu bapa dulu yang menjaga anak daripada kecil. Perkara-perkara macam disiplin ini semua hendak dimulakan daripada rumah, daripada mereka kecil bukan sudah besar. Macam kata orang-orang tua, kalau hendak melentur buluh, daripada muda, bukan daripada sudah menjadi buluh.

#### ■1220

Yang Berhormat, kalau hendak ikutkan disiplin, ia daripada rumah, daripada sekolah dan juga rakyat keseluruhannya. Bukan sahaja ditujukan kepada kementerian sahaja. Kementerian telah cuba berbagai-bagai perkara untuk mengatasi masalah ini tetapi kalau kementerian sahaja yang melakukan, tidak ada pandangan orang ramai, kerjasama daripada orang ramai maka itu tidak menjadi juga.

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya saya hendak pergi ke...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan atau tidak?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Boleh habiskan kah atau tidak? Yang ada kena mengena ke yang ini?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan atau tidak?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okey, okey. Silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, bila kita bangkit soal disiplin ini, yang sering kita bahaskan ialah seperti mana yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua berasaskan kepada yang dibangkitkan awal tadi iaitu soal ibu bapa dan sebagainya. Yang itu kita tidak dapat nafikan tetapi akhir-akhir ini, timbul juga persoalan, iaitu cara tindakan kita terhadap

pelajar-pelajar yang tidak berdisiplin ini semakin longgar sebenarnya dan menyebabkan pelajar tidak takut untuk melakukan kesalahan-kesalahan yang melanggar disiplin. Sekarang ini paling membimbangkan ialah disiplin di kalangan pelajar wanita yang semakin teruk sebenarnya dan sebab itulah timbul persoalan-persoalan untuk merotan, pelajar wanita ini kerana disiplin mereka semakin teruk.

Jadi pada pandangan Yang Berhormat? Sebenarnya banyak cadangan timbul supaya tindakan merotan ini digunakan semula. Yang Berhormat setuju kah bahawa tindakan merotan ini mesti dilaksanakan juga iaitu terutama kepada pelajar-pelajar wanita ini. Apa pandangan Yang Berhormat sebenarnya?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang sebenarnya tindakan terhadap anak-anak ini - anak-anak kita ini berjiwa lain-lain. Walaupun satu mak, satu ayah, anak-anak di rumah ini sikapnya berlainan. Ada anak-anak kalau kita pandang sahaja dia, dia dah takut. Ada anak-anak yang dia hendak dipujuk. Kita hendak bercakap dengan dia, baru dia takut, baru dia dengar. Ada yang anak-anak kalau kita rotan dia, dia takut tapi ada juga anak-anak yang kita rotan dia bertambah dia *retaliate*.

Jadi semua pihak banyak yang kata - saya tak nafikan sekarang ada juga anak-anak perempuan yang lebih ganas dari kaum lelaki tetapi itu segelintir tapi tak banyak daripada anak lelaki tetapi pada saya kita kena kajilah semua ini. Dulu semasa kita sekolah, saya setuju. Kita sekolah kita pun kena rotan. Masa sekolah dulu kalau tak buat *homework, I must do my homework, I must do my homework* 1,000 kali. Kalau kena rotan, cikgu akan rotan. Saya ingat cikgu sains saya mengajar – cubit dekat pusat tetapi masalah pada masa itu, *parents* kalau kita cakapkan dia orang akan lebih bantai kita, lebih marah kepada kita, tapi sekarang *parents* dia akan mengambil, masuk campur, menyalahkan pihak sekolah. Saya pernah ada guru di Seputeh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Di sini saya hendak campur. Rotan tak rotan ialah masalah untuk pihak berkuasa. Kementerian, Jabatan Pelajaran Sekolah, hendak campur tangan, tak campur tangan ialah pilihan...

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Mak bapa...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Berunsur keibubapaan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yes. Itu sebab maksud saya tadi bila Yang Berhormat menanyakan perlukah kita merotan? Jadi kalau pihak sekolah dah mengambil keputusan, *I'm sure* dia orang sudah kaji dari *every aspect*, dia dah kaji bahawa rotan itulah satu-satu cara untuk mengembalikan disiplin pada anak-anak. Jadi pihak ibu bapa pula, kita mintalah supaya jangan masuk campur. Ya, jangan masuk campur sekiranya tindakan itu telah diambil.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat laluan. Soal ibu bapa yang suka masuk campur atau campur tangan ini, lebih banyak berpunca daripada si ibu sebenarnya. Si ibu ini dia suka manjakan anak perempuan sebab lelaki biasanya dia tidak kisah. Dia suka supaya

anaknyanya diambil tindakan, tapi si ibu yang menjadi batu api ini dan kadang-kadang disuruh si suami pergi sekolah, pergi tumbuk cikgu yang mengambil tindakan disiplin. Sebenarnya puncanya si ibu yang suka sangat memanjakan dan kanak-kanak sekarang, kerana anak perempuan ini, kalau dengan bapa memang dia tak nak berurusan dah. Akhirnya dia pergi kepada si ibu dan dia mengapiakan si ibu, si ibu mengapiakan si bapa. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Inilah nasib seorang wanita. Kalau yang baik itu semua lelaki. Kalau yang jahat itu semua dituduh kepada wanita tetapi saya seronok Yang Berhormat dah mengaku selalu anak-anak tak suka pergi kepada bapa sebab dia tahu bapa tidak dapat menolong mereka. Yang senang dan boleh menolong mereka, yang boleh menyamankan rasa perasaan mereka hanyalah seorang ibu. Hanya kerana ibu yang tahu naluri seorang anak kerana kamilah ibu yang mengandungkan selama sembilan hari di dalam perut kami.... [Ketawa] Sembilan bulan. Terima kasih Yang Berhormat. Tentang pukul itu saya akui sebab seorang bapa, saya tak sangkalah rupanya seorang bapa boleh dipengaruhi oleh seorang isteri. Pernah terjadi seorang bapa ini bila dia jumpa guru dia tak ada hendak buat apa, dia hendak tumbuk sahaja tapi seorang ibu kalau dia kemungkinan tak suka sesuatu dia pergi berbincang. Dia tak pernah menggunakan kekasaran, Yang Berhormat. Terima kasih. Boleh saya teruskan?

Okey, yang seterusnya saya minta pihak Kementerian Pendidikan ini memberi penjelasan dengan tentang tarik balik yuran di sekolah, masa bajet kita dulu. Yuran yang ditarik balik itu ialah yuran RM4.50. Yuran ini jangan dikata RM4.50 sebab anak murid begitu ramai. Kalau kira dua juta pun anak murid, dah sembilan juta kerajaan tarik balik dah tetapi di sini banyak juga ibu-ibu yang salah faham. Katanya, "macam mana ini yuran dah tarik, tapi ada yuran kokurikulum, ada yuran komputer, ada yuran PIBG, jadi dia orang tidak mahu bayar. Dia kata ini tidak apa kerajaan bayar." Ini masalah yang dibawa di dalam PIBG baru-baru ini di sekolah-sekolah. So saya minta kementerian beri penjelasan yang ini. Saya juga...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Mohon laluan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Sila, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Laluan kepada siapa Yang Berhormat?

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih juga Tuan Yang di-Pertua. Masalah yuran ini memang timbul di kampung-kampung. Mereka ibu bapa seolah-olah merasakan diri mereka tertipu. Mansuhkan yuran RM4.50, datang pula bayaran yang ada pakej tiga sekali, sama ada sekolah hendak pilih yang mana satu. Sekolah yang besar, bermaksud dari pendapatan yang tinggi, bayaran dia sebanyak - ada dengan saya ini. Kalau sekolah rendah, sebab saya biasa di sekolah rendah RM38.50. Sekolah 'B' iaitu sekolah yang sederhana pendapatan ibu bapa juga sederhana ialah RM30.50 dan pakej 'C', ini ialah sekolah *under enrolment* iaitu, dengan izin, sekolah bawah murid yang rendah iaitu sebanyak RM23.50.

Ini dibandingkan dengan pemansuhan yuran sebanyak RM4.50 untuk sekolah rendah dan RM9 untuk sekolah menengah. Apabila mereka diberitahu bahawa yuran tidak dikenakan langsung, mereka sudah set dalam minda mereka bahawa tidak ada pun akan dikeluarkan duit untuk yuran. Namun tiba-tiba dapat pula yang ini, yang mana lebih jauh lagi pembayaran dia daripada RM4.50 dan mereka merasakan diri mereka tertipu. Apabila kita baca dalam surat khabar dan juga tengok televisyen, penerangan daripada Yang Berhormat Menteri ataupun yang lebih tinggi daripada itu, tak sentuh pun yang ini. Mereka hanya sentuh yang RM4.50 yang dimansuhkan dan juga Yuran PIBG. Di samping ini, apabila kita pungut duit ini, sekolah pungut duit ini, duit ini akan masuk kepada buku *swap* sekolah, bermaksud masih lagi duit kerajaan dan Yuran PIBG terpulung kepada PIBG. Tidak di mansuhkan Yuran PIBG. Kalau dimansuhkan yuran PIBG, bagaimana PIBG hendak menjalankan aktiviti-aktivitinya. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal yang seperti ini?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat tadi. Kalau dimansuhkan yuran PIBG ini, maka tidak adalah komunikasi antara cikgu, komitmen ibu bapa kepada guru-guru dan kepada sekolah-sekolah anak-anak tetapi yuran ini pun dia ada dia punya perbezaan. Saya difahamkan, kalau sekolah itu ibu bapanya mempunyai kemampuan yang agak tinggi, yurannya sampai PIBG sampai RM100 tetapi ada yang kurang itu, ibu bapa yang kurang berkemampuannya dia hanya RM10.

■1230

So, saya ingat ini tidak menjadi masalah. Kita kena teruskan yuran PIBG ini. Cuma penerangan dari pihak sekolah ini yang penting sebab sekarang masih-masing semua dah kata hapus yuran, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dah tarik balik yuran. So pada dia, semua yuran keseluruhan bukan hanya bukan RM4.50 itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yuran ini dibayar berapa lama sekali?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Yuran ini setahun sekali. Yuran komputer sebulan RM10.

**Tuan Yang di-Pertua:** Harga DVD cetak rompak berapa ringgit satu?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya tidak pernah beli Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Berapa, RM5? Sebab kadang-kadang kita dapat *free* daripada Datuk Mohd. Shafie Apdal. Bila kita jumpa tidak pernah beli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Minta laluan Yang Berhormat. Mengenai dengan yuran ini kita berterima kasihlah dengan kerajaan sebab seperti yang sebut tadi tentang dasar kerajaan sekarang ini ialah pertumbuhan dengan pengagihan. Maka salah satu cara daripada pengagihan ini ialah apabila kerajaan menghapuskan yuran peperiksaan dan sebagainya tetapi



apabila timbul yuran-yuran lain ini yang dikutip awal tahun, dengan ada gred pula, gred 'A', gred 'B', gred 'C' maka ini menimbulkan kekeliruan sebenarnya dan tenggelam usaha kerajaan tadi yang ingin menjelaskan bahawa pertumbuhan dan pengagihan ini dilaksanakan dengan penghapusan yuran-yuran tadi.

Jadi bersetuju kah Yang Berhormat barangkali satu cara yang terbaik ialah kutipan yuran-yuran tambahan ini mestilah dilaksanakan bukan di awal tahun, mungkin setelah empat bulan sesi persekolahan baru dikutip supaya nampak perbezaan yuran yang dihapuskan dengan yuran-yuran lain ini, kalau tidak memang menimbulkan kekeliruan dan salah faham. Saya ingin membangkitkan juga mungkin satu hari nanti kita mencadangkan supaya uniform sekolah juga diubah kepada uniform baru sebab uniform sekarang ini tidak sesuai lagi, sudah berkurun warnanya. Ia tidak menggambarkan perubahan pendidikan di negara kita. Jadi bersetuju kah Yang Berhormat apabila digantikan dengan uniform baru seperti batik yang lebih memudahkan anak-anak sekolah ini dilihat bersih. Maka mungkin juga dikenakan yuran pakaian untuk menggantikan uniform baru ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya setuju, mungkin Yang Berhormat boleh mencadangkan bahawa kutipan itu kita kutip setelah empat penggal tetapi untuk hapuskan kata untuk menghilangkan kata semua orang akan setuju 100% saya rasa tidak mungkin kita dapatlah sebab ada segelintir memang suka kalau boleh semuanya *free*. Jadi Yang Berhormat boleh cadangkan. Saya setuju Yang Berhormat cadangkan, cuba. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat agak hendak ambil berapa lama masa lagi?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Kalau tidak kacau patut sekejap sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak patut guna istilah kacau. Sebab Yang Berhormat yang beri laluan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Okey, saya hendak ke wanita ini yang berlaku adil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bertanya sebab ada 87 minit lagi untuk bahas dan ada empat orang lagi. Kalau Yang Berhormat bagi masa kepada mereka 20 minit seorang, sebab itu saya tanya berapa minit lagi?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Sekejap sahaja Yang Berhormat. Selepas ini jangan ada sesiapa kacau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekali lagi Yang Berhormat kata kacau ya? Yang Berhormat yang beri laluan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya tidak akan beri laluan, itu kerana atas dasar hendak berlaku adil kepada yang lain. Yang lain-lain saya akan cakap dalam bajet Yang Berhormat, mungkin dah habis.

Cuma di sini pesanan juga, rakyat. Dia kata untuk memastikan keberkesanan pembanterasannya gejala rasuah oleh Badan Pencegah Rasuah. Jadi diharapkan kita dapat melindungi saksi-saksi ini supaya saksi berani datang ke hadapan. Seterusnya tentang- saya kena potong Yang Berhormat, minta maaf. GLC Yang Berhormat, saya mohon Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dah tiba masanya sektor swasta dan syarikat-syarikat berkepentingan GLC juga harus memainkan peranan mereka. Mereka harus lebih menonjol dalam melaksanakan tanggungjawab sosial iaitu CSR mereka.

Syarikat korporat ini tidak seharusnya mengutamakan keuntungan wang ringgit semata-mata tanpa mempedulikan sumbangan mereka kepada kesejahteraan rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak perlu tergesa-gesa, bertenang. Teruskan. Bila rasa hendak berhenti, berhenti.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** ...[Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, ini sedikit pertanyaan PATI yang datang begitu ramai. Kita tahu lah mereka akan menyambung nyawa semata-mata untuk bersama-sama dengan kita kerana negara kita begitu makmur. Kita pun faham kebanjiran-kebanjiran pun berlaku di Sabah Sarawak kerana banyak perairan dan sebagainya. Pertanyaan mereka, walaupun kawalan ketat oleh imigresen, kita ada undang-undang ketat, perairan air kita pun dijaga dengan ketat, macam mana bolosnya pendatang asing ini, itu banyak yang dipertikaikan oleh rakyat jelata sekarang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniah jugalah kepada Menteri Penerangan walaupun masa dia tunjuk iklan membersihkan tandas itu, kalau kita tengah makan terhentilah juga, tetapi tahniahlah sepanjang-panjang perjalanan R&R dari Melaka ke Johor, nampaknya bersih. Bersih tidak berbau, senantiasanya ada orang jaga, tahniah. Yang Berhormat kata sekarang hendak meninjau macam mana lukisan-lukisan di dalam tandas. Itu hendak pakai CCTV untuk laki-laki, jangan. Saya takut dipakaikan utk kaum wanita. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap fasal Hindraf saya agak terharu dengan Yang Berhormat Chitra yang ada di sini. Masa *the last sitting* hari Khamis yang lepas, kami keluar sama-sama. Yang Berhormat Chitra menangkap tangan saya dia kata, "Yang Berhormat, saya kecewa saya rasa sedih." Saya tanya kenapa? Dia kata sebab....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak ingati Yang Berhormat di sini, apa yang berlaku ketika Yang Berhormat berdua tadi ialah *private conversation*. Sekiranya Yang Berhormat sebut di sini, ia jadi *public conversation*. Maka berhati-hatilah.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tidak apa Yang Berhormat, yang ini benda yang baik. Kalau yang baik itu saya suka sebarkan. Kalau tidak baik, selalunya saya simpan sendiri tetapi Yang Berhormat Chitra ini dia kata saya ini Yang Berhormat saya serba salah. Saya ini rakyat Malaysia dia kata. Saya tidak bersama Hindraf. Saya adalah rakyat Malaysia. Bapa saya

jaga jenayah dalam pihak polis. *I'm 100%* dengan rakyat Malaysia berbilang kaum. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Chitra... [Tepuk]

Sebab saya ingat Yang Berhormat, demonstrasi jalan ini tidak perlu, memang tidak perlu. *Do it in our way, Malaysian way*, dengan izin. Kita ada Kabinet, kalau ada memorandum hantar kepada Kabinet, tidak payah buat demonstrasi jalanan yang haram ini. Saya kata, kita patut berterima kasih kepada Allah S.W.T kerana kita dapat seorang Perdana Menteri yang bijaksana. Perdana menteri yang tidak mengikutkan hati. Perdana Menteri yang tidak menggunakan kuasa padahal itu hak dia. Hak dia untuk menangkap dalam ISA tidak ada soal jawab lagi tetapi kenapa tidak digunakan? Sebab dia bijak, dia hendak teliti dahulu yang mana patut diambil. Sebab semuanya rakyat Perdana Menteri yang kita kasihi.

Jadi di sini saya ingin mengatakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ambillah sahaja apa tindakan yang sesuai pada pihak Perdana Menteri. Kami rakyat Malaysia dan majoriti rakyat Malaysia yang sukakan keamanan yang tidak mahu pergaduhan pihak yang hendak berniaga, anak-anak yang hendak bersekolah akan menyokong penuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya teringat sedikit...

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** Pohon laluan.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Tadi saya dah kata ini. Sudah berdolak-dalik. Okey, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini laluan ya, bukan kacau.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Laluan.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** Saya bimbang takut dikata pengacau Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat mulakan ucapan dengan mengatakan bahawa keadaan keselamatan orang rasa takut hendak keluar dan sebagainya.

#### ■1240

Sementara kita memperakui bahawa pihak PDRM memerlukan banyak lagi kelengkapan-kelengkapan seperti yang dirujuk oleh Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat rasa terpenggil untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PDRM yang mengawal keselamatan dengan baik semasa tunjuk perasan Hindraf itu.

Kedua Yang Berhormat, kita sering terjebak dengan orang yang mengakui bercakap bagi semua pihak. Satu pertubuhan mengatakan kami mewakili masyarakat kaum itu dan satu lagi pertubuhan mewakili kaum ini. Sedangkan mereka adalah minoriti yang mengaku mewakili majoriti. Apa ulasan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Saya setuju Yang Berhormat. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua betul, dia kata jangan bagi laluan. Saya pun hendak tulis dan ucapkan tahniah kepada pihak PDRM. Walaupun orang lain yang mengacau belum ditangkap, tapi mereka ini yang

pecah kepala dan sebagainya telah menjalankan tugas dengan mengawal semasa demonstrasi jalanan dengan begitu baik. Saya ucapkan tahniah kepada pihak polis Malaysia.

Tentang minoriti itu, saya ingat ada sebab-sebab yang tertentu yang mereka mengaku mereka majoriti. Kita tahu kaum India majoriti yang sekarang dipimpin oleh Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu, tetapi yang minoriti ini, kadang-kadang dia dihasut, mudah dihasut dan mungkin ada yang pergi ke luar negara, dibayar oleh orang-orang yang tertentu. Yang jadi penghasut ini adalah dalang-dalang satu, dua, tiga orang yang mungkin kita tahu, adalah orang yang ketandusan idea. Dia sudah tidak ada apa lagi. Inilah cara-caranya untuk menarik hati rakyat. *But they failed*, dengan izin.

Okey Yang Berhormat, boleh saya cerita sedikit bab saya dapat SMS? Itu yang sebab saya kata, ramai rakyat sudah bersama dengan kita. Ada satu SMS ini dia kata dalam kapal terbang penghasut yang pertama kata "aku hendak bayar RM10.00 hendak buang ke bawah dan 10 orang akan dapat *benefit* nya," dengan izin. Yang kedua kata "No, aku hendak buang RM200.00 dan 200 orang yang akan dapat *benefit*." Yang ketiga kata, "aku hendak buang RM300.00 guna duit RM10.00, 300 orang." Tapi yang paling mendengarnya, "aku hendak buang yang ketiga-tiganya ke bawah, supaya 26 orang rakyat Malaysia dapat *benefit* nya" Tuan Yang di-Pertua. Jadi betapa marahnya rakyat Malaysia terhadap penghasut-penghasut ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sudah *last*. Saya teringat masa dalam Dewan Rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat ucapan penggulungan di Dewan Rakyat iaitu pada 3 November 2003, di mana Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengingatkan, betapa tanggungjawab bagi seseorang pemegang jawatan itu akan dinilai oleh rakyat jelata. Lebih dari itu, oleh Allah S.W.T.

Kata beliau, "...bahawa jawatan dan kuasa adalah satu ujian daripada Allah S.W.T. Jika terima kasih ini dapat disempurnakan dengan cara amanah, jujur, cekap dan adil, akan berjaya seseorang hamba dalam menghadapi ujian Ilahi. Di sebaliknya, kegagalan memenuhinya akan menjadi satu terima kasih berat untuk dihadapi, baik di dunia mahupun di akhirat." Kata-kata yang dilafazkan oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi perlu dijadikan gagasan, pegangan oleh setiap dari kita, yang dipertanggungjawabkan dengan jawatan dan diamanahkan dengan kuasa. Terutama di kalangan mereka yang diangkat martabatnya menjadi pemimpin.

Sekian, terima kasih, dengan ini saya ingin menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Chee Keong.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana peluang telah diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Secara makronya, dengan izin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Dato' Ikhwan Salim bersedia.

**Tuan Lee Chee Keong:** Saya ingin menyentuh tiga kementerian. Iaitu Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya memilih ketiga-tiga buah kementerian ini atas sebab iaitu ketiga-tiga kementerian ini telah memohon tambahan peruntukan yang terbanyak. Saya telah kira.

Kementerian Pelajaran telah memohon tambahan peruntukan RM3.68 bilion, Kementerian Kesihatan RM1.23 bilion dan Kementerian Pengajian Tinggi RM0.99 bilion. Jadi jumlah besar ketiga-tiga kementerian ini ialah RM5.9 bilion daripada jumlah keseluruhannya RM9.79 bilion. Maka saya dapat kira ketiga-tiga kementerian ini telah merangkumi 60.2% daripada jumlah besar pertambahan peruntukan. Jadi saya nampak kemungkinan besar ketiga-tiga kementerian ada kementerian yang besar, mungkin banyak tanggungjawab dan saya ucapkan tahniah, jika tambahan peruntukan dapat diluluskan oleh Dewan ini.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi sedikit peringatan kepada kementerian-kementerian berkenaan, kerana kata menteri kita tempoh hari dalam Dewan ini, pihak-pihak yang dianggap berprofil tinggi mudah sahaja terjerumus ke lembah penyelewengan. Jadi mahu memberi peringatan kepada kementerian-kementerian tadi, malah mungkin satu amaran bahawa peruntukan yang akan diluluskan ini menjanjikan amanah yang penuh, menjanjikan keterampilan yang sejujur-jujurnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah banyak berusaha, malah kita nampak dalam bajet tahunan kita pun Kementerian Pelajaran banyak menerima peruntukan, malah peruntukan yang terbesar. Saya nampak dalam jawapan yang telah diberi oleh Kementerian Pelajaran pada 7 Disember 2006 dan 14 Disember 2006 juga, masalah keciciran begitu serius. Di sekolah-sekolah rendah, setiap tahun kita dapati 10% daripada jumlah besar anak-anak murid sekolah rendah tercicir dari bangku sekolah. Dari tahun 2001 sampai tahun 2006, kita dapati setiap tahun ada 45 ribu anak-anak kecil tercicir daripada bangku sekolah. Begitu juga daripada tahun 2001 sampai 2006, di sekolah menengah kita dapati kecicirannya mencecah 10.5% iaitu sejumlah 43 orang pelajar sekolah menengah tercicir setiap tahun.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kira ini satu jumlah yang besar. Selama ini saya tidak nampak ada usaha sama ada kementerian atau kerajaan untuk membantu kanak-kanak kita yang tercicir. Jadi saya memohon kalau Kementerian Pelajaran prihatin sebelum keciciran berlaku, banyak usaha boleh dilakukan. Kita hendak selamatkan ialah 90 ribu kanak-kanak atau remaja yang belum tamat bangku sekolah, diselamatkan. Jika tidak, saya ramalkan masalah-masalah sosial, rompak dan sebagainya akan berleluasa.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah, Skim Pinjaman Buku Teks. Mengikut perancangan kementerian pada tahun 2008 nanti, semua buku teks akan diberi secara percuma kepada semua anak-anak murid kita di sekolah, kecuali buku teks sains dan matematik dalam bahasa ibunda masing-masing. Sama ada buku teks sains dan matematik dalam bahasa Malaysia,

bahasa Cina, bahasa Tamil dan sebagainya dan cuma itu sahaja tidak diberi. Apa hendak kita katakan? Periuk sudah diberi, dapur gas sudah diberi, cuma beras sahaja belum diberi. Apa salah, beri sekalilah beras tu. Sebab saya rasa buku sains dan matematik dalam bahasa ibunda masing-masing itu penting juga. Bagilah seorang sebuah.

#### ■1250

Jadi saya memohon jasa baik daripada Kementerian Pelajaran, dalam sistem atau Skim Pinjaman Buku Teks Tahun 2008 beri sekalilah, buku teks Sains dan Matematik dalam bahasa ibunda mereka masing-masing.

Perkara nombor tiga dalam Kementerian Pelajaran ialah rayuan yang saya terima daripada golongan guru PPPS yang telah di *transfer* dengan izin, atau ditukarkan kepada jenis PPPLP atau lepasan diploma dan ke atas. Guru-guru DG41 ini yang melanjutkan pelajaran ke menara-menara gading, tetapi apabila balik daripada universiti tengok gaji mereka ini lebih rendah daripada rakan-rakan mereka, di sekolah yang tidak melanjutkan pelajaran ke universiti. Lepas rayuan demi rayuan, maka Kementerian Kewangan bersetuju untuk memberi kenaikan satu *point*, ertinya RM90 kalau tidak silap saya.

Jadi kumpulan guru-guru PPPLP ini, saya kira lebih kurang empat, lima ribu orang berasa tertindas, susah payah belajar ke universiti ke luar tengok gaji mereka. Walaupun telah naik satu *point* tetapi masih lebih rendah daripada rakan-rakan sekolah mereka yang tidak melanjutkan pelajaran ke universiti. Jadi saya mengambil kesempatan ini, merayu sekali lagilah kepada Kementerian Pelajaran dan sekali lagi khusus Kementerian Kewangan untuk meninjau semula kumpulan guru PPPLP, DG41 ini, gaji mereka ditinjau semula dikaji balik, jika tidak lebih dari rakan-rakan mereka yang tidak pergi ke universiti, sekurang-kurangnya samalah gaji mereka, tidak kurang daripada mereka yang dimasukkan dalam kumpulan PPPS.

Kemudian satu perkara lagi iaitu Pembangunan Sekolah, perkara keempat dalam pelajaran ini. Saya dapati banyak peruntukan telah diberi untuk prasarana di sekolah, kemudahan asas di sekolah. Malah saya dapati untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan sebanyak RM9,360 juta di peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. RM9,360 juta bukan satu jumlah yang kecil, kita setuju kita memperkasakan sekolah kebangsaan, kita majukan pendidikan guru, kita lebihkan kokurikulum, kita tambahkan kerusi, tambah meja, tambah almari tidak apa, bagus! Kita buat kelas bahasa ibunda di sekolah kebangsaan, kita terima!

Apa yang kita susah nak terima ialah bantuan yang diberikan kepada sekolah bantuan modal kerajaan. Maksud sekolah bantuan modal kerajaan ini ialah, hak milik tanah sekolah-sekolah ini masih belum diserahkan kepada kerajaan. Ramai orang berpendapat bahawa sekolah-sekolah bantuan modal kerajaan ini adalah sekolah Cina dengan sekolah Tamil sahaja, tetapi ini tidak begitu keadaannya.

Kita dapati Sekolah Agama Rakyat dengan Sekolah Agama Negeri pun termasuk dalam golongan sekolah bantuan modal kerajaan. Kita dapati ada sebanyak 101 buah Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri yang sudah berdaftar, dan 282 buah Sekolah Agama Rakyat dengan Sekolah Agama Negeri yang masih belum berdaftar. Jadi sekolah-sekolah SJKC, sekolah-sekolah SJKT, sekolah-sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Negeri ini, semua sekolah jenis ini memerlukan juga bantuan dan peruntukan untuk membuat bilik darjah, dewan bagi digunakan untuk kebaikan anak murid kita.

Kita dapati kalau usaha memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan memakan belanja sebanyak RM9,360 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah yang telah di peruntukan untuk sekolah-sekolah bantuan modal kerajaan yang saya sebutkan tadi hanya sebanyak RM100 juta, iaitu lebih kurang 11% daripada jumlah peruntukan besar. RM100 juta dibahagikan kepada lima tahun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, jawabnya RM20 juta satu tahun. Dibahagikan 1,500 buah sekolah bantuan modal kerajaan dan setiap sekolah cuma akan menerima sebanyak RM13,000 satu tahun. Satu buah sekolah menerima sebanyak RM13,000 satu tahun, satu bulan lebih kurang RM1,001 nak buat apa? Nak buat bilik darjah, beli kerusi dan meja, nak buat kokurikulum. Jadi saya mengambil kesempatan ini, memohon kepada Kementerian Pelajaran untuk meninjau semula jumlah peruntukan yang dikhaskan untuk sekolah-sekolah bantuan modal kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kementerian kedua yang saya hendak sentuh ialah Kementerian Kesihatan. Menurut data yang kita terima daripada Kementerian Kesihatan, pada tahun lepas cuma 466 kes permohonan bantuan perubatan diluluskan oleh kementerian ini.

Namun begitu, saya dapati OKU dalam negara kita sudah berjumlah 197,000, OKU sahaja 197,000! Apa kata ibu-ibu tunggal, apa kata keluarga-keluarga miskin tegar, tetapi bantuan perubatan yang diluluskan oleh tabung kesihatan kita hanya 466 kes. Jadi saya ingin memohonlah kepada Menteri Kesihatan, tinjau semulalah kepada yang betul-betul memerlukan bantuan perubatan ini, kita luluskan. Jangan cerewet sangat, sebab saya kira OKU-OKU ini atau ibu-ibu tunggal ini sangat-sangat memerlukan bantuan perubatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya Yang Berhormat ini mempunyai cara yang tersendiri, tinjau perjalanan dan keberkesanan *delivery system*.

**Tuan Lee Chee Keong:** Yes, memang betul Tuan Yang di-Pertua. Perkara nombor dua dalam Kementerian Kesihatan ialah usaha untuk menggalakkan derma organ. Menurut jawapan yang telah diberi pada Dewan ini pada 7 Disember 2006, sejak tahun 1997 seramai 100,000 orang telah mendaftar untuk menderma organ, tidak kiralah mana satu. Daripada jumlah ini, sebanyak 58.8% adalah golongan penderma dalam lingkungan usia 20 hingga 40 tahun. Nampaknya, mereka yang berusia lebih 40 tahun macam Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, kedekut sangat!

Pada tahun 2005, terdapat seramai 7,500 orang telah menderma organ mereka. Tahun 2006, seramai 8,679 orang telah menderma organ, ini satu usaha yang baik. Saya merayu kepada kementerian buatlah lebih promosi...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat minta laluan.

**Tuan Lee Chee Keong:** Ya, teruskan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, saya ...

**Tuan Lee Chee Keong:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kena duduk, kalau bagi laluan, kena duduk.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, dalam isu menderma organ ini, ia memang menjadi satu isu yang cukup besar sekarang di negara kita. Namun bersetujukah Yang Berhormat, supaya doktor-doktor itu juga diwajibkan dulu untuk menderma organ, supaya mereka yang bertanggungjawab ini tahu bahawa mereka juga kena menderma organ itu, untuk menarik perhatian lebih masyarakat di luar ini supaya mengikut jejak mereka untuk menderma organ. Terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Yang Berhormat atas cadangan itu tetapi pada saya organ itu adalah aset masing-masing, derma tidak derma itu terpulanglah kepada keprihatinan masing-masing juga. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya nak sentuh dalam Kementerian Kesihatan ialah bantuan dialisis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat boleh kemukakan perkara itu selepas kita mesyuarat semula pada pukul 2.30 petang.

**Tuan Lee Chee Keong:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lee Chee Keong:** Tuan Yang di-Pertua, petang ini saya beri peluang kepada rakan-rakan yang lain. Saya berhenti setakat ini, sebab ada sebab-sebab tertentu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup. Saya harap Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bersedia untuk berucap pada pukul 2.30 petang ini. Mesyuarat ditangguhkan sekarang dan akan Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

■1430

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercadang untuk berbahas seterusnya?



**2.33 ptg.**

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berbahas Rang Undang-undang Bekalan Tambahan 2007. Apabila berbahas hujung-hujung ini, sudah tentulah banyak isu-isu yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Jadi mungkin saya ingin sentuh secara am sahaja perkara-perkara yang merangkumi *delivery system* kita, dengan izin, yang berkait dengan masalah mentaliti kelas pertama modal insan dan juga pemikiran di luar kotak.

Alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua, negara kita setelah 50 tahun pesat membangun, dan Alhamdulillah dengan kerajaan yang baik dengan sistem pengurusan yang cekap, dengan sumber semula jadi yang ada dan juga penduduk yang rajin, yang bervisi, kita telah pun mencapai antara lain pembangunan yang begitu pesat sekali tetapi pada masa ini, sudah mula saya rasa satu senario yang berlainan dari segi apa yang dikatakan masalah global. Kerana antara lain, kalau dahulu persaingan hanya datang dari beberapa negara sahaja, apabila kita mahu menarik pelabur dan perniagaan ke negara kita, tetapi sekarang kita berhadapan dengan banyak negara, baik dari kawasan ASEAN sendiri ataupun dari seluruh dunia.

Jadi apabila kita berhadapan dengan ini, terpaksa kita memperketat, memperelok lagi sistem kita dan inilah mungkin perkara-perkara yang saya hendak perkatakan sedikit, kerana dalam suasana global ini Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kata tentang pembangunan ekonomi, sudah tentulah kita perlukan modal insan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tetapi juga pelaburan dalaman dan juga dari luar negara. Kita harus boleh menarik mereka dan kita harus menyokong pembangunan ekonomi, supaya negara kita akan lebih maju pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu kita memikirkan pelaburan, mungkin ada sahaja apa yang dikatakan dengan izin, *allowance* tertentu. Sekarang semua negara memberikan macam-macam galakan. Jadi kita harus lebih kreatif dan sebagai sebuah negara maju sudah tentulah dengan adanya sistem teknologi yang lebih baik dan sebagainya, kita harus gunakan perkara-perkara ini.

Saya ingin memulakan dengan satu contoh, di mana baru-baru ini ada seorang kawan saya dari luar negara, yang ingin mengadakan satu *office* di sini, hanya sebagai pejabat untuk menjaga rantau ini tetapi apabila untuk mendapatkan lesen-lesen tertentu, dia mendapat kesusahan maka dia pun beralih kepada negara lain. Bila saya tanya, dia kata ada sistem merayu dan dia kurang faham, di mana sesebuah syarikat itu haruslah merayu dahulu barulah mungkin diberi tempat untuk lebih senang sedikit untuk mendapatkan lesen dan sebagainya. Secara di peringkat perbandaran pula, saya tahu pula ada syarat-syarat yang kadang-kadang mengelirukan. Antara lain dalam satu PBT, mungkin saya katakan di sini, di mana lesen untuk *cyber cafe* ini di mana antara syaratnya adalah pekerja-pekerja yang tidak berwatak jahat.

Jadi isu-isu sebegini sebenarnya mengelirukan peniaga. Kerana sudah tentulah apabila kita memulakan sesebuah perniagaan, kita harus menyewa atau membeli kedai tempat *business* ini, kemudian kita mahu pula mencari pekerja. Apabila kita mahu memohon sesuatu lesen ini, kalau dikatakan untuk menentukan pekerja yang tidak berwatak jahat. Kalau dikatakan kena dapatkan pengesahan daripada pihak polis, mungkin akan memakan masa yang panjang dan sudah tentulah tidak membantu dari segi kita membuat *business*, di mana masa sudah tentulah akan mengakibatkan kos yang lebih tinggi. Jadi apa yang harus kita fikirkan sama ada, adakah sistem di mana perkara-perkara ini boleh diperbaiki secepat mungkin agar kita dapat berubah, agar dapat kita menentukan bahawa perkara-perkara yang tidak munasabah diperbaiki dan kemudiannya bolehlah diguna pakai, supaya dapat membantu peniaga-peniaga ataupun pelabur-pelabur yang ingin datang ke negara kita.

Selain daripada itu dari segi teknologi pula, kita tahu apa dasar kerajaan untuk menentukan teknologi kita di sini semakin banyak digunakan, tetapi saya dapati di peringkat kerajaan kalau boleh saya katakan, ini masih lagi ada ruang untuk dipertingkatkan. Kerana kalau kita katakan dari segi lesen tadilah, permohonan lesen kalau boleh dibuat secara menggunakan komputer pun mungkin lagi baik, lagi senang supaya orang dari luar negara pun boleh pakai semasa mereka di luar negara.

#### ■1440

Ini satu-satu perkara yang saya nampak dan harus kita mempertingkatkan kerana antara lain kegunaan teknologi ini, kalau kita tidak tengok betul-betul satu hari nanti negara-negara lain yang boleh beli teknologi ini akan dapat lompat mengalahkan kita, dan ini tentunya akan membawa perkara kurang baik dari segi menarik pelaburan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nampak antara lain, adalah kita mahu menarik dalam suasana yang agak menarik pelaburan dan juga perniagaan dalam suasana yang agak bergolak. Jadi kita harus tahu antara lain kitalah yang buat keputusan, kitalah harus memahami betapa pentingnya. Saya bersyukur antara lain kerajaan telah mulakan dari segi sistem pemudah di peringkat PBT. Ini saya pun rasa ada nampak perubahan di mana permohonan-permohonan tertentu akan dapat diselesaikan dalam masa yang terpendek, dari segi pembayaran pada kontraktor pun saya nampak sudah pun mula baik dan sudah tentu ini akan membantu negara untuk terus berkembang dengan begitu baik.

Namun begitu, apa yang saya masih nampak ialah masalah dari segi menyenangkan lagi masalah mendapatkan lesen niaga, tempat untuk berniaga dan juga mengambil kira teknologi yang saya katakan tadi. Sebagai contoh, saya pernah tanya kalau dikatakan ada satu syarat di mana *cyber cafe* ini, dengan izin, diadakan hanya di tingkat bawah, kita kalau tengok pula sebagai contoh, Starbucks ada di tingkat satu dan tingkat dua di mana dari segi teknikalnya mereka pun boleh menggunakan komputer mereka di sana, dan kalau banyak boleh dikatakan hampir macam

*cyber cafe*. Jadi perkara-perkara ini tak terjawab, dan saya mengharapkan kerajaan memperelok isu-isu yang nampaknya kecil ini tapi sebenarnya mustahak, kerana sebenarnya rintihan yang ada daripada peniaga-peniaga masih ada dan rintihan antara lain ialah di mana hendak berniaga agak sukar sedikit dari segi permohonan-permohonan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat bangga apabila kita berbincang dari segi apa yang berlaku dan sebaliknya juga perkara-perkara negatif. Tadi pagi pun ada soalan dari pihak media di mana pendapat orang-orang asing tentang negara kita, tetapi saya merasakan kadang-kadang berita-berita baik yang harus kita edarkan tidak pula disampaikan dengan baik. Saya agak terkejut, saya sendiri baru-baru ini ternampak dalam MSN tentang 10 negara terbaik di dunia untuk bersara dan apabila saya buka, saya agak terkejut apabila Malaysia disenaraikan tak silap saya nombor enam antara negara terbaik dalam dunia untuk bersara.

Ini satu maklumat yang saya rasa agak baik dan penting untuk kita edarkan kerana sudah tentu ciri-ciri untuk menentukan sesebuah negara itu baik atau tidak untuk bersara, sudah tentu antara lain kos hidupnya dan juga dari segi kemudahan-kemudahan yang ada. Jadi saya kurang faham kenapa mungkin Kementerian Pelancongan, mungkin Kementerian Penerangan mungkin boleh edarkan maklumat-maklumat positif ini supaya dapat membantu pandangan dunia terhadap negara kita, agar dapat membantu menarik lagi ramai untuk melabur dan juga menolong membangunkan negara kita. Jadi aspek-aspek yang inilah sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak fikirkan juga bila kita memikirkan dari segi sikap, kadang-kadang kita selalu membincangkan tentang sikap memanglah sikap ini susah hendak diubah tetapi harus kita tekankan setiap kali kita ada peluang.

Saya kadang-kadang ingin bertanya kepada kementerian tertentu adakah kita harus huraikan apa itu sikap-sikap yang baik supaya dapat kita bantu. Sebagai contoh mungkin Kementerian Pelajaran dari segi pendidikan anak-anak kita sudah tentulah begitu mustahak, dan kita pun tahu dari segi perkembangan otak memanglah mula dari kecil lagi. Jadi sudah tentulah mustahak bahawa antara lain zat makanan diberi kepada anak-anak kita mustahak, juga tempat mereka belajar dari segi sekolah rendah, dari segi mungkin dengan izin, *kindergarten* yang baik supaya mereka ini dapat bersaing dari awal lagi.

Kemudian dari segi pengurusan kewangan. Saya ucap tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah pun adakan AKPK, agensi kaunseling perkhidmatan kewangan yang saya rasa begitu penting, kerana saya dapati begitu ramai rakyat kita yang sebenarnya bermasalah. Walaupun masalah kecil dan tidak berpeluang menyelesaikan masalah-masalah ini, mereka lambat-laun tersenarai dalam *blacklisted*, dengan izin, di mana susah untuk mereka kemudian untuk meminjam, untuk membeli rumah dan sebagainya, tetapi begitu penting.

Jadi dengan adanya AKPK ini insya-Allah, dan saya harap agensi kaunseling dapat diperkembangkan supaya dapat membantu seramai yang boleh untuk menyelesaikan masalah-

masalah mereka lebih-lebih lagi yang kecil, kerana saya nampak sangat sebenarnya di kawasan saya pun kadang-kadang hanya kerana membeli televisyen pun masuk senarai hitam, kerana jamin kawannya, kawan pula lari sudah dia di senarai hitam. Jadi masalah begini kita kena cari cara untuk membantu, supaya mereka ini dapat hidup dengan lebih senang tanpa di senarai hitam di mana-mana tempat sekali pun.

Lagi satu mungkin dari segi sikap, baru-baru ini ialah musim haji dan saya dengar macam-macam cerita. Ada seorang itu saya terjumpa dia mengatakan dia diajar kalau semasa tawaf itu, dia terbatal air sembahyang, dia kena balik ke Kuala Lumpur mula balik. Bukan sahaja mula balik di sana kena balik ke Kuala Lumpur pula, hendak mulakan dari terbang dari Kuala Lumpur balik ke sana. Jadi memanglah tak munasabah dan sudah tentu sekali perkara-perkara sebegini saya hairan, bagaimana masih ada mereka yang boleh diberikan peluang berceramah apabila perkara-perkara sebegini diperbincangkan dengan secara terbuka dan sebagainya. Saya mengharapkan juga perkara-perkara ini dapat kita mungkin satu caranya penceramah-penceramah ini haruslah menerima sekurang-kurangnya pendidikan di taraf yang tertentu sebelum diberikan peluang untuk berceramah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan antara lain isu-isu sikap ini adalah yang banyak diperbincangkan, macam saya kata tadi susah hendak diimplementasikan tetapi pada masa yang sama, kita tahu inilah perkara yang mungkin boleh membentuk dan memperbaiki sistem *delivery* kita. Saya tak tahulah sama ada satu jawatankuasa khas mungkin boleh diwujudkan untuk mengenal pasti sikap-sikap yang dikatakan sikap baik, supaya kementerian-kementerian tertentu dapat terus membimbing rakyat supaya sikap-sikap positif ini dapat diteruskan, tapi saya rasa satu pendekatan di mana sikap-sikap positif harus dan kita perkenalkan. Pada saya, janganlah kita biarkan macam tadi masalah dahulu, bila ada hutang ini mereka hanya lari tidak mahu bayar, tetapi kalau sikap di mana kita galakkan mereka berjumpa dengan AKPK ini insya-Allah, dapat selesaikan masalah. Jadi kita bagi dia ruang tengok masa depan supaya dapat dia perbaiki kehidupan mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak bercakap tentang isu-isu ini memang hanya secara am sahaja, tapi saya harap apa yang saya maksudkan itu dapat dilakukan, di mana antara lain marilah kita bersama, tahu bahawa negara kita ini di persimpangan.

#### ■1450

Di mana kita sekarang ini bersaing dengan negara-negara yang begitu besar seperti China dan India, Vietnam dan sebagainya. Kita harus berubah dengan begitu cepat, kalau kita hendak tentukan pertumbuhan ekonomi kita akan dapat terus dikekalkan. Jadi dengan itu saya ingin mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada ahli-ahli lain yang bercadang untuk berbahas? Ya, Tuan Wan Nordin.

**2.51 ptg.**

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ruang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007, seperti mana yang dicatatkan dalam ringkasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2007.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana biasa tiap-tiap tahun kita akan berdepan dengan satu belanjawan, dan satu lagi ialah Anggaran Perbelanjaan Tambahan. Ini mengingatkan kita, tahniah dan syabas kepada Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan yang setiap tahun akan berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan belanjawan ini, belanjawan yang telah dirancang sebelum ini akan menepati, walaupun terdapat perbezaan-perbezaan dari segi perbelanjaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, kali ini kita telah meminta untuk meneruskan belanjawan yang berjumlah RM9.8 bilion, ini tambahan pertama katanya. Cuma yang kita hendak sebut di sini, kita pasti bahawa Bahagian Belanjawan ini telah mengambil kira semua fakta-fakta serta fokus untuk perbelanjaan bagi tahun 2007 dan perbelanjaan yang dikemukakan dalam rang undang-undang ini merupakan perbelanjaan yang tidak termasuk dalam Bajet 2007.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu soalan kepada Kementerian Kewangan, khususnya Bahagian Belanjawan sama ada kita meletakkan satu kadar *limit of tolerance*, dengan izin perbezaan antara bajet dan belanjawan yang dibelanjakan kerana dari segi persediaan belanjawan, sepatutnya kita telah mengambil kira semua faktor yang dibentangkan sebelum menambahkan lagi belanjawan.

Disebut di sini pertama Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada tambahan yang kedua. Daripada *limit of tolerance* yang disebut, kadar had yang diizinkan dalam persediaan belanjawan itu mungkin dapat memberi gambaran yang jelas kepada kita kenapa perbelanjaan tambahan ini terpaksa dikemukakan untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada angka-angka yang diturunkan dalam perbelanjaan tambahan ini kita dapati yang paling banyak ialah sektor pendidikan dan pelajaran. Kementerian Pelajaran memerlukan RM3.6 bilion, manakala Kementerian Pengajian Tinggi memerlukan tambahan RM994 juta.

Kedua-dua sektor ini dicampurkan, telah membelanjakan tambahan sebanyak RM4.6 bilion. Ini bermakna bahawa di dalam penyediaan belanjawan yang lalu ada faktor-faktor yang tidak diambil kira dalam penyediaan belanjawan yang lalu. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita hendak penjelasan daripada Kementerian Kewangan di atas kadar yang boleh diterima pakai dalam kita hendak menentukan perbezaan antara belanjawan dengan belanjawan yang asal yang dibelanjakan sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, pada awalnya saya menjangkakan bahawa Kementerian Pelajaran ini, timbulnya perbelanjaan tambahan adalah disebabkan oleh pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam belanjawan menyatakan bahawa pembelajaran di negara ini adalah percuma.

Dalam pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang telah dilancarkan pada 2006, telah pun mengambil kira perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dipersetujui dan yang telah dirancang sedemikian rupa. Walau macam mana pun kita perlu penjelasan daripada Kementerian Kewangan, keperluan untuk tambahan ini sejelas-jelasnya supaya - kita tahu memang dalam penyediaan ini ada perkara yang tertinggal dan dilihat semula, dan dimasukkan sebagai keperluan untuk berbelanja bagi sesi 2007.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang kedua yang telah pun berbelanja lebih daripada yang sepatutnya ialah Kementerian Kesihatan sebanyak RM1.2 bilion.

Apabila kita bercakap soal Kementerian Kesihatan Tuan Yang di-Pertua, saya teringat kepada satu cerita sejarah Rasulullah S.A.W. yang telah membentuk satu Kerajaan Islam yang pertama di dunia, di Madinah. Oleh sebab pemerintahan baginda yang begitu adil dan saksama, maka ia menarik minat ramai kaum bukan Islam untuk berbaik-baik dengan Kerajaan Islam di Madinah. Pada ketika itu Kerajaan Mesir kerana hendak berbaik-baik dengan Kerajaan Madinah ini telah meminta kebenaran Rasulullah untuk menghantar seorang pakar perubatan ke Madinah untuk mengubati orang-orang Islam.

Pakar perubatan yang dihantar itu ialah seorang yang betul-betul pakar dan terkenal di Mesir pada ketika itu, untuk merawat pesakit-pesakit di negara Islam yang pertama. Pakar ini seorang Yahudi, berada di Madinah hampir dua tahun, tetapi tidak ada seorang pesakit pun yang datang untuk meminta khidmat nasihat beliau. Oleh sebab hampir dua tahun tidak ada seorang pun pesakit datang, maka dia melihat bahawa usaha dia adalah *irrelevant*. Satu hari dia membuat kunjungan hormat kepada pemerintah, iaitu Nabi Muhammad dan berjumpa dengan Nabi Muhammad dan bertanya, "Ya, Rasulullah saya di sini sudah dua tahun, tetapi tidak ada seorang pesakit pun yang datang untuk meminta nasihat atau meminta ubat daripada saya".

Maka falsafah ini yang dikemukakan oleh Rasulullah, dia kata, "Kita orang Islam hanya makan apabila lapar dan kita berhenti makan sebelum kenyang". Tuan Yang di-Pertua falsafah ini telah membayangkan kepada kita punca segala penyakit ialah pemakanan dan makanan. Oleh sebab itu usaha-usaha yang serius, usaha-usaha yang bersungguh-sungguh patutlah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan supaya rakyat Malaysia ini jangan lebih makan. Masalahnya ada yang menghidap penyakit kencing manis kerana makan gula lebih, yang mendapat sakit jantung kerana kolesterol lebih.

**■1500**

Oleh sebab itu adalah perlu bagi kementerian melihat bahawa usaha-usaha melipatgandakan tentang gaya hidup sihat dan pemakanan yang berkhasiat itu diteruskan berlipat ganda, supaya kita dapat merangsang rakyat untuk makan hanya untuk ...

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** ... Makan ketika lapar. Silakan.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalah di Malaysia ini saya tengok, kita ada banyak sangat majlis rasmi, majlis keramaian dan telah menjadi budaya di Malaysia, setiap majlis mesti ada majlis perasmian dan majlis penutup dan setiap kali majlis perasmian, kita mesti disediakan jamuan dan makan minum dengan berbagai-bagai jenis makanan. Begitulah juga dengan penutup dan budaya ini semakin bertambah-tambah, lebih-lebih lagi bertambah pula dengan budaya kaum-kaum di Malaysia yang berbagai-bagai, ketika sama ada perayaan agama ataupun perayaan kenduri-kendara dan sebagainya. Jadi ini menjadikan makanan di Malaysia ini terlalu makmur, walaupun rakyat Malaysia kadang-kadang itu dia dah tak nak makan, tetapi oleh kerana budaya makanan dihidangkan, terpaksa makan.

Jadi, tidakkah Yang Berhormat merasakan bahawa KeKKWa kena keluar dengan satu garis panduan untuk majlis-majlis rasmi yang taklah perlu sangat majlis itu makan masa dua jam, kemudian kita nak kena ada pula program lepas pada itu, makan, dua jam. Jadi, kalaulah kita boleh ubah budaya dalam hal ini, saya ingat kita taklah begitu berhadapan dengan masalah berpenyakit kerana makanan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan cepu emas yang saya percaya dan bersetuju pada hakikatnya, bahawa memang kita ini yang menjurus kepada lebih makan. Oleh sebab itu ada majlis-majlis kalau tak ada makan, maka dia orang tak panggil majlis. Oleh sebab itu saya ingat satu perubahan sikap, saya perubahan minda perlu dengan secara bersungguh-sungguh dilaksanakan oleh pihak berkuasa bagi memastikan, bahawa majlis perasmian ini dikurangkan dan makan minum itu janganlah dibazirkan. Kalau boleh, tak usah ada. Mungkin minum saja Tuan Yang di-Pertua.

Saya sangat bersetuju pandangan yang dikeluarkan saudara saya itu kerana ini kalau orang datang ke majlis, kadang-kadang dah makan di rumah. Datang mari makan lagi, makna ini menambahkan lagi - tak sesuai dengan semangat yang Rasulullah sebut tadi. Dasar dan falsafah seorang Muslim mestilah kita cuba hayati dan laksanakan dalam masyarakat negara ini.

**Tuan M. Munusamy:** Nak mohon laluan.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Silakan.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya juga tertarik dengan hujah-hujah dan juga cadangan bahawa pihak yang penganjur majlis-majlis ini perlu mengurangkan makanan. Apa kata Yang Berhormat sekiranya saya

cadangan, bahawa Kementerian Kesihatan yang menjaga kesihatan rakyat negara ini mulakan dengan cadangan ini supaya majlis-majlis yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan ini jangan diadakan makan, mungkin minuman sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Sokong 100% Yang Berhormat. Sebab itulah yang kita katakan biarlah dalam nak *create*, nak wujudkan minda kelas pertama ini kita kena bermula dengan majlis-majlis kita dulu. Boleh Yang Berhormat buat di kawasan-kawasan Yang Berhormat itu kita kurangkan makan. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Kita faham bahawa cerita Yang Berhormat tentang kesihatan - gaya hidup sihat. Gaya hidup sihat ini bukan sahaja merupakan makanan yang kita rasa untuk kecerdasan otak kita, iaitu makanan yang ada vitamin, protein, karbohidrat dan lain-lain vitamin termasuk pemakanan kacip fatimah, tongkat ali herba. Ini kekuatan.

Begitu juga pengurusan gaya hidup sihat ialah melibatkan pengurusan masa seseorang, gaya hidup sosial seseorang. Jadi program ini telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan. Pada pandangan Yang Berhormat, adakah program gaya hidup sihat ini telah menampakkan kejayaan dan kalau ada kejayaannya, bagaimana kita nak meningkatkan lagi supaya gaya hidup sihat kita ini dapat diterima pakai, bukan sahaja di peringkat orang dewasa malah di peringkat kanak-kanak lagi. Terima kasih.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat. Saya bersetuju sebab sama ada berjaya itu merupakan satu ukuran. Apabila kita memulakan sesuatu program untuk faedah ramai, maka kita telah berjaya untuk melangkah diri kita daripada satu kedudukan kepada kedudukan lain. Maka itu disebut berjaya, tetapi adakah cukup berjaya seperti mana yang kita hendak sebab Ahli-ahli Yang Berhormat, makanan-makanan seperti mana yang disebut tadi kacip fatimah, zaman nenek moyang kita dulu mungkin ada cara-cara yang dah lama diamalkan dan ada juga yang tidak kenal langsung kacip fatimah, tongkat ali dan sebagainya, tetapi kita tengok jumlah penduduk Malaysia pada kali ini, berbanding dengan masa nenek moyang kita itu jauh lebih banyak. Ini menandakan kemajuan. Jadi, kita sebenarnya menyokong usaha-usaha Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan lagi supaya rakyat bergaya hidup yang sihat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nak sentuh satu perkara lagi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melancarkan berbagai-bagai koridor yang meliputi satu negara bermula dengan Pembangunan Wilayah Iskandar, Utara, Timur, Sabah dan Sarawak dalam usaha untuk mengurangkan jurang perbezaan dan pembangunan antara bandar dan luar bandar. Usaha-usaha yang murni ini haruslah disambut dan disokong, didukung oleh semua agensi kerajaan yang terlibat. Kita tidak mahu haluan yang dibawa ini ada kementerian orang kata mereka tidak terlibat. Biarlah seluruh jentera, anggota Kabinet, kementerian-kementerian ini melibatkan diri secara langsung untuk memastikan supaya projek, program untuk



membasmi jurang pendapatan ini dapat sama-sama. Saya percaya dan yakin kalau semua jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan bersama-sama dalam program ini, sudah pasti kita dapat melaksanakannya dengan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kita pada hari ini ialah kita mempunyai dasar-dasar yang baik. Semua dasar dibentuk oleh kerajaan adalah baik, tetapi kadangkala kita tercicir atau tiris untuk mencapai dasar-dasar yang kita sendiri perjuangkan.

■1510

Oleh sebab itu kita rasa perlu semua agensi kerajaan, sama ada dia terlibat secara langsung dengan program-program koridor ini, Pembangunan Wilayah ini bersama-sama dalam semua aspek untuk menjayakan jurang perbezaan di antara bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, inilah nasib orang yang paling akhir membahaskan rang undang-undang ini habis *point-point*, jadi saya hendak bercakap soal itu Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong pun telah sebut.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah kepada PDRM yang setakat ini telah dapat memastikan kepada kita bahawa keselamatan negara, negara kita dijamin penuh oleh PDRM dengan kejayaan mereka menangani beberapa tunjuk perasaan yang diadakan. Seperti mana kita bernasib baik...

**Dato' Ismail Kassim:** Minta laluan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Ismail Kassim.

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Wan Nordin. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat berhubung dengan soal keselamatan yang Yang Berhormat bangkitkan.

Saya tidak berniat untuk mengungkit-ungkit perkara ini lebih meluas, cuma inginkan satu pandangan daripada Yang Berhormat berhubung dengan pandangan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara, berhubung dengan gerakan Hindraf ini ada kaitan dengan gerakan pengganas antarabangsa.

Kalau sekiranya ternyata kenyataan ini benar, kenapa tidak diambil tindakan yang sewajarnya kepada kumpulan ini, jika dikatakan ianya mempunyai hubungan dengan pihak pengganas antarabangsa yang kalau kita biarkan seperti Yang Berhormat katakan tadi keselamatan kita terjamin, terkawal hidup kita dalam aman dan harmoni yang kita nikmati sekarang ini, tapi tiba-tiba ada elemen-elemen yang membolehkan berlaku kemudaratan di dalam negara kita, perlu diambil tindakan segera. Kalau andaian dan kenyataan ini adalah benar dan berasas, apakah pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, soal hubungan Hindraf dengan pengganas antarabangsa, sepertimana yang telah dinyatakan oleh PDRM, sama ada benar atau tidak benar, PDRM telah membuat *statement* yang terang. Berhubung dengan masalah

keselamatan, saya hendak sebut tadi sebelum Yang Berhormat bangun untuk minta laluan, saya hendak sebut kita ini, negara kita beruntung. Beruntung kerana pakar, ulama yang ada kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan kita keyakinan bahawa ramai orang merungut, apa tidak tangkap ISA dan macam-macam lagi. Pak Lah dok tunggu apa?

Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah kelebihan kepimpinan yang ada, bertindak apabila diperlukan. Bertindak dengan cara hendak mengatasi masalah banyak, tetapi beliau memilihkan untuk membicarakan mereka yang melakukan kesalahan ini di mahkamah supaya semua orang tahu tuduhan-tuduhan yang dikenakan dapat diketahui oleh rakyat ada asas. Terutama kepastian dan begitu juga keyakinan, kalau Polis Diraja Malaysia pasti mengatakan bahawa ada hubungan dengan kegiatan pengganas-pengganas antarabangsa, saya pasti tindakan akan menyusul, oleh sebab itu kita yakin bahawa dalam menangani masalah ini kita yakin dan percaya terhadap kemampuan, kewibawaan PDRM untuk menjaga keselamatan negara kita...

**Tuan Ahmad bin Husin:** Minta laluan.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Silakan.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil untuk sama-sama kerana saya ada melihat dalam televisyen semalam. Perarakan, tulis dekat situ dengan izin, Tuan Yang di-Pertua "*lawyers for freedom of assembly*" dan Perdana Menteri ada membuat komen apabila ditanya tentang mereka yang melanggar peraturan.

Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri ialah, kita tidak kira, kita tidak pilih pangkat, darjat, keturunan, politik ke apa, mana yang salah tetap salah. Mana yang tidak salah, tidak salah. Ini negara ada undang-undang, so saya hendak tanya Yang Berhormat mungkin pihak *lawyer* ini dia terlalu pandailah. *Lawyer* katakan, ataupun ada kawan-kawan kita *lawyer* dalam ini? Ramai, dalam Dewan Rakyat pun ramai. Jadi saya rasa apa yang disebutkan oleh *president Bar Council* itu seolah-olah mengatakan kerajaan telah tidak membenarkan *assembly*, walhal benda ini dibenarkan di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya rasa *lawyer* ini dia pakai Perkara 10 Perlembagaan. Saya hendak minta izin membaca kerana ada tertulis di sini Yang Berhormat. Perkara 10 disebut 'Kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan'.

"Perkara 10(1):

- (a) *tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran;*
- (b) *semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dan dengan tidak bersenjata;*
- (c) *semua warganegara adalah berhak menubuhkan persatuan"*

Di sini kita ingin memberi peringatan kepada pihak-pihak yang berkenaan bahawa mereka harus membaca lagi, kerana ada sedikit lagi di dalam perkara 10(1)(a), (b), (c) itu ialah yang kedua.

“10(2) *Parlimen boleh dengan undang-undang menggunakan:*

(a) *ke atas hak-hak yang diberikan oleh perenggan (a) Fasal 1.”*

Jadi di sinilah kerajaan Yang Berhormat telah menggunakan kebijaksanaannya melalui Akta Polis untuk melihat bila, bagaimana dalam keadaan yang bagaimana yang boleh kita boleh berikan permit. Di Johor banjir, di Kelantan banjir kita semua banjir kita hendak berlawan buat apa? Jadi saya rasa ini pun satu benda yang - *lawyer* ini kena fikir, dia ada otak lebih daripada kita dia mengaji tinggi. Ada yang ambil sampai *Roman Law* di Rome itu. Dia orang hendak putar belit, hendak pusing. Jadi saya rasa kita di sini, di Parlimen ini ingin menegurlah walaupun kita diberi kebebasan dalam Perlembagaan ini, tetapi ada had-hadnya, minta komen Yang Berhormat.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang mengemukakan pandangan yang telah merujuk kepada Perlembagaan. Memanglah *the best human rights of Malaysian* ataupun hak asasi seorang Malaysia itu termaktub dalam Perlembagaan tapi yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua ialah dalam Islam kalau berjudi, haram.

Begitu juga dengan agama-agama lain dia ada *do and don't*. Dia ada yang boleh dan tidak boleh, jadi amat malanglah kita sekiranya peguam-peguam kita tidak mengetahui undang-undang bahawa perhimpunan haram itu memanglah haram. Dan ini kita tengok *statement* dalam surat khabar menyatakan *Bar Council* kata dia tidak *organize* kan perhimpunan-perhimpunan itu. Jadi yang dok kata depa apabila marah itu dia keluar dengan cara pelik sedikit. Depa kata, depa menganjurkan bagi pihak *Bar Council*, *Bar Council* dengan rasminya menafikan mereka terlibat di dalam perhimpunan-perhimpunan haram yang diadakan. Hanya dua, tiga orang pemimpin-pemimpin yang kebetulan datang daripada profesion guaman, itu yang menyatakan bahawa mewakili *Bar Council*, siapa pun boleh kata Ahli-ahli Yang Berhormat.

#### ■1520

Dan paling mendukacitakan kita ialah mereka dari kalangan profesional, peguam. Patutnya kalau benda haram itu, tak akan peguam boleh halalkan. Kita ada undang-undang, sepatutnya pakar undang-undang mesti tahu mentafsir apa yang boleh dan apa yang tidak boleh.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Mohon laluan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Saya dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua Yang Berhormat yang bangun.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Silakan Dato' Haji Idris, lepas itu Datuk Yaakob.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa terpenggil kerana sekarang ini saya masih jadi seorang peguam juga di sebelah Sarawaklah tetapi terdahulu daripada ini, saya pernah menjadi polis, pegawai polis, sebelum menjadi peguam. Jadi saya telah mengalami dua kehidupan ini, sebagai pegawai polis dan juga sebagai seorang peguam, tapi yang peliknya saya pun hidup sebagai seorang ahli politik sekarang ini. Jadi saya kena bagi pandangan sedikit untuk Yang Berhormat - pandangan Yang Berhormat seterusnya. Saya rasa pihak peguam, sesiapa yang telah bergelar peguam tidak boleh menafikan, iaitu kebebasan ataupun dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, *freedom of assembly, the right of assembly* dan sebagainya termaktub di dalam Perlembagaan kita.

Mereka tidak boleh mengatakan itu adalah kebebasan mutlak, sesiapa yang hendak berarak ataupun hendak bersuara ataupun hendak berhimpun, ataupun hendak berpersatuan dan sebagainya hendaklah mengikut ciri-ciri undang-undang. Jadi saya sebagai peguam, masih sebagai seorang peguam, lesen peguam saya masih ada.

Saya rasa adalah satu penghinaan kepada nama profesion itu sendiri, penghinaan yang sehina-hinanya pada orang yang bergelar peguam. Kalau mereka boleh berarak tanpa permit, tanpa keizinan undang-undang, kerana kalau berarak seperti mana yang kita tahu, kalau tanpa permit ataupun dengan permit itu sendiri, tapi dilanggarkan kawalan dan terma-terma keizinan ini akan menjadi kucar-kacir negara. Jadi berarak tanpa permit ataupun berarak dengan permit dan melanggar kondisi-kondisi ataupun terma-termanya adalah tiket kepada anarki.

Jadi pihak peguam tidaklah boleh mempersendakan undang-undang itu sendiri dengan mengadakan perarakan, yang dikatakan oleh pihak peguam yang segelintir itu dan dengan sokongan moral dari pihak-pihak tertentu termasuk *Bar Council* saya rasa dengan izin, bahasa Inggeris yang saya nak sebut, "*it is a travesty or mockery of a constitutional rights of assembly, rights of freedom of speech itself*". Apa pandangan Yang Berhormat?

Saya pernah jadi seorang polis dulu, saya rasa pihak polis memang bijak, memang telah saya rasa menyusun atur, langkah-langkah untuk menyelamatkan negara kita daripada terus kucar-kacir dengan mengawal keadaan, dengan begitu profesionalisme sekali. Bila ada perarakan seperti ini, saya rasa mereka perlu bertindak dengan sebijak-bijaknya. Orang yang hendak berarak ataupun berhimpun ini, mungkin mereka mempunyai agenda lain, mereka sengaja menghumban diri mereka ke situ untuk ditangkap.

Saya rasa motif mereka bukan untuk menyuarakan kebebasan, tidak. Motif mereka lebih besar daripada itu. Saya rasa mereka telah dihasut oleh sebahagian ataupun orang-orang tertentu yang ingin melihat negara kita kucar-kacir. Apa pandangan Yang Berhormat? Sekian, terima kasih.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat kalau nak beri laluanlah kepada Datuk Yaakob, kalau nak beri laluan, beri laluan dulu lepas itu Yang Berhormat jawab dan lepas itu Yang Berhormat menggulung.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Okey.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat di atas laluan tersebut, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya nampaknya agak begitu emosi dalamannya, wakil daripada negeri Sarawak telah pun melahirkan rasa kekecewaan beliau yang merupakan anggota Majlis Peguam. Namun di sini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Senator tentang - saya semakin keliru bila melihatkan semakin banyak demonstrasi jalanan berlaku, sebagai profesional Majlis Peguam juga tidak ketinggalan kerana situasi sudah panas, tetapi kenapa diambil kesempatan di dalam saat-saat sebegini untuk turut sama-sama seolah-olah menunjukkan satu perasaan bantahan pada pihak kerajaan dalam pelbagai isu atas nama sambutan hari peguam.

Namun baru-baru ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dapat maklumat dan juga ditunjukkan dalam televisyen berkaitan dengan perbicaraan di Shah Alam. Di mana *supporter* nya yang tertuduh membawa sepanduk-sepanduk yang bagi saya lagi membakar perasaan, perasaan kaum-kaum lain. Sepanduk-sepanduk yang saya maksudkan ini sepanduk-sepanduk memang dikenali sebagai pemimpin agung dunia iaitu Mendiang Mahatma Gandhi. Sepanduk-sepanduk ini puluhan dibawa ke Mahkamah Tinggi. Saya agak keliru, kenapakah perkara sedemikian berlaku? Kalau dia bawa sepanduk Mendiang V.T. Sambathan atau Tan Sri Mendiang Senivasagam saya boleh terima, tetapi seolah-olah di manakah letaknya kesetiaan?

Apakah yang hendak disasarkan oleh kumpulan ini yang membawa sepanduk-sepanduk Mendiang Mahatma Gandhi. Kita tahu Mahatma Gandhi adalah seorang pejuang negara, pejuang dunia, pejuang kemerdekaan. Antara perjuangan Mendiang Mahatma Gandhi ialah secara aman, secara menggunakan saluran-saluran dengan secara diplomatik tetapi inilah bentuk cara kepimpinan yang hendak ditunjukkan, semakin lama semakin memanaskan perasaan masyarakat kaum lain di negara kita. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Semakin ditegah, semakin berani mereka mencabar undang-undang...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, sebelum menggulung saya minta keizinan mohon laluan.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Sila.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebab itulah saya bersetuju supaya kerajaan menggunakan pendekatan undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap mereka ini sama ada Hindraf ataupun *Bar Council*. Sebab kita tidak mahu *Bar Council* menunjukkan bahawa seolah-olah mereka faham undang-undang, kemudian

mereka melanggar undang-undang untuk menunjukkan bahawa mereka ini ada kelebihan seolah-olah ada imuniti.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, iaitu bila saya membaca *writ summons* Hindraf ini yang dikemukakan pada 30 Ogos 2007 di London, yang dikemukakan oleh peguamnya iaitu, Waytha Moorthy Ponnusamy ini yang sekarang berada di luar negara. 29 muka surat ini memang amat membahayakan sebenarnya. Sebab itu kalau dibawa ke mahkamah lebih baik supaya kita tahu, apakah sebenarnya yang diperjuangkan oleh mereka, yang membahayakan kepada keselamatan negara. Kalau tidak kita tidak tahu sebenarnya, sebab itu tindakan undang-undang ini lebih sesuai dan saya amat menghormati pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang cukup bijaksana dalam mengatasi kemelut yang sedang kita hadapi ini. Terima kasih.

■1530

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas laluan-laluan yang dipohon tadi. Saya pada petang ini hendak mengucapkan terima kasih. Sekurang-kurangnya dalam Dewan ini, wakil salah seorang peguam dan juga bekas polis telah bangun dan menyatakan pandangan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada perkara membawa gambar-gambar Mahatma Gandhi di Mahkamah Shah Alam seperti mana yang disebutkan tadi merupakan satu usaha untuk membakar semangat mereka yang terlibat dan untuk meminta simpati kepada pendukung-pendukung Mahatma Gandhi.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling mustahak daripada semua yang berlaku ini ialah kebanyakan tunjuk-tunjuk perasaan ini mempunyai motif politik di sebalik tindakan-tindakan mereka. Inilah yang kita hendak menolak supaya kita sedar bahawa dalam kita hendak menangani masalah-masalah ini, kita hendak minta simpati, hendak minta undi, terutamanya pihak pembangkang hendak meminta undi lebih supaya orang simpati dengan pembangkang. Itulah sebenarnya tujuannya. Kita tahu sebagaimana yang disebutkan-sebutkan baru-baru ini bahawa pilihan raya tidak berapa lama lagi dan itulah salah satu cara untuk hendak meningkatkan sokongan. Saya pasti dan saya tahu rakyat pasti menolak cara-cara begini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada PDRM Malaysia dalam menangani isu-isu yang bangkit berturut-turut dalam sebulan dua ini. Kita harus menyokong dan memberi keyakinan bahawa keselamatan kita terjamin di bawah PDRM yang ada sekarang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab.

**3.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang begitu ramai telah mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2007 di Dewan yang mulia ini. Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberikan terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut.

Terdapat pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan termasuklah perpaduan, pelajaran, kesihatan, kebajikan masyarakat, hal ehwal pengguna, alam sekitar dan lain-lain. Insya-Allah saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan dan menyentuh perbekalan tambahan setakat ini.

Mana-mana perkara yang mungkin tidak sempat dijawab, suka saya maklumkan perhatian dan pertimbangan sewajarnya akan diberi untuk mengambil kira pandangan dan cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam kita sama-sama menangani masalah-masalah tersebut.

Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini ialah Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi; Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain; Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad; Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik; Yang Berhormat Puan Heng Sei Kie; Yang Berhormat Tuan Rawisandran a/ Narayanan; Yang Berhormat Tuan M. Munusamy; Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah Haji binti Haji Syed Mohamed; Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin; Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad; Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Naw; Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook; Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad; Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong; Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak; dan Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

Oleh kerana banyak perkara-perkara yang dibangkitkan, izinkan saya untuk menjawab segala perkara yang ditimbulkan ini berdasarkan kepada isu-isu yang telah dikenal pasti. Salah satunya ialah mengenai isu pengurusan kewangan sektor awam, peruntukan tambahan, perolehan kerajaan dan audit bahkan ini merupakan satu isu utama di mana beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan persoalan mengapa seharusnya wujud bekalan tambahan yang bezanya agak besar dengan belanjawan yang dibentangkan terlebih dahulu. Perkara ini sebenarnya tidak dapat dielakkan. Soalnya sama ada sebesar mana perbezaan di antara belanjawan dengan peruntukan tambahan.

Ini untuk membuka ruang kepada keputusan-keputusan kerajaan bagi melicinkan lagi perjalanan urusan negara dan pentadbiran seperti keputusan-keputusan yang melibatkan kenaikan pangkat pegawai-pegawai awam, pengisian jawatan kosong, penambahan jawatan, penyusunan

semula agensi-agensi yang dibuat, kenaikan gaji dan elaun yang dibuat oleh kerajaan yang sebenarnya tidak dapat dijangka bila kerana kadangkala berdasarkan proses perbincangan di antara pihak kesatuan sekerja dengan kerajaan sudah tentu akan memakan masa yang lama.

Apabila keputusan itu dibuat, maka pengumuman dibuat dan ini menyebabkan peruntukan tambahan untuk membiayai kenaikan gaji dan elaun. Seperti tadi ada Yang Berhormat menyebut tentang guru-guru dan mengapa peruntukan bagi Kementerian Pelajaran agak tinggi. Salah satunya ialah kenaikan gaji dan elaun kepada guru-guru. Ia sebagai satu usaha untuk memperkasakan perguruan sebagai satu profesion di negara kita dan keduanya untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara sekolah-sekolah di bandar, di luar bandar dan pedalaman.

Justeru guru-guru yang ada di dalam kawasan pedalaman yang sentiasa merupakan tempat yang susah untuk dihantar guru-guru dan apabila dihantar setahun dua sudah memohon bertukar dan mahu pulang sehingga menyebabkan kesuntukan atau kekurangan guru-guru di sana. Maka wujud keperluan untuk memberi elaun tambahan kepada mereka yang ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman dan juga elaun perjalanan supaya dia dapat keluar, janganlah berada di pedalaman sepanjang perkhidmatan mereka.

Namun begitu, Kementerian Kewangan memang berhati-hati dan meneliti setiap permohonan tambahan dan hanya membenarkan tambahan yang betul-betul diperlukan setelah mengambil kira prestasi perbelanjaan kementerian sama ada kementerian masih mempunyai sumber yang tidak dibelanjakan iaitu tidak perlu kepada bekalan tambahan dan mengambil kira usaha penjimatan yang dapat dibuat di mana boleh. Antara lain peruntukan tambahan yang dibenarkan adalah sebahagian besarnya melibatkan emolumen dan peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara baru yang diputuskan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin ada menyentuh tentang sistem perolehan.

#### ■1540

Tadi Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie, ini Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, sistem perolehan kewangan perlu diperketat agar pembaziran dapat dielakkan. Pegawai pengawal perlu bersikap *hands-on* dalam semua perolehan kerajaan dan kementerian, bersikap jimat cermat perlu disemai dalam setiap kakitangan kerajaan agar penjimatan boleh disalurkan ke perbelanjaan lain yang lebih perlu.

Saya rasa kerajaan tidak ada masalah untuk menerima saranan dan cadangan ini. Kita sudah pun melihat perubahan positif ke arah suasana tersebut. pabila kita lihat umpamanya hasil-hasil Laporan Audit umpamanya disiarkan secara meluas, disebarikan, dibentuknya jawatankuasa untuk ambil tindakan kepada mereka yang terlibat dan dibenarkan ini semua dilakukan dalam suasana keterbukaan. Ini saya rasa adalah sesuatu yang baik, satu amalan yang sihat.



Bukan sahaja amalan ini akan mencari sumber-sumber kelemahan ataupun penyelewengan jika ada, tetapi ia juga akan menjadikan satu bentuk signal bahawa ini adalah satu cara untuk meningkatkan disiplin terutamanya disiplin kewangan di kalangan kakitangan awam supaya tidak lagi mengambil ringan tentang perkara-perkara ini kerana bukan sahaja ianya salah tetapi boleh dikatakan *the whole country*, dengan izin, akan melihat apa yang berlaku dan jangan anggap seperti dahulu bahawa apa yang dilakukan di setiap jabatan atau agensi itu tidak akan didedahkan kepada pengetahuan umum.

Ahli Yang Berhormat Heng Seai Kei juga mencadangkan supaya Ketua Audit Negara dan Jabatan Audit Negara membuat audit kepada semua jabatan dan kementerian, terutamanya yang terlebih belanjanya daripada peruntukan yang diluluskan. Sebenarnya mulai tahun 2006, Jabatan Audit Negara sememangnya menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di semua kementerian. Pengauditan ini juga dijalankan setiap tahun di empat jabatan pengutip hasil utama iaitu Jabatan Kastam, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia. Pengauditan di jabatan-jabatan lain dilaksanakan secara giliran setiap tiga tahun iaitu setiap tahun pengauditan dibuat ke atas kementerian dan jabatan-jabatan terpilih, barangkali jabatan yang banyak duitlah yang terlibat dalam pengumpulan hasil dan juga perbelanjaan.

Isu perkhidmatan awam yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, apakah kedudukan kekosongan jawatan di sektor awam mengikut skim perkhidmatan dan gred jawatan. Ini setengah daripada maklumatnya saya ada di sini.

Daripada 1 Januari 2007 hingga 30 November 2007, sebanyak 45,885 kekosongan pelbagai jawatan dilaporkan kepada SPA, manakala 29,265 kekosongan tersebut telah pun diisi. Di dalam jangka masa tersebut, 45,885 yang kosong, 29,265 yang telah diisi, 16,620 baki kekosongan pelbagai jabatan masih lagi terdapat yang sedang berada di peringkat SPA mengadakan temu duga. Hakikat bahawa sesetengah jawatan yang kritikal sukar diisi seperti Pegawai Perubatan Gred U41, Pegawai Pergigian, Gred U41 dan Pegawai Farmasi, Gred U41. Ini susah hendak diisikan. Panggil *interview* pun barangkali tidak ada yang hendak datang *interview* ini.

Satu daripada usaha yang dibuat untuk mengisinya ialah SPA secara berterusan, boleh dikatakan *almost continuously*, dengan izin, cari, meng *interview*. Pada masa yang sama, jabatan-jabatan juga sebenarnya sekiranya keperluan itu begitu mendesak, boleh melantik pegawai-pegawai kontrak ataupun sambilan. Kerajaan sememangnya membuka ruang untuk tindakan tersebut supaya sesetengah jabatan dan kementerian, operasi mereka tidak terganggu oleh kekurangan kakitangan.

Isu mengenai *service tax* dan *service charge* yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, sebenarnya *service tax* ini adalah yang dikutip oleh pihak kastam. Cukai yang dikenakan di bawah peruntukan Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Contoh

perkhidmatan-perkhidmatan yang dikenakan cukai ialah hotel bagi yang melebihi 25 bilik – kalau yang kecil sangat itu tidak dikenakan, restoran yang mana pendapatannya melebihi RM500,000 setahun, perkhidmatan profesional, arkitek, peguam, jurutera dan lain-lain, insurans, iklan, perkhidmatan perundingan dan pengurusan, semuanya dikenakan 5%. Ianya dikutip oleh mereka yang terlibat dalam perkhidmatan ini dan dibayar kepada Jabatan Kastam dalam masa sebulan.

Jadi kalau sebelum 30 hari bulan mesti dibayarlah, mesti dimasukkan dalam akaun, tetapi kalau *service charge* ini ada dikenakan oleh pihak-pihak tertentu seperti hotel yang juga mungkin 5%, mungkin 3%, yang ini sebenarnya tidak dikawal oleh Kastam dan ini merupakan caj di atas perkhidmatan. Barangkali supaya pengguna tidak lagi perlu bayar *tips*, bayar sagu hati kepada pelayan-pelayan pengguna.

Isu Jabatan Kastam dikatakan bahawa Jabatan Kastam masih agak perlahan dalam penggunaan IT, terdapat kerja-kerja oleh Kastam yang masih dilakukan secara manual walaupun peruntukan yang besar telah disediakan. Selain itu terdapat sistem yang digunakan yang tidak mesra pengguna dan ini menyebabkan tugas tersebut dibuat secara manual. Ini sebenarnya Jabatan Kastam telah melakukan banyak perubahan dalam IT ini. Yang terakhirnya seperti e-Lesen yang baru dilancarkan. Kebetulan saya diminta melancarkannya, tetapi memang dari segi sistem sekarang ini, Sistem Maklumat Kastam (SMK) secara keseluruhannya masih lagi bergantung kepada sistem *mainframe*. Ini bermakna yang perlu diganti dan dalam proses yang mana pihak kastam sedang membuat kajian bagaimanakah untuk menggantinya.

Ada juga perkhidmatan-perkhidmatan IT yang dibuat berdasarkan *web based*, berdasarkan *internet*. Ini menimbulkan masalah di sesetengah tempat, masalah infrastruktur, masalah *broadband*, tidak ada kemudahan. Kastam ini kita tahulah kadang-kadang dia mengawal kawasan dalam pedalaman, berhampiran dengan sempadan dan kadang-kadang kemudahan tersebut memang tidak ada lagilah. Jadi mungkin di sesetengah tempat seperti itu dirasakan bahawa Kastam ini masih lagi menggunakan kaedah lama.

Sebenarnya di kawasan-kawasan yang sudah mempunyai kemudahan infrastruktur ini, sudah banyak perubahan berlaku. Ia bermacam-macam ada. Umpamanya dia ada pelbagai sistem – Revenue Monitoring System (RMS), *Customs Verification Initiative (CVIE) License*, e-Vis (*Vehicle Information System*). Jadi ini satu proses yang sedang dikemas kini dan saya rasa insya-Allah ianya akan dapat...

#### ■1550

**Dato' Yip Kum Fook:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan berkenaan dengan 5% cukai perkhidmatan untuk semua profesional khususnya. Saya ingin tahu, apabila pelanggan itu membayar cukai perkhidmatan ini kepada sesuatu profesional seperti peguam misalannya, selepas itu, sekiranya firma peguam itu tutup atau

melarikan diri, adakah pelanggan ini akan dikenakan bayaran sekali lagi untuk cukai perkhidmatan ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya rasa kalau sudah ada bukti yang sudah dibayar, ini boleh dibawa ke pertimbangan Jabatan Kastam, kalau, saya tak tahulah kalau syarikat itu hendak lepas, hendak lari ke mana. Kalau dia masih terlibat dengan perniagaan dan pengurusan perkhidmatan, saya rasa susahlah hendak lari kecuali yang tutup kedai.

Ini boleh dikira sebagai tunggakan syarikat tersebut kepada kastam dan terserahlah pada Jabatan Kastam sama ada hendak terus mengekori pejabat ini sehingga menjadikan mereka bankrap dan pemegang-pemegang sahamnya terpulanglah, tapi saya rasa, kalau mengikut logiknya, kalau sudah bayar itu tak perlu bayar lagilah. Kalau pun ada surat-surat tuntutan, jelaskanlah. Bukti ada, kalau tidak ada bukti sudah bayar apa bukti yang itu susahlah, tetapi kalau ada bukti yang sudah dibayar, ada resit-resit, bilnya dan saya rasa itu tidak seharusnya menjadi masalah.

Saya lupa tadi yang kastam tadi, isu ini dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Puad Zarkashi. Isu status anggota pentadbiran Parlimen, saranan supaya adakan semakan semula justifikasi meningkatkan status Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Yaacob, Yang Berhormat serta Ahli Parlimen agar setimpal dengan beban tanggungjawabnya.

Saya dimaklumkan bahawa status Speaker dan Dewan Negara dan Dewan Rakyat ini sememangnya tinggi. Kalau dari segi protokol, bahkan dari segi gajinya, boleh dikatakan, protokolnya sudah tentu lebih tinggi daripada Menteri. Gajinya pun lebih kurangnya, perbezaan yang sedikit sahajalah. Jadi saya rasa ini tidak ada masalah lah.

Tentang Ahli-ahli Parlimen, sebenarnya dia bergantunglah, saya tengok pengalamanlah. Kalau kita pergi ke majlis-majlis negeri, biasanya Ahli Parlimen ini tak diberi keutamaan sangat. Dia mengikut protokol negeri. Protokol negeri ini ADUN lebih tinggi daripada kita, diberi keutamaan kepada ADUN, tapi saya rasa, kecuali benda-benda ini adalah sangat penting, terutama sekali adalah kedudukan Speaker dan Timbalan Speaker memang saya rasa ini sesuatu yang cukup penting. Kedudukan Ahli-ahli Parlimen Dewan Negara ini, saya rasa tidak tahulah bergantung kepada seseorang individu sama ada ia betul-betul merasakan bahawa dirinya tidak dihargai.

Isu bekalan air pengkorporatan Pihak Berkuasa Air Negeri, terowong air Pahang – Selangor ini ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Datuk Yaacob bin Haji Mohammad minta penjelasan yang berkaitan status penswastaan ataupun pengkorporatan Pihak Berkuasa Air Negeri dan jumlah tanggungan yang harus dipikul oleh Kerajaan Persekutuan berikutan penswastaan dan pengkorporatan tersebut dan kedudukan terkini berikutan kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Ini adalah satu pandangan yang baik sekali. Saya kira kerana ramai kita barangkali tidak begitu faham bagaimanakah kedudukan masalah air ini dengan adanya SPAN, dengan perkongsian senarai antara negeri dan Pusat/Federal.

Jadi untuk makluman, penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan pada masa ini hanya melibatkan pengkorporatan Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri dan di bawah usaha ini, entiti baru yang akan dikorporatkan ini akan masih kekal dikuasai oleh kerajaan negeri. Berikut adalah status pengkorporatan:

Melaka – Syarikat Air Melaka Berhad telah dikorporatkan, Lembaga Air Perak, Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan, JBA Pahang dan JBA Kedah dan dalam peringkat cadangan pengkorporatan telah dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi dan dijangkakan dimuktamadkan sedikit masa lagi.

Jabatan Bekalan Air Labuan, kajian pengkorporatan di peringkat akhir dan tindakan susulan akan dibuat. Kerajaan Negeri Perlis telah melantik juru perunding untuk cadangan pengkorporatan, sementara itu, Pulau Pinang di Kelantan dan Terengganu telah mengkorporatkan PBN masing-masing dan Selangor dan Johor telah menswastakan sepenuhnya, dua negeri.

Negeri Sabah dan Sarawak tidak tertakluk kepada proses penstrukturan semula.

Jadi apa yang akan berlaku, sebenarnya kalau dari segi perbelanjaan Kerajaan Pusat, ianya tidak akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan Pusat. Semua ini masih ditanggung oleh kerajaan negeri. Cuma Kerajaan Pusat bagi pinjaman dan jumlah pinjaman berbagai-bagai negeri ini, saya tidak perlu baca satu-satulah. Jumlahnya ialah RM8.956 bilion atau RM8956.7 juta. Besar jugalah pecahan negeri dan ini seharusnya dibayar balik nanti oleh syarikat-syarikat negeri.

Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat ialah menubuhkan Pengurusan Aset Berhad untuk mengambil balik aset. Masalah air ini sebenarnya dia punya aset itu belanjanya besar, dan kerajaan negeri tidak mampu membiayai pembaharuan, membaiki paip dan sebagainya. Jadi syarikat yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan ini yang akan mengambil alih aset semua ini.

Jadi syarikat-syarikat yang dikorporatkan dengan ini atau diswastakan ini, akhirnya memberi balik semua aset dan hanya beroperasi sebagai syarikat pengurusan, *operating company* sahaja, dia tak ada *own* aset lagi dah. Jadi yang dimiliki aset dan perbelanjaan terhadap pembaharuan, pembangunan aset ini dibuat oleh syarikat Kerajaan Pusat, tetapi syarikat-syarikat yang melaksanakan pengurusan air ini perlu membayar sewa terhadap aset yang digunakan. Bayar sewalah. Jadi dia tak ada tanggungan hutang, tak ada apa lagi dah. Tak perlu lagi hendak melabur, tak perlu apa. Ini semua dibuat oleh syarikat Kerajaan Pusat tetapi disewa balik, disewa di *list* lah, dibayar dan sebahagian daripada hasilnya disimpan jugalah di peringkat negeri. Ini juga sebagai satu insentif. Kalau tidak negeri kata dibuat kerja sahaja tak ada apa, jadi dia bayar

sebagai *list* dan sedikit keuntungan yang boleh disimpan. Jadi ini secara konsepnya, pengurusan air negara nanti.

Pembinaan terowong penyaluran air mentah daripada Pahang ke Selangor, saya masa perbincangan itu saya ada di sini. Kebimbangan tentang pasak bumi katanya. Ini adalah merupakan pasak bumi negara kita dan barang kali kita lebih takut lagi apabila berlaku gegeran baru-baru ini, tapi mengikut maklumat geoteknikal lah, saya ini tak faham sangat geologi ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan pengetahuan geoteknikal dan geofizikal, pembinaan terowong sejauh 44.5 kilometer ini tidak akan melemahkan Banjaran Titiwangsa kerana dia rasa kecil sangatlah, pendek sangat dalam hubungan keseluruhan Banjaran Titiwangsa itu. Memandangkan saiz terowong tersebut adalah sangat kecil, yang saya katalah berbanding keseluruhan isu.

#### ■1600

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Yang ketiganya masalah yang ditimbulkan mengenai Orang-orang Asli, Yang Berhormat Osman Bungsu ada sebut apa jadi mereka Orang-orang Asli di Sungai Temir dan penduduk Felda Lembah Klau. Sebenarnya ada usaha melibatkan mereka, ada jawatankuasa yang ditubuhkan untuk memastikan mereka mengetahui tentang setiap *progress* projek ini dan masyarakat Orang Asli Sungai Temir dan penduduk-penduduk di kawasan tersebut akan ditempatkan semula ke satu kawasan yang akan dilengkapi dengan segala kemudahan asas, kawasan perumahan yang tersusun dan kawasan perladangan yang akan membantu meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Penempatan tersebut dijangka dapat disiapkan sebelum projek penyaluran air mentah ini disiapkan dalam tahun 2013. Jadi air ini 2013, projek penempatan semula ini kita diberi jaminan oleh kerajaan di sini bahawa ia akan diselesaikan sebaik mungkin.

Isu alam sekitar Yang Berhormat Dr. Noraessah binti Mohamad ada menyebut tentang pentingnya pembangunan negara dibuat secara lestari. Saya pun tanya apa lestari kpd kawan-kawan, tanpa menjejaskan alam sekitar. Jadi saya diberitahu lestari ini *sustainable*. Di mana bukit bukau menjadi mangsa pembangunan seperti di Mont Kiara dan sebagainya. Kerajaan di bawah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Agak Yang Berhormat, kehadiran kita di atas planet bumi ini *sustainable* tidak?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kita yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, kita *sustainable* sampai umur 80 okeylah.... [ *Ketawa* ] Selepas itu generasi yang akan datang. Saya turut bimbang sebenarnya dengan apa yang berlaku walaupun kita tidak begitu arif dengan keadaan *global warming* dan sebagainya, tetapi kita dapat merasakan perubahan. Daripada

dahulu masa kita muda, sekarang dah lain. Hujannya semakin lebat, air pasang di tepi pantai Bachok semakin tinggi. Jadi kita bimbang apakah akan berlaku kalau usaha drastik untuk membanteras tidak diambil. Jadi mungkin kita selamat Tuan Yang di-Pertua, tetapi apakah nasib kepada anak-anak dan cucu-cucu kita nanti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sedar bahawa kita perlu menyumbang supaya kehadiran kita *sustainable*. Ini satu konsep yang baru agaknya. Saya ingat pada ketika bumi menampung 2 bilion penduduk, tidak terfikir pun benda-benda ini, bahawa campur tangan insan itu perlu supaya insan terus *sustainable*. Sekarang dah 6 bilion hadir di atas muka bumi ini, walhal kalau 12 bilion hadir, dah mula dalam pemikiran insan untuk insan ini perlu ada sedikit peranan menentukan supaya kehadirannya *sustainable*.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *Sustainable*, kehadiran man *kind. Sustainable*, bukannya satu-satu masyarakat, bukannya satu-satu individu. Saya rasa ini kerana kita semua mula terasa, walaupun dahulu barangkali 10 tahun dahulu, soal global *warming* ini tidak menarik minat sangat. Kita masih merasakan kita ini hanya segelintir daripada alam yang begitu luas. Apa pun yang kita lakukan tidak memberi kesan kepada alam semesta, tetapi oleh kerana perubahan yang kita lihat hari ini berlaku, yang nyata dan jelas di hadapan mata kita sendiri. Maka saya rasa ini semua telah menimbulkan kebimbangan dan keprihatinan yang lebih. Sebab itu di peringkat kepimpinan negara di seluruh dunia telah mengambil inisiatif, kesungguhan. Bahkan hari ini dan esok khususnya ada persidangan mengenai *climate* di Bali, di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan kedua turut menghadiri bersama dengan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itulah pertama kali dalam sejarah seorang Timbalan Menteri Kewangan membentangkan Rang Undang-Undang dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Panjangkan umur Insya-Allah, satu hari lagi kita hendak *clear*. Yang penting hari ini kita dapat menyelesaikan bekal tambahan ini dan saya hanya ada sampai 5.30lah kan? Kita buat yang mana boleh, tetapi jangan gopoh, kita pasti mempunyai masa. Kerana kalau mana yang tidak sempat di sini pun kita ada Belanjawan 2008 yang akan dibentangkan dan juga kupas kebanyakan dasar dan soal-soalnya adalah masih sama atau menyerupai dasar.

Jadi soal pokok yang kita sebagai sebuah kerajaan bagaimana prihatinnya kita untuk menangani masalah pembangunan lestari ini, saya lihat satunya ialah komitmen di bawah kerajaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi apabila menyusun Kabinetnya dan juga kementerian-kementerianya sebaik sahaja beliau memenangi pilihan raya iaitu penubuhan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tidak pernah sebuah kementerian yang khusus yang menggabungkan bidang tugas dr empat kementerian sebelum ini.

Cantumkan kepada satu kementerian yang memberi tumpuan kepada sumber asli dan alam sekitar dan keduanya betapa soal pembangunan lestari ini dimasukkan sebagai teras kesembilan dalam pendekatan Islam Hadhari, perkara 10 prinsip dalam Islam Hadhari ini. Sebenarnya terdapat teras kesembilan yang meletakkan alam sekitar supaya kemajuan kita dalam bidang sains dan teknologi, kemajuan kita dalam bidang ekonomi tidak menjejaskan alam sekitar dan menjamin bahawa kejayaan kita ini berterusan seperti mana yang kita bincangkan sedikit tadi.

Pada masa yang sama diadakan program hari ini pengurusan sungai secara bersepadu yang melibatkan negeri, kerajaan negeri, Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan Pusat. Pertama kalinya kita mempunyai harapan untuk melihat sungai-sungai kita bersih kembali. Kita melihat sungai di Melaka umpamanya yang pada satu hari tidak menggalakkan sangat, tetapi hari ini sudah menjadi satu sungai yang bersih yang menjadi kebanggaan orang Melaka apabila pelancong datang. Dahulu malu hendak naik sungai itu.

Sekarang usaha yang sama juga diadakan untuk membersihkan sungai-sungai di Johor. Pengurusan hutan, Majlis Perhutanan Negara sebenarnya mengeluarkan *guidelines* untuk memastikan hutan simpan negara kita kekal. Pengurusan hutan ini di bawah Majlis Perhutanan Negara adalah sesuatu yang sudah baik supaya soal hutan ini tidak semata-mata bagi dikawal sepenuhnya oleh kerajaan negeri, tetapi juga tertakluk melalui Majlis Perhutanan Negara yang dibentuk oleh kerajaan kita.

Kelimanya adalah garis panduan pembangunan tanah tinggi dan pulau. Sebenarnya ada wujud garis panduan khusus tentang tanah pembangunan tanah tinggi dan pulau. Ini yang sudah ada, cuma kita mengharapkan sesetengah negeri kena ikutlah.

Jangan kita tidak ikut garis panduan yang tidak dibuat supaya pembangunan di tanah-tanah tinggi dan pulau-pulau itu dapat dibuat, cara yang menjaga alam sekitar dan juga keperluan EIA apabila projek itu merupakan projek yang besar yang melebihi 50 hektar, saya difahamkan ianya memerlukan EIA. Yang Berhormat ada hendak tambah saya nampak....

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** [Bangun ]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noraesah binti Mohamad:** Saya pohon laluan. Isu, perubahan iklim adalah sesuatu yang amat menakutkan sebenarnya. Kalau kita melihat kepada statistik dan perkembangan yang berlaku di dunia sekarang ini yang melibatkan perkara-perkara negatif terhadap alam sekitar.

#### ■1610

Garis panduan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, seperti yang kami semua faham ialah cuma garis panduan. Ia tidak berasaskan satu perundangan, tapi oleh kerana masalah ini amat getir sekali sekarang ini dan kita hendak menjaga supaya pembangunan lestari itu tidak menjadi sesuatu yang akan memburukkan masa depan anak-anak dan cucu kita.

Tidakkah dirasakan bahawa garis panduan ini macam mana pun dijadikan satu perundangan supaya ianya tidak akan dengan mudah saja dijadikan sesuatu yang akan diketepikan oleh rakyat. Terutama sekali mereka yang agak rakus.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita dalam pengurusan ekonomi negara, sumber negara. Kita menghormati kepada prinsip pembahagian tugas iaitu kerajaan negeri mempunyai tugas, bidang kuasa. Kerajaan pusat juga mempunyai tugas dan bidang kuasanya.

Jadi seboleh mungkin kita ingin mengekalkan pembahagian kuasa tersebut supaya tidak dirasakan bahawa Perlembagaan yang menetapkan pembahagian tersebut sewenang-wenangnya ditukar dari semasa ke semasa, ini sebagai satu prinsipnya. Apabila timbul masalah yang agak menggugat kewibawaan kita sebagai sebuah negara, menggugat masa depan kita, menimbulkan masalah besar. Seperti pengurusan air umpamanya dan ia satu contoh yang baik. Dahulunya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, sekarang ini sudah ditukar menjadi bidang kuasa bersama negeri dan pusat.

Saya tidak nampak bahawa masalah alam sekitar ini, sekiranya tidak ditangani dengan baik, mengapa ianya tidak boleh juga dibawa satu perubahan yang sama seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Di mana boleh, kalau sudah ada majlis di peringkat negara kita yang mengeluarkan garis panduan yang begitu jelas. Kita masih lagi mempunyai harapan ataupun mengharapkan supaya kerajaan negeri ini mengikut, kerana ini adalah keperluan negara dan masyarakat kita. Jadi tidak elok dan agak membimbangkanlah kalau sesuatu yang dianggap penting oleh seluruh negara itu tidak diikuti oleh mana-mana negeri dalam pengurusan sumber tersebut.

Jadi soalnya, apakah ianya tidak boleh dibuat, saya rasa *I'm sure*, dengan izin, kita ada *enough consensus* dan komitmen. Sekiranya ingin dibuat, perlu dibuat kita akan lakukan, tetapi kalau boleh dilakukan dengan cara melalui garis panduan, yang menghormati bukan sahaja kepentingan jangka masa pendek, tetapi menghormati kewujudan kita seperti mana Tuan Yang di-Pertua sebut. Ini adalah juga baik dan tidak semestinya melalui perundangan sentiasa.

Yang Berhormat, kalau boleh diteruskan beberapa isu mengenai pelajaran. Saya hari ini Tuan Yang di-Pertua, minta maaf terpaksa jawab semua kementerian-kementerian lain. Jadi kalau tidak puas hati sangat, faham-fahamlah. Tidak semestinya saya menguasai semua ini. Jadi oleh kerana tugas kena buat juga, kena juga jawab sebagai wakil Kementerian Kewangan.

Adakah masalah kerajaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob Mohammad, Yang Berhormat Tuan Munusamy. Apakah masalah kerajaan dapat memupuk, adakah atau bagaimanakah sekiranya kerajaan dapat memupuk semangat perpaduan di peringkat akar umbi lagi. Masalah perpaduan saya kira, ini juga satu masalah bukan sahaja alam sekitar, bukan sahaja masalah air, masalah perpaduan juga nampaknya semakin terancam, semakin



menimbulkan kebimbangan kita sehingga kita merasakan bahawa perlu pendekatan-pendekatan yang baru.

Satunya, bagaimanakah dapat kita memupuk semangat perpaduan ini di peringkat akar umbi? Memang kerajaan - ini soal perpaduan ini sebenarnya banyak bidang. Bukan sahaja Kementerian Pelajaran, tapi juga Kementerian Pembangunan dan Masyarakat, kita ada aduan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi soal banyak, integrasi nasional dan sebagainya.

Kalau di peringkat jabatan ataupun Kementerian Pelajaran, usaha-usaha yang dibuat adalah menjurus kepada satunya penubuhan Sekolah Wawasan supaya sekolah-sekolah yang berasingan ini, sekolah rendah jenis kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan tidak dipisahkan dan dapat juga mempunyai ruang untuk mereka bergaul bersama, mengenali satu sama lain supaya mereka tidak hanya bergaul di peringkat sudah tua, sudah dewasa, masuk universiti baru hendak berkawan. Bila hendak berkawan peringkat universiti, kita nampak masing-masing dengan kumpulan masing-masing. Makan pun bersama, pergi bermain bersama, dalam kumpulan-kumpulan yang tertentu yang sebenarnya agak membimbangkan kita.

Keduanya selain daripada Sekolah Wawasan, inilah satu hasrat kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan supaya sekolah kebangsaan ini menjadi acuan kepada seramai mungkin pelajar-pelajar dari pelbagai kaum. Barangkali kita tidak mahu melihat sekolah kebangsaan ini tidak mampu menarik minat pelajar daripada kaum-kaum bukan bumiputera kerana mereka merasakan bahawa pencapaian di sekolah tersebut tidak begitu memuaskan, kita tidak mahu.

Barangkali dahulu masa sekolah, kita ada sekolah bahasa Inggeris dahulu. Mediumnya, perantaranya bahasa Inggeris tidak di timbul. Semua dan ramai hendak pergi ke situ bahkan barangkali pada masa itu yang tidak pergi sekolah bahasa Inggeris itu terasa kecewa barangkali. Terasa duduk di tepian sedikit barangkali. Mereka berlumba-lumba hendak pergi kepada sekolah kerajaan kerana barangkali pada masa itu mereka ingat sekolah bahasa Inggeris ini bukan sahaja dapat membentuk keterampilan individu, tetapi juga melahirkan tanaman modal yang mempunyai hasil dan masa depan yang lebih baik.

Jadi barangkali pandangan umum bahawa sekolah kebangsaan pada hari ini tidak dapat menjamin ataupun tidak dapat melahirkan suasana pendidikan yang baik. Sebab itulah kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk memperkasakan sekolah kebangsaan ini supaya ianya tidak lagi dilihat sebagai satu *avenue* yang hanya diambil atau dilalui oleh mereka yang tidak ada pilihan. Mereka yang ada pilihan pergi ke tempat lain. Ini adalah satu usaha kerajaan.

Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) ini merupakan program yang diilhamkan sendiri oleh Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 1986 semasa beliau menjawat jawatan Menteri Pelajaran. Program tersebut melibatkan pelaksanaan aktiviti bersama di antara pelbagai aliran sekolah di negara ini iaitu

sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk di kalangan murid sekolah. Barangkali ini satu pendekatan yang menyentuh akar umbi.

Selain daripada program prasekolah yang semakin banyak yang dibentuk hari ini, pada masa yang sama di peringkat prasekolah pun kalau sudah ada integrasi di peringkat itu. Bermaknanya bila pelajar berbilang kaum datang belajar bersama semasa kecil lagi supaya peringkat di mana prejudisnya tidak ada, fikiran tentang perkaumannya tidak ada. Dapat awal-awal lagi dibina supaya ia menjadi benteng apabila mereka membesar nanti. Melihat segala prasangka terlalu banyak dan terdapat dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana kalau anak-anak kita sekolah diingati?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Di?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahawa diingati, sentiasa diingati. Akhirnya negara, pada mulanya Malaya adalah hasil dari permuafakatan kaum Melayu, Cina dan India.

#### ■ 1620

Kemudian lahir pula negara Malaysia hasil dari permuafakatan kaum Iban, Kadazan dan seterusnya. Bermakna jika lahirnya negara tercinta ini titik tolaknya ialah permuafakatan kaum. Apa pula tidak ada pihak yang sedar bahawa kelangsungannya sekalipun bergantung kepada permuafakatan *its very survival depends on national unity, not only on the rules of law*. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, kerana kita perlu mengingati sesama kita. Tambah-tambah lagi generasi muda yang tidak pernah merasai, barangkali tidak merasai kesusahan seperti mana generasi dahulu merasainya di bawah pemerintahan kolonial. Walaupun tidak berlaku pertumpahan darah untuk merebut kembali kemerdekaan tersebut kita masih perlu melalui proses-proses yang kadang kala agak mencabar, oleh setiap kaum di negara ini.

Jadi ini tidak dirasai oleh generasi muda dan ini sukar dihayati kalau pun dibaca, kalau pun diberitahu melalui peringatan-peringatan. Oleh itu saya merasakan Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja pemberitahuan ini dikerapkan, diucapkan berkali-kali tetapi suasana pergaulan seharusnya juga dipupuk dari masa mereka kecil lagi supaya mereka memahami apabila bercakap tentang kompromi kaum bahawa mereka adalah kaum Melayu, bumiputera, kawannya di sebelah adalah daripada kumpulan Tionghoa, Tamil. Hari ini kalau kita terapkan cerita-cerita ini kebanyakannya adalah kepada kumpulan tertentu, di mana kalau di sekolah kebangsaan kebanyakan yang mendengarnya orang Melayu. Dia tidak akan tercetus di hatinya bagaimana agaknya untuk bersama dengan orang-orang lain.

Begitu juga kalau dicetuskan atau diungkapkan berkali-kali dalam ruang lingkup sekolah rendah jenis kebangsaan Cina atau Tamil, mereka tidak nampak kumpulan kaum yang lain.

Bagaimanakah kita dapat menceritakannya dengan berkesan! Kalau mereka tidak dapat merasainya, tidak dapat melihatnya. Tambah-tambah masa muda mereka lebih, apabila anak-anak kita semasa muda ini mereka belajar melalui penglihatan, melalui sentuhan. Bukannya belajar melalui *lecture* yang kita bagi kepada mereka.

Jadi saya bimbang, kalau pun sebagai satu perkara yang penting untuk kita memperingati selalu tetapi kita perlu juga mewujudkan satu suasana supaya peringatan ini dapat dihayati bersama, dapat dirasai bersama, dapat dilihat bahawa walaupun kita mempunyai perbezaan kulit, agama dan warna tetapi sebenarnya kita boleh masih lagi merasakan sebagai insan, sebagai manusia, sebagai sahabat, sebagai jiran yang boleh menimbulkan rasa keakraban. Justeru rasa hormat-menghormati antara satu sama lain.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih. Saya 100% bersetuju dengan komen-komen yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana dasar-dasar yang diperoleh oleh kerajaan memang baik untuk menggabungkan semua masyarakat tidak kira Cina, Melayu, India dan lain-lain. Namun cara-cara perlaksanaan selalu diputuskan oleh pegawai kerajaan tidak semestinya mengikut cara-cara atau dasar-dasar kerajaan. Lagipun isu-isu perkauman dan isu-isu pendidikan sentiasa dieksploitasi oleh ahli-ahli politik dengan agenda tertentu *for political mileage*. Jadi ini akhir sekali akan menjejaskan agenda negara kita iaitu mewujudkan satu negara yang bersatu padu dan baik untuk semua rakyat Malaysia.

Inilah pandangan saya dan selalu kaum Tionghoa di Kuala Lumpur, khasnya pusat bandar raya selalu membuat komen yang negatif kerana dasar yang baik, pelaksanaan agak berbeza sedikit dan ahli-ahli politik sentiasa merosakkan dasar-dasar kerajaan. Inilah satu pandangan saya, minta penjelasan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kadangkala agak sukar bagi individu, rakyat biasa untuk memahami hasrat, memahami sejarah negara, apabila ada kumpulan-kumpulan yang sering mempersoalkan. Kumpulan-kumpulan ini dikenal pasti pula dengan kumpulan-kumpulan yang memperjuangkan sesuatu yang lebih mirip kepada satu-satu kaum, umpamanya kumpulan yang berpendidikan Cina umpamanya. Memang sentiasa memperjuangkan walaupun kerajaan kita saya rasa sudah membuat pendirian dan kenyataan yang jelas bahawa sekolah Cina akan diteruskan, bahkan sudah ditukar dasar atau undang-undang saya tidak ingat supaya tidak boleh lagi dah dihapuskan sekolah Cina ini tetapi masih ada suara-suara bahkan baru ini saya di Dewan Rakyat, bila ditubuhkan sekolah Cina di Puchong. Pihak pembangkang masih tidak puas hati, walaupun namanya seolah-olah ditukar sekolah ini ditukar dari satu kawasan lain yang datang. Saya tidak faham, dah dapat sekolah, dapat kawasan yang ramai golongan Cina tetapi pembangkang masih membuat isu, tidak puas hati lagi!

Jadi bagi orang-orang bumiputera Melayu dok tengok apa lagi yang dia nak, dah dapat sekolah pun tidak puas hati. Nama dia pun menjadi isu yang besar. Jadi perkara-perkara seperti ini. Saya lihat bahawa masalah ini sekiranya berterusan akan menimbulkan masalah masa depan. Saya diberitahu oleh kawan saya, saya ini ramai kawan-kawan dari pelbagai kaum. Anaknyanya balik daripada peperiksaan SPM baru ini Bahasa Inggeris kompelin kepada bapanya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*You father in the government, why this English question paper so easy?*" seolah-olah, ini semua nak jaga anak-anak Melayu, kalau tidak anak-anak Melayu fail dalam Bahasa Inggeris.

Daripada Tingkatan 5, persepsi dan pandangan mereka bahawa ianya dibuat sudah berdasarkan perkauman, Inggeris *paper* pun pastikan orang Melayu *pass*. Saya tidak tahu kalau tanya ramai anak-anak Melayu di luar bandar mereka masih mengatakan susah, kalau betul-betul nak tolong orang Melayu barangkali bagilah lagi senang. Bagi semua boleh 'A' kalau dah pun dikatakan nak menolong orang Melayu.

Jadi ini saya nampak, ini bapanya bagi tahu saya, saya kata "*You have to explain to your children*". Kita macam standard Inggeris ini kita tidak boleh anggap bahawa standard yang diamalkan oleh kita di Kuala Lumpur, oleh anak-anak kita bercakap Inggeris di rumahnya sama dengan standard Inggeris yang ada di luar-luar bandar, di kalangan anak-anak muda kita yang barangkali masih sukar untuk mempelajari apatah lagi menguasai bahasa Inggeris.

Jadi ini perkara-perkara yang kita kena peka, kalau ada golongan-golongan macam pembangkang kita tidak tahulah nak cakap macam mana. Kita harap mereka juga mengambil berat tentang keadaan ini dan memastikan janganlah keuntungan politik jangka masa pendek digunakan sehingga boleh merugikan pertimbangan masa depan...

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Tadi...

**Datuk Yaakob bin Haji Mohamad:** [*Bangun*]

▪ 1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat beri laluan kepada Datuk Yaakob dahulu.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpanggil lanjutan daripada hujah persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat beri petang tadi. Tentang stigma yang pernah beberapa kali kita dengar di dalam Dewan ini, stigma agak negatif kepada perkhidmatan awam. Katanya dasar yang dibuat oleh kerajaan baik, tetapi implementasinya ataupun pelaksanaannya oleh perkhidmatan awam yang dipertikaikan.

Jadi saya rasa stigma sedemikian, sepatutnya tidak boleh dibangkitkan kerana kita harus terima realiti dan hakikatnya pembangunan negara pada hari ini dari segi pembangunan ekonominya di kecapi oleh semua kaum. Mungkin tidak seimbang, hanya satu-satu kaum sahaja yang lebih menikmati keistimewaannya dari segi untung dasar-dasar kerajaan itu.

Saya ingin memperbetulkan dari segi minda mereka yang mempunyai persepsi terhadap perkhidmatan awam. Hampir satu juta perkhidmatan awam hanya melaksanakan tanggung jawab dasar-dasar yang dilaksanakan, diputuskan oleh kerajaan. Dan kalau dilihat apa-apa sekalipun dasar ataupun projek yang dilaksanakan oleh kerajaan, akhirnya putaran ekonominya siapakah yang akan memperoleh nikmat hubungan? Jadi saya tidak boleh menerima hakikat kalau diperkatakan dasar itu baik tetapi pelaksanaan oleh perkhidmatan awam yang begitu *biased*, mungkin anggapan-anggapan sedemikian mereka tidak sepatutnya ada. Apatah lagi kita di peringkat kepimpinan tertinggi.

Kalau kita di peringkat tertinggi mempunyai persepsi kepada perkhidmatan awam sedemikian rupa, inilah yang kadang-kadang mempersulit bagaimana pula di peringkat akar umbi? Seolah-olah tanggapan negatif sedemikian boleh membawa kepada prasangka, prejudis kepada perkhidmatan awam dan terbukti Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan awam negara kita yang sering kali laungkan, di antara yang terbaik di dunia kerana sikap perkhidmatan awam yang begitu tanpa mengira hasil yang mungkin tidak setimpal dengan beban tetapi mereka begitu setia untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang mana akhirnya dinikmati oleh sebilangan besar bukan bumiputera. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini semua agak perkara-perkara yang rumit. Bagi kumpulan tertentu merasakan mengapakah kumpulan lain tidak dapat melihat perkara ini? Yang baginya sudah telus, sudah jelas. Bagi bumiputera umpamanya, kalau pun dapat satu-satu projek, oleh sebab rangkaian, oleh sebab bekalan, oleh sebab macam-macam pinjaman yang dibuat dan sebagainya, akhirnya kesan daripada projek tersebut boleh dirasakan oleh semua tetapi bagi orang bukan bumiputera pula merasakan mengapa dia tidak dapat projek itu *in the first place*, dengan izin.

Jadi dia rasakan seolah-olah menidakkan hak mereka tetapi saya rasa kalau kita ingin melihat, kalau kita betul-betul bersemangat berkongsi, kita mahu berkongsi kekayaan negara, maka saya rasa perkongsian itu lebih senang wujud dilahirkan apabila seorang bumiputera itu mendapat sesuatu projek tersebut. *Because without a choice*, ia akan perlu dikongsi dengan realiti yang ada tetapi kalau dapat kepada orang bukan bumiputera, lebih sukar untuk dikongsi kerana ianya mempunyai rakan yang di sini adalah pegawai-pegawai sedikit sebanyak dalam syarikat bukan bumiputera dan sebagainya yang bumiputera. Ini satu. Jadi soalnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi hujah Yang Berhormat itu, menyeru supaya jangan lihat kepada nilai kontrak yang diberi sahaja. Lihat kepada keseluruhan *multiplier if... [Gangguan sistem pembesar suara] ...Contract* tersebut barulah kita mendekati fakta.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, itu tepat. Manakala kita mahu tengok kesan dia, kesan dia bukannya sebanyak mana yang diputuskan di peringkat pemberian. Kesannya apakah akhir-akhir yang berlaku dalam sektor tersebut. *Multiplier effects*, kesan limpahan dia dan

sebagainya. Soal ini boleh dibahaskanlah tetapi kalau kita memegang kepada prinsip bahawa kerajaan sebagai kerajaan yang mempunyai dasar untuk mewujudkan kestabilan politik dan kestabilan ekonomi dan perkongsian hasil ekonomi bersama dan justeru perlu mewujudkan suasana pembahagian yang lebih adil maka semestinya satu peruntukan ditumpukan kepada golongan ini. Kalau tidak, mereka tidak akan ke mana.

Kalau pembahagian ekonomi yang 30% pun umpamanya tidak dapat ditepati hari ini dan kita sudah tidak mahu lagi kumpulan ini diberi pertolongan oleh kumpulan-kumpulan lain, maka soalnya bagaimanakah matlamat 30% atau 25%, ataupun 24% ini dapat dicapai? Ini masalah yang saya hendak cakap, banyaknya kita ini senang bercakap daripada yang sebenarnya. Kita senang bercakap kata, "Dasarnya okey, kita boleh terima." Tetapi pelaksanaannya tidak betul.

Jadi, macam mana kalau kita sudah terima dasar untuk mewujudkan suasana yang lebih seimbang, mewujudkan BCIC umpamanya, *Bumiputera Commercial Industrial Community* dengan izin, kalau kita tidak hendak tolong dia macam mana hendak wujudkan? Buat apa dasar kalau tidak ada pengisian pada dasar tersebut? Tetapi dasar sahaja orang hendak terima, tetapi bila hendak melaksanakan, tidak hendak terima. Itu tidak boleh. Kalau kita *honest* dan *sincere* dengan dasar kita, maka kita kena terima *follow-through*.

Kecuali yang di *follow-through* ini melebihi daripada dasar ini. Umpamanya kalau dasarnya 30%, kita nampak yang diberi kepada golongan bumiputera sudah 100%, 80%, 70%, ialah ini yang kita hendak tengok macam mana boleh jadi macam ini? Tetapi yang diberikan sebenarnya kepada golongan bumiputera, walaupun melalui kontrak kerajaan, perolehan kerajaan, hanya sekumpulan sahaja. Kerana yang besar-besar itu memang dibuka. Hanya yang kecil-kecil sahaja yang diberi. Itu pun macam yang saya katakan tadilah kesan dia, *spill over effects* nya dan soal ini kita tidak boleh hendak..., sebab kalau kumpulan bumiputera pula umpamanya, boleh rasa tidak puas hati. Ini dasar hendak integrasilah tetapi sektor swasta nampaknya kalau hendak ambil pekerja ditetapkan mesti mempunyai penguasaan bahasa Mandarin, berapa orang bumiputera yang boleh berbahasa Mandarin, umpamanya?

Jadi adakah kerana dia swasta, maka tidak tertakluk langsung kepada dasar-dasar negara. Manakala dasar kerajaan kalau pun tertakluk mesti dilaksanakan dengan cara yang boleh diterima. Ini soal rumitlah. Jadi ini soal yang perlu kepada toleransi, yang perlu kepada keyakinan kita bahawa kita dapat membuatnya bersama. Kita yakin kalau dasar ekonomi baru dari tahun 1970 hingga tahun 1990 berjaya mewujudkan suasana yang begitu baik walaupun dasar yang mengangkat milik orang Melayu daripada 2% kepada 19% yang lebih besar daripada hari ini *stagnant* kepada 19%, masa itu okey. Tidak ada masalah kerana keinginan dan kesedaran dan keinsafan bahawa negara kita tidak akan dapat terus ke hadapan kerana masalah yang berlaku dalam tahun 1969.

Barangkali, itu sudah terlupa kepada pandangan kita. Generasi muda sudah tidak dapat merasakan lagi oleh sebab globalisasi dan maklumat yang tersebar luas mereka merasakan kita ini sudah tidak ada perbezaan. Antara rakyat Malaysia dengan rakyat asing sudah tidak sepatutnya ada perbezaan. Apabila semua ini kita dipengaruhi apatah lagi antara rakyat Malaysia dengan rakyat Malaysia. Inilah yang saya rasa menimbulkan toleransi yang kurang, rasa prasangka yang meningkat, rasa di dalam tidak sama dengan yang di luar dan kita ada pula sistem yang menggalakkan perbezaan ini, baik dari segi pendidikan, baik dari segi keajiranan dan sebagainya, ini semua *fit on to each other*, dengan izin, dan akan menimbulkan suasana yang semakin rumit, yang semakin rumit yang mungkin sukar ditangani di masa-masa akan datang.

■1640

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Yang Berhormat, perasaan dan dasar kalau ada masalah boleh dibetulkan kerana pemimpin-pemimpin kanan di Malaysia kita bijaksana, bijak pandai. Sebagai contoh tadi Yang Berhormat sebutkan satu sekolah jenis kebangsaan Cina diadakan di Puchong. Sebenarnya bagi pihak masyarakat Cina, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran tentang kelulusan untuk meminda sekolah ini. *Green light* ke Selangor. Tadi Yang Berhormat kata pembangkang tak puas hati. Memang mereka tak puas kerana MCA dan Gerakan bekerjasama untuk pastikan sekolah ini dibina dengan RM7 juta.

Jadi inilah satu contoh bahawa dasar boleh dibetulkan dengan kerjasama di antara pemimpin-pemimpin kanan di dalam semua parti komponen Barisan Nasional. Jadi pembangkang selalu kompelin tak adil kerana apabila MCA atau parti-parti di dalam Barisan Nasional berjaya untuk menolong masyarakat Cina, India dan lain-lain, jadi memang parti pembangkang khasnya parti yang memainkan isu perkauman tak puas hati. Oleh sebab itu pelbagai cadangan yang negatif telah disebutkan oleh Ahli-ahli Parlimen pembangkang di Dewan Rakyat dan mereka sentiasa memberi maklumat palsu, maklumat yang tidak betul kepada masyarakat Cina kerana saya selalu melawat persatuan-persatuan, mereka telah menerima maklumat yang tak betul dan saya perlu betulkan.

Jadi dengan penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat memang bagus. Kita tak boleh nafikan bahawa semua rakyat Malaysia perlulah bekerjasama untuk memastikan kejayaan negara kita untuk merealisasikan kejayaan. Tanpa kerjasama ini tak akan menjadi. Saya sokong 100% dasar-dasar yang baik yang perlu dilaksanakan dengan cara yang terbaik untuk kebaikan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat Datuk Lee saya bersetuju bahawa ini adalah kerenah pembangkang dan mereka tidak akan berpuas hati tapi kita mesti pastikan bahawa bukan sahaja kita merasakan bahawa ini kerenah pembangkang tapi orang-orang kita, penyokong-penyokong kita di segenap lapisan kerana orang Melayu di kampung barangkali melihat pembangkang DAP ini bukan pembangkang. Tidak dapat membezakan sangat

pembangkang DAP dengan yang lain. Begitu juga barangkali kalau isu-isu yang dikeluarkan oleh parti pembangkang lain yang berunsur agama yang melampau barangkali orang-orang bukan Islam merasakan bahawa ini bukan pendirian parti pembangkang semata-mata barangkali inilah hasrat yang tersirat untuk orang-orang Islam di Malaysia ini.

Ini cukup penting. Oleh itu, apabila kita melihat usaha parti-parti pembangkang dan sekutu-sekutunya yang bersekongkol untuk membawa masalah kepada rakyat melalui tunjuk perasaan, demonstrasi jalanan baik yang dibuat oleh BERSIH, Hindraf jangan kita tersalah langkah untuk mengiakkan di dalam hati kita semata-mata kerana apa yang dikatakan itu terlintas juga di hati kita secara langsung atau tidak langsung kerana ini adalah permainan yang cukup bahaya. Kalau kita sudah terlanjur saya rasa cukup malang bagi sebuah negara yang selama ini menjadi negara contoh pada negara-negara membangun, harapan kepada banyak negara yang melihat model Malaysia inilah satu-satunya model yang boleh digerakkan oleh mereka untuk mencapai kesenangan, untuk mengurangkan kemiskinan dan untuk merasai nikmat dan faedah sains dan teknologi, kalau pun tidak boleh menghantar angkasawan selepas ini. Ini penting.

Jadi saya menyeru pada kita semua, kita mesti tentangi habis-habisan apa yang cuba dilakukan dan malangnya ia mendapat sokongan, dukungan, hasutan dari orang-orang yang sepatutnya merasa lebih bertanggungjawab daripada mereka di kampung-kampung. Mereka yang kurang berpelajaran yang mengharapkan bahawa hidup mereka masih lagi perlu dibela, kehidupan anak-anak mereka masih lagi perlu diperbaiki untuk masa depan tetapi oleh kerana kepentingan politik golongan mereka berbuat apa sahaja, mereka cakap apa sahaja di dalam arena yang berbeza, isu yang sama, kata-kata yang berbeza, yang hanya sedap didengar dan hendak didengar oleh orang-orang yang mahu mendengarnya sehingga membelakangkan segala-galanya pertimbangan untuk perpaduan, pertimbangan kestabilan, pertimbangan masa depan negara kita yang begitu rapuh kalau dikira dari segi komposisi kaum dan yang hanya sejarahnya pun tidaklah begitu lama untuk betul-betul memantapkan satu masyarakat yang boleh menjamin untuk bertahan daripada segala serangan baik dari luar ataupun dari dalam...

**Puan Mumtaz binti Md. Naw:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat Mumtaz nampak hendak tanya?

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan apa yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bagaimana cara kita hendak mengintegrasikan rakyat kita khususnya berkaitan dengan perpaduan dan pembangkang. Saya juga hendak merujuk kata-kata Tuan Yang di-Pertua sebelum ini bahawa untuk menjadikan Malaysia ini sebuah negara yang stabil kita bukan hanya memerlukan Barisan Nasional yang stabil, kita juga memerlukan barisan pembangkang yang stabil kerana barisan pembangkang juga adalah parti-parti yang berdaftar di negara kita.



Jadi adalah salah bagi pandangan saya untuk kita meletakkan segala-gala yang berlaku ini hanya kepada pembangkang. Kalau kita lihat kes-kes yang berlaku bukan hanya disebabkan oleh pembangkang tapi banyak juga berlaku disebabkan oleh kerajaan sendiri. Jadi dalam usaha ini untuk kita memastikan apa yang terbaik pada rakyat saya rasa adalah lebih baik pendekatan yang dibuat oleh kerajaan pada masa sekarang dalam keadaan yang begini genting khususnya berkaitan dengan perpaduan kita boleh berbincang. Saya lihat satu program yang dibuat IIM atau Institut Integriti Malaysia baru-baru ini di mana dipanggil pembangkang juga membincangkan isu-isu integriti.

Jadi bila mana pihak kami mengemukakan fakta kelihatan pihak IIM terkejut bahawa pembangkang juga berminat dengan isu-isu begini dan boleh berbincang kerana apa yang dimomokkan kepada rakyat ialah pembangkang ini kalau bangun sahaja membangkang atau memberitahu perkara yang sebenar dianggap sebagai satu perkara yang salah. Jadi saya rasa dalam Islam pun ada pro kontra. Suami isteri pun boleh tegur. Bukan makna bila suami memerintah isteri kena dengar 24 jam semua kena ikut. Benda yang betul kena ikutlah, benda tak betul tak ikutlah.

Jadi dalam negara ini jangan kita cuba mempersoalkan bagi kita semua pembangkang tak setia kepada negara. Kesetiaan kepada negara adalah perkara yang berbeza. Membangkang perkara yang tak betul adalah perkara yang berbeza. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandangan saya disebut. Saya hendak campur tangan sedikit untuk menjelaskan. Pandangan saya ialah parti-parti yang telah memerintah negara selama 50 tahun menunjukkan bahawa mereka mampu muafakat sehingga kelangsungan negara ini terjamin. Parti-parti tersebut dahulu tergolong di bawah nama Perikatan, kemudian ditukar nama dan diperluaskan lagi jadi Barisan Nasional itu dalam sejarah kita yang ringkas... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Pemerhatian saya dalam semasa sejarah bangkangan di Malaysia menampakkan kumpulan-kumpulan yang juga mewakili kaum tetapi tidak mampu bina satu perikatan yang boleh rakyat Malaysia, 26 orang juta terima sebagai alternatif pemerintah mereka. Jadi sudah tentu saya tanya hati saya, *why not*. Itulah pandangan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah hakikat bahawa hari ini tidak wujud satu parti atau sistem gabungan parti yang boleh menjamin sokongan oleh majoriti rakyat selain daripada Barisan Nasional.

#### ■1650

Kalau kita lihat kedudukan kerusi sahaja, kedudukan sokongan sahaja, kedudukan kerusi yang dipertandingkan pun, tidak menjamin bahawa ada alternatif lain yang boleh. Itu soal lain, itu soal dari segi realitinya, hakikatnya saya bersetuju. Kembali kepada isu yang dikeluarkan, dinyatakan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz tadi, kita perlu kepada pembangkang yang stabil. Saya tidak ada masalah, pembangkang stabil kah, kuat kah, tidak kuat kah, tidak ada masalah

saya. Saya harap kuat, tetapi yang kita mahu ialah pembangkang dan juga kerajaan yang bertanggungjawab. Kalau pun kita tidak kukuh, kalau pun kita tidak kuat, kalau pun kita tidak stabil, tetapi kita bertanggungjawab dengan tindakan kita.

Itu adalah lebih penting, lebih dihormati dan lebih dihargai. Walaupun kita besar tetapi tidak bertanggungjawab. Kita tahu kita semua bukannya kecil dalam politik. Kita bukan sahaja masuk politik sehari, kita bukan budak-budak di pra sekolah. Kita tahu hasutan, soal semata-mata untuk mendapat sokongan apa sahaja orang cakap, apa sahaja dalam kempen-kempen, kita tahu. Tadi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengatakan, terdapat parti pembangkang yang mencemarkan imej di Indonesia, menggunakan segala taktik untuk menimbulkan kebencian rakyat Malaysia terhadap negara kita. Seolah-olah hanya menjamin atau menjanjikan rakyat Indonesia apabila dia kembali berkuasa sahaja, suasana ini dapat dilihat.

Apakah ini sesuatu yang bertanggungjawab? Sudah tentu tidak bertanggungjawab. Apabila ada kumpulan yang membawa berita ke seluruh dunia mengatakan bahawa ada *ethnic cleansing* di Malaysia. Di manakah tanggungjawab kumpulan tersebut? Apakah mereka tidak tahu? Apakah betul-betul wujud *ethnic cleansing* di negara ini? Ini betul-betul pembangkang kah, kumpulan menentang kah, tidak bertanggungjawab. Kita berterima kasih, pemimpin parti Puan Mumtaz yang keluar menyokong, yang menentang Hindraf, kita berterima kasih kerana itu adalah tindakan bertanggungjawab dan kita menghargainya.

Puan Mumtaz tahu kita dari satu negeri, saya rasa saya tidak pernah berbuat sesuatu di Kelantan yang boleh merosakkan, tidak pernah! Apabila saya bercakap kepada orang saya bercerita apa yang benar, saya tidak ingat lagi dah saya menipu, saya membelot ini untuk mendapat sokongan politik semata-mata. Barangkali kerana ketelusan tersebut, saya diberi sokongan dan itulah yang akan saya terus lakukan. Saya tidak pernah kata sesiapa tidak baik peribadi, tidak ada. Saya beri pilihan kepada rakyat di kawasan saya membuat penilaian, sekiranya ada yang lebih baik ada yang lebih mampu untuk membawa perubahan, pembaharuan, silakan.

Silakan, kerana yang penting politik inilah politik yang bertanggungjawab dan politik yang saya percaya dan yakin politik yang boleh lestari, bukannya untuk jangka masa pendek, bukan kepuasan hati dan nafsu kita. Jadi saya bila kata pembangkang, saya tidaklah mengumpul semuanya, cuma saya tidak sukalah hendak sebut individu tertentu, parti tertentu tetapi ini kita tahu. *Ethnic cleansing*, Indonesia, kita tahu dan BERSIH, sebelum itu di Kuala Terengganu. Jadi kita kena berjaga-jaga memang kadangkala kita sukar untuk meletakkan *boundary*, yang mana boleh dan yang mana tidak boleh, tetapi kita perlu awasi, jangan kita terlalu lebih daripada yang baik, jangan terlebih bagi saya daripada tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagaimana pandangan Yang Berhormat saya terjumpa pagi-pagi tadi, muka-muka, *face without mask* dan demokrasi. Saya pun terlupa catat nama dia tetapi dari falsafah yang terbuka ini sebutannya begini, "*any search for truth, needs structures and disciplines*."

*It's undermine by casual, disregards of accuracy and evidence. Unconditional freedoms just, is not optimal for truth seeking"*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya setuju sangat Tuan Yang di-Pertua, dan saya rasa dalam agama kita juga, kita tidak ada *unlimited freedom to think, to question*. Pada satu tahap dan satu peringkat, kita diberi amaran oleh Allah S.W.T. jangan cuba-cuba melebihi, terimalah ia sebagai keyakinan, kepercayaan kita, iman kita kerana Allah itu lebih mengetahui daripada kita. Ini kalau kita menjadi orang Islam. Jadi jangan hendak menjadi jaguh yang melebihi. Kita perlu ingat, saya sebenarnya mendapat pendidikan di Amerika Syarikat selama sembilan tahun. Saya melihat kebebasan, dan saya melihat juga bagaimana walaupun kebebasan yang agak tidak terbatas tersebut, masyarakatnya masih boleh menerima dan tahu yang mana boleh diterima dan yang mana tidak boleh diterima, cakaplah apa sahaja.

Kebanyakan, kalaulah kempen-kempen politik tidak ada yang teruk-teruk, banyak kepada isu-isu pendekatan dia, apa yang dia akan lakukan kalau dia dipilih bukannya untuk *director* yang berlebihan, tetapi sebagai seorang pemegang jawatan awam, rekod peribadi dia memanglah itu terpaksa didedahkan tetapi saya nampak, apa yang kita buat di sini pertamanya, kita cuba menggunakan eksploitasi ini untuk kepentingan kita. Keduanya masyarakat kita di bawah-bawah, masih lagi kurang mampu untuk menerima apa yang benar, apa yang tidak.

Ini saya bimbang, di kalangan kita hari ini boleh hendak berhujah, Puan Mumtaz hendak berhujah dengan saya selepas ini kah di dalam bilik rehat, tidak ada masalah. Kalau kita berhujah dengan cara yang di luar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemunasabahannya.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kemunasabahannya di tempat-tempat awam, saya rasa ini akan membawa banyak kemudatan dan sebagainya. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, dalam isu pembangkang ini, banyak orang terlupa melihat dari segi sejarah dan amalan yang ada di negara kita bahawa, kita sebenarnya tidak pernah menghalang kewujudan sistem pembangkang di negara kita. Kita memang memerlukan pembangkang yang kuat, yang kuat ini maksudnya ialah pembangkang yang konstruktif, yang kita harap dapat memberikan teguran-teguran, pandangan-pandangan yang bukan bersifat untuk menghasut dan sebagainya, terutama dalam sistem masyarakat yang ada seperti di negara kita.

Sebab itulah di negara kita ini kita ada Ketua Pembangkang yang diberikan *privilege* yang kalau hendak dibandingkan di tempat-tempat lain jauh ketinggalan sebenarnya. Jadi sebab itulah, sikap keterbukaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diamalkan sekarang ini cuba dipergunakan oleh pihak-pihak tertentu, sebabnya apabila mereka gagal sebenarnya menggunakan sistem demokrasi dalam usaha mereka untuk mendapatkan kuasa, maka timbullah

pendekatan-pendekatan yang antara lainnya ialah yang fitnah. Satu lagi ialah untuk mengamalkan tindakan ataupun cara-cara yang boleh menimbulkan huru-hara.

#### ■1700

Kita dulu pernah ada Parti Komunis Malaya yang cuba menggunakan pendekatan bersenjata. Akhirnya mereka sendiri tidak dapat meneruskan perjuangan mereka itu sebab rakyat menolaknya. Sebab itulah sekarang ini ada pembangkang yang cuba menggunakan pendekatan demonstrasi ini, sebab mereka yakin seperti mana yang berlaku di negara-negara tertentu, bahawa melalui sistem demonstrasi jalanan ini boleh menjatuhkan sesebuah kerajaan. Rakyat akan terpengaruh, rakyat akan bangkit, rakyat akan marah dan rakyat akan menolak kerajaan tersebut melalui proses pilihan raya. Cuma akhirnya mereka mendapati mereka gagal, sebab itulah apabila berlaku demonstrasi jalanan pada tahun 1999, pilihan raya tahun 2000 mereka gagal dan sekarang ini mereka rasa bahawa dengan adanya peluang-peluang seperti mana yang berlaku kepada demonstrasi yang dilakukan oleh Hindraf, dan pelbagai pertubuhan lain, maka dia mengharapkan mereka mendapat sedikit *advantage* untuk merosakkan lagi imej kerajaan.

Sebab itulah sebenarnya tidak ada kebenaran pun untuk kita mengatakan bahawa kita menolak sistem pembangkang yang diamalkan di negara kita ini, cuma yang kita tolak ialah sistem pembangkang yang cuba melakukan fitnah dan sebenarnya Perdana Menteri kita ini apa lagi yang orang tak pernah kata tentang dia? Macam-macam. Kalau kita lihat kepada *blog*, kita sendiri pun kadang-kadang tidak berpuas hati. Kita dah cakap banyak kali, maksudnya haramkan *blog internet*, tapi kerajaan tidak ambil tindakan sebab kerajaan ada pertimbangannya, tetapi janganlah keterbukaan itu dipergunakan oleh pembangkang dengan sewenang-wenangnya dan ada pula orang lain terpengaruh dengan apa yang dikatakan oleh pembangkang, *play safe* dan sebagainya dengan izin, maka menambahkan lagi masalah. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat sebenarnya?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat, boleh saya tambah sikit, dengan izin? Supaya dapat digulung isu yang sama. Ini isu sebagaimana disentuh oleh Yang Berhormat Senator Mumtaz tadi, berkaitan dengan pembangkang katanya seolah-olah tidak diberi peluang, tidak mendapat penilaian daripada kerajaan. Lebih kurang macam itulah.

Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa begitu sayang kepada Yang Berhormat Senator Mumtaz, kerana saya telah mengikuti perjalanan ketika menjadi ahli atau Senator Dewan Negara. Hujah-hujah yang beliau bangkitkan, yang diperdengarkan, teguran-teguran beliau begitu membina sekali kepada Dewan yang mulia ini, kepada kerajaan.

Namun yang saya rasa terkilan, sedihnya beliau berada di kapal yang lain. Andai kata beliau berada di kapal yang sama, insya-Allah perjuangan beliau akan lebih bermanfaat dan akan lebih dihargai. Namun sejarah parti yang diwakili oleh Yang Berhormat Senator Mumtaz mengikut

sejarahnya beliau adalah juga satu kapal. Parti PAS adalah juga satu kapal, namun perselisihan pandangan menyebabkan kapal yang besar itu terpaksa jadi bot yang kecil.

Di sini suka saya memberi sedikit pandangan, kalau dilihat sejarah 1969 apabila berlakunya huru-hara 13 Mei menyebabkan kesedaran timbul di kalangan parti yang kita katakan parti PAS, turut menghayati akan betapa pentingnya perpaduan untuk kestabilan, ketenteraman negara, menyebabkan mereka menjadi ahli Barisan Nasional dan kita menang majoriti yang terbesar dalam Dewan ini tahun 1974, dan ini kadang-kadang bentuk kepimpinan perjuangan parti yang menyebabkan kita terpaksa berpisah. Kadang-kadang bukan disebabkan oleh falsafah perjuangan parti, tetapi ada kepentingan-kepentingan yang tertentu, dan terbukti hari ini di mana kadang-kadang sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai seorang rakyat negeri Kelantan telah pun menimbulkan beberapa perkara yang tidak sepatutnya berlaku hari ini, tetapi telah berlaku. Lantaran itu, apakah prinsip parti pembangkang yang sekian lama kita pernah menghormati apabila berada di dalam, kemudian berada di luar kapal, mereka cuba mewujudkan beberapa tohmahan, fitnah dan kadang-kadang terbukti dan ada yang baik yang membina. Saya percaya kerajaan Barisan terima, namun ada unsur-unsur yang membawa kepada fitnah, bidaah, maka terpaksa, sebagai kerajaan yang memerintah mempertahankan haknya. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tak saya sampuk sikit saja? Dua minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk nak beri laluan?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Boleh.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat kagum dengan jawapan yang begitu *matured*, yang datang daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Satu perkara tentang soal pembangkang yang konstruktif dan pembangkang yang mempunyai tanggungjawab. Semua ahli pembangkang dan parti pembangkang sentiasa mengatakan bahawa mereka membangkang sesuatu itu kerana sayangkan negara, negara Malaysia tetapi jelas dan nyata apabila kita melalui krisis tahun 1997, krisis kewangan dan diikuti dengan kemelesetan ekonomi yang amat dahsyat, mereka tidak langsung pun datang kemukakan cadangan-cadangan yang bernas, yang dapat membantu kita keluar daripada kegetiran krisis kewangan. Bahkan mereka membuat segala tohmahan mengatakan, bahawa kita tidak berupaya langsung untuk menghadapi krisis ini, bahkan saya melihat seperti mereka itu menunggu-nunggu sahaja supaya Malaysia lebih teruk keadaannya, supaya mereka dapat timbul sebagai *champion*, sebagai hero dengan mengatakan bahawa lihatlah kerajaan ini, tidak berupaya menyelesaikan

masalah yang begitu getir, tetapi kita berupaya. Di sini jelas dan amat ketara bahawa parti politik sebenarnya tidak sayangkan negara.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Semua pandangan yang begitu bernas sehingga saya merasakan bahawa tidak perlu saya tambah. Cuma satu dua perkara, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, bahawa apa yang dilakukan oleh pembangkang hari ini ialah seolah-olah satu tindakan yang *desperat* telah, dengan izin. Yang *desperate*. Makna kalau mereka melalui proses pilihan raya yang dijangkakan berlaku tahun depan, barangkali tidak mungkin tahun inilah. Mereka tidak ada harapan, tidak ada harapan.

Kita tahu, dia tahu, rakyat pun tahu dan mereka barangkali sudah menanti terlalu lama, barangkali setengah-setengah pemimpin mereka merasakan inilah peluangnya untuk dia melakukan sesuatu, untuk menimbulkan huru-hara dalam negara ini supaya proses yang lain selain demokrasi yang boleh membawa perubahan. Inilah harapan, seolah-olah satu tindakan yang *desperate*, dengan izin kerana saya nampak tidak ada sebabnya, tidak ada sebabnya mereka sanggup melakukan sesuatu sehingga berbohong, menipu, menggunakan kuasa asing. Tidak ada dalam sejarah perkembangan politik negara kita mana-mana kumpulan atau parti sanggup melakukan apa yang mereka lakukan hari ini.

Sehingga *ethnic cleansing* yang hanya dirizabkan, dengan izin, kepada Hitler dan juga Bosnia, tiba-tiba Malaysia yang dahulunya negara contoh sekian lama, menjadi pengerusi Negara-negara Islam, bukan sebuah negara yang terlibat barangkali ketiga dalam sejarah yang menganuti *ethnic cleansing* ini. Sanggup sampai sebegitu dan menggunakan media di negara-negara jiran untuk menimbulkan kebencian dan hari ini ramai yang sudah benci kepada kita. Media dan pandangan umum lama-kelamaan, akhir-akhirnya akan merebak kepada kepimpinan, kerana kepimpinan juga seharusnya menjiwai apa yang terdapat di dalam jiwa satu-satu rakyat, kumpulan. Ini cukup-cukup membimbangkan.

#### ■1710

Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah menyebut tentang krisis kewangan. Pada masa itu saya ada dalam Bank Negara. 1 September saya ditugaskan untuk menjaga pelaksanaan *exchange control*. Saya dibawa pulang dari Labuan, sebelum itu berada di Labuan dalam suasana pulau yang indah, nyaman dan damai. Ditugaskan untuk melaksanakan *exchange control* bersama dengan Menteri Kewangan Kedua hari ini.

Kita lihat betapa susahnyanya kita hendak untuk mengubah pandangan umum bukan sahaja di luar negara, bukan sahaja di kalangan institusi-institusi multilateral tetapi dalam negara kita terlalu ramai. Kita tahu bahawa pemimpin, pembangkang hari ini seorangnya yang berkuasa pada masa itu mengambil tindakan sebenarnya untuk menyerahkan negara kita kepada IMF, mengikuti program IMF. Menyerahkan seperti mana Indonesia pada masa itu menyerah dengan *president*

menangani satu dokumen dengan Pengarah Urusan IMF berdiri di belakang dengan tangan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua ingat tidak Tuan Yang di-Pertua, Camdessus *president* sebuah negara yang mempunyai penduduk beratus *million*. Menandatangani satu dokumen seolah-olah penyerahan kuasa Jepun selepas peperangan dunia kedua. Jadi itu yang hendak dilakukan untuk negara kita sehingga menimbulkan kucar-kacir. Apa yang disuarakan oleh Perdana Menteri dalam satu forum, lain pula besoknya yang disuarakan oleh Menteri Kewangan pada masa itu. Satu krisis bukan sahaja krisis kewangan Asia tapi krisis dalam negara kita dan akhirnya, alhamdulillah kita terselamat.

Jikalau dahulunya sistem kawalan mata wang ini dianggap sebagai satu tindakan '*pariah*' dengan izin, oleh masyarakat antarabangsa, hari ini World Bank dan IMF mengakui bahawa ini juga adalah satu sistem yang boleh diikuti dalam keadaan-keadaan tertentu. Bahkan kos kepada penyesuaiannya, *restructuring* adalah lebih rendah daripada setengah-setengah negara lain. Bayangkan masa itu kita tengok di kaca TV bagaimana wanita-wanita Korea menyumbangkan tali leher dia, menyerahkan kepada kerajaan kerana negaranya juga teruk, negaranya juga mengikuti program IMF. Saya kurang yakin bahawa rakyat kita sanggup mengorbankan apa sahaja jiwa dan raga, apatah lagi rantai emas ataupun berlian yang ada. Saya tidak yakin dan bayangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya Cuma..., soal beri peluang ini masih menghantui pemikiran saya sebab pada tahun 1999, rakyat beri peluang kepada pembangkang sehingga rakyat memberi 43 Kerusi. Kemudian lima tahun kemudian, pada tahun 2004 dalam Dewan Rakyat sekarang 43 itu sudah jadi 19 campur 1 bebas. Adakah ini menampakkan rakyat tidak beri peluang atau rakyat beri peluang, tarik balik?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kata rakyat beri peluang, dia tidak..., bukan peluang yang diberikan oleh majoriti rakyat kita. Mungkin pada marginnya dengan izin, *at the margin* bolehlah tambah 20, 30, 40 dan barangkali itulah haknya yang boleh melihat perubahan kerana mungkin wujud golongan-golongan yang suka. Kita dalam politik ini kita tahu bahawa kita ada penyokong kuat kita, kita ada lawan kuat kita dan kita ada atas pagar.

Barangkali yang atas pagar yang lebih mirip kepada hendak cuba satu-satu ketika kalaulah hebat benar bunyinya cadangan-cadangan yang dibuat oleh parti-parti pembangkang, bagilah dia bagi percubaan barangkali. Apabila dilihat, apa yang diberi itu tidak membawa ke mana-mana. Maka dari satu segi bolehlah dikata beri peluang dan peluang itu di tarik balik. Hendak kata beri peluang keseluruhan mandat untuk memerintah negara ini saya rasa 'jauh panggang dari api'. Betul tidak Tuan Yang di-Pertua? Takut saya pun lupa tidak guna peribahasa itu 'jauh panggang dari api'. Tidak mungkin sama sekali.

Oleh sebab itulah mereka menggunakan taktik yang kotor dan kalau kita tengok BERSIH beria-ia memakai pakaian kuning hendak menuntut pilihan raya yang bebas. Kalau dilihat dari kaca mata Internet di pandang dari luar negara, Malaysialah pada masa itu negara yang paling comot dari segi pengendalian pilihan raya.

Kita dapat lihat fakta, kenyataan yang bukan dibuat oleh kita, dibuat oleh badan bebas yang mempunyai kaitan dengan Gallup Poll, yang menyatakan di Asia ini kita yang paling baik. 75 ke 73 ke ada setengah-setengah negara itu 40 lebih sahaja, ada setengah negara bila tanya orang yang menjawab itu memang tidak yakin pun. Apa orang kita hendak 100%, 99% baru bersih? 75 tidak cukup, bagaimana dengan negara-negara lain negara-negara jiran. Kadang kala menjadi idola kepada setengah-setengah kita elok pula.

Inilah, kita tidak membuat, mencipta fakta-fakta ini. Ia lahir; kebenaran itu Tuan Yang di-Pertua akan menjelma jua, percayalah. Cuma yang penting kita pastikan bahawa negara kita, masyarakat kita tidak kecundang dalam kita menanti dan menunggu kebenaran sejati yang akan bersama kita. Apabila kita sudah kecundang, apabila kita sudah bergaduh sesama sendiri, huru-hara maka tidak ada ertinya lagi yang benar ataupun yang tidak benar kerana kehidupan pada masa itu tidak banyak bergantung kepada kebenaran sebaliknya kepada kesusahan dan keperitan.

Ahli-ahli Yang Berhormat masa tidak mengizinkan sangat. Saya bercadang untuk menghabiskan masa yang diperuntukkan sehingga 5.30 petang dan meluluskan undang-undang ini supaya besok kita dapat bentangkan semula Belanjawan 2008. Saya ada banyak jawapan-jawapan kalau ada yang ingin jawapan bertulis kepada isu-isu yang dikeluarkan bolehlah beritahu, kalau hendak hantar kepada setiap orang pun susah juga kita akan tengok bagaimana.

Namun, beberapa perkara sementara kita tunggu lima minit Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan berapakah bilangan guru di SJK(C) dan SJK(T) yang di tanya oleh Dato' Yaakob. Sehingga 31 Mac 2007 jumlah guru terlatih di SJK(C) adalah seramai 30,220 orang, dan manakala di SJK(T) pula adalah seramai 6,519 orang. Kemudiannya berapakah bilangan kekurangan guru yang boleh mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris; di SJK(C) dan SJK(T) sehingga 30 Jun jumlah kekurangan guru di SJK(C) ialah seramai 1,163 orang manakala SJK(T) pula seramai 178 orang.

#### ■ 1720

Bagi mengatasi masalah tersebut, sebagai langkah jangka panjang kekurangan guru tersebut akan ditampung dengan melantik guru sandaran tidak terlatih iaitu GSTT dan perkhidmatan guru kontrak. Keadaan ini juga dapat diatasi setelah guru-guru Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) yang bakal keluar pada sesi persekolahan 2008 nanti.

Tentang bantuan tambang pengangkutan, Yang Berhormat Tuan Rawisandran, bagaimana pelajar-pelajar di estet-estet, bolehkah kerajaan mempertimbangkan tambang-tambang bas sebagai satu amalan memang kerajaan tidak menyediakan pengangkutan kecuali di sekolah-



sekolah berasrama penuh tetapi kerajaan sebenarnya menyeru supaya pengusaha-pengusaha ladang dan estet yang hari ini mendapat keuntungan yang begitu besar, harga yang begitu baik supaya mempunyai tanggungjawab yang lebih CSR atau *Corporate Social Responsibility* supaya menyediakan beberapa buah bas, saya yakin tidaklah banyak sangat. Barangkali dengan adanya keprihatinan yang sedemikian, pekerja-pekerja di ladang, di estet lebih lagi terangsang, lebih lagi ingin bekerja kuat kerana melihat bahawa nasib anak-anak mereka lebih baik dijaga dan dipelihara dengan adanya bas-bas tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Munusamy juga ada menyarankan supaya pelajar-pelajar yang lemah dikenal pasti di peringkat sekolah rendah lagi untuk dimasukkan ke sekolah aliran kemahiran vokasional di peringkat sekolah menengah kelak. Memang ini selari dengan dasar kerajaan cuma *streaming*, dengan izinnya, masih dibuat selepas sekolah menengah, selepas Sijil Rendah Pelajaran dan juga selepas SPM yang mana tidak menyambung ke saluran pertama iaitu ke institusi pengajian tinggi biasa. Maka kita sebenarnya kerajaan memberi tumpuan yang khusus hari ini dan saya bercakap sebagai selaku Setiausaha Biro Pendidikan UMNO Malaysia yang berusaha untuk mewujudkan saluran kedua iaitu memperbanyakkan program-program latihan kemahiran kerana kita tahu ini juga penting kerana kita tidak mahu anak-anak kita yang tercicir daripada sekolah ini tidak dapat ke mana sebab itu kita ada IKBN, Giat MARA dan macam-macam lagi.

Yang lebih penting ialah untuk mewujudkan saluran kedua ini supaya mereka tidak terhad kepada pencapaian sijil atau diploma semata-mata tetapi juga untuk ke peringkat yang lebih tinggi, ijazah. Maksudnya mereka yang dalam bidang kemahiran ini sebagai *technician* akhirnya dia juga senang untuk mendapat ijazah dalam bidang-bidang tertentu. Seperti di sesetengah negara di Eropah, *apprentice system*, tidak semestinya belajar dapat gred pandai-pandai, hebat-hebat boleh masuk universiti tetapi juga mereka yang mempunyai kemahiran, kepandaian tangan yang juga ramai, yang juga bagus bagi kita mungkin dapat kelulusan baik. Saya Ph.D tapi kalau nak pegang skru, satu pun tak dapat, tak tahu pun nak pasang skru. Jadi dia ada orang-orang yang mempunyai kehandalan dan kebaikan masing-masing. Jadi ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan barangkali satu dua perkara saya nak tunggu beberapa minit sebelum saya nak tamat supaya kita ada masa untuk bacaan ketiga.

Satunya soalan bocor, isu yang ditimbulkan oleh Puan Mumtaz. Puan Mumtaz ada timbul, banyak isunya. Satunya isu apa tadi, isu ASB, sama ada halal tak halal. Apakah status halal haram ASB? Setakat ini beberapa negeri di Malaysia telah mengeluarkan fatwa mengharuskan pelaburan ASN, ASB iaitu negeri Perak, Kedah, Sarawak dan Kelantan. Majlis fatwa perlu keluar fatwa isu ASB untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri memperuntukkan kuasa mengeluarkan fatwa adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan hanya membincangkan dan

menyelaras sesuatu isu untuk memudahkan negeri-negeri mengeluarkan fatwa. Jadi Kelantan dah keluarkan, nampaknya ni, baguslah itu.

Dari segi isu perkhidmatan teksi, yang senang. Tambang teksi di negara ini Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook, tambang teksi di negara ini lebih murah daripada negara lain dan ini menjejaskan kualiti perkhidmatan teksi negara. Memang diakui bahawa kementerian mengaku kadar tambang teksi negara ini lebih murah berbanding dengan negara lain. Kali terakhir kadar tambang diselaraskan ialah bulan Mei 2005, kerajaan telah membuat komitmen terbuka untuk menyemak semula kadar tambang tersebut semoga ia dapat dilaksanakan pada tahun 2008. Jadi kalau kita naik teksi itu, tambang mahal sikit itu, tak apalah. Kita barangkali di antara yang terendah di dunia ini.

Satu lagi perkara yang boleh, isu pelancongan banyak tapi saya tidak masa. Sebenarnya pelancongan adalah salah satu kejayaan kita, baik dari segi kemampuan kita menarik pelancong, berapa banyak hasil pelancongan yang dapat dibuat, yang menguntungkan negara kita dan juga dari segi perbelanjaan, produk-produk baru yang diperkenalkan oleh agensi-agensi pelancongan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika diizinkan saya ingin berhenti di sini dengan sekali lagi ucapan berbilang-banyak terima kasih di atas segala saranan, pandangan, soalan, teguran dan kalau jawapan saya tidak menepati sasaran sepenuhnya tetapi itu adalah jawapan yang ikhlas dari saya. Semoga sekiranya masih ada lagi yang perlu kita selesaikan selepas ini, kita dapat melalui hubungan *bilateral* dengan izin, supaya segala-galanya ini dapat saya sampaikan nanti. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2007 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 11 Disember.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***